



**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 9

Khamis

23 Julai 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 9)
USUL-USUL:	
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 46)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 23 Julai 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status terkini pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo. Apakah justifikasi kerajaan terdahulu membatalkan pelantikan Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner-PDP*) dan kesan penamatan syarikat PDP tersebut terhadap pelaksanaan projek.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak merupakan inisiatif berterusan kerajaan untuk menambah baik jaringan infrastruktur jalan raya di Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara berfasa.

Secara keseluruhan, status kemajuan fasa I Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah sehingga Jun 2020 adalah 32 peratus bagi 11 pakej kerja yang sedang dilaksanakan. Manakala, tiga pakej kerja baharu dan satu pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna yang telah ditamatkan kontrak kini sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini, menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesebelas.

Pelaksanaan bagi baki 20 pakej kerja fasa I Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pula adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan untuk Rancangan Malaysia Ke-12. Bagi fasa I Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, satu pakej kerja iaitu Pakej Telok Melano ke Sematan telah siap sepenuhnya pada bulan Januari 2019. Manakala status kemajuan pembinaan sehingga Jun 2020 bagi 10 pakej kerja dari Sematan ke Miri yang kini sedang giat dilaksanakan adalah 52 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan hari ini akan tetap menghormati keputusan kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Pada awalnya, penamatan PDP dijangka akan memberi penjimatan kepada kerajaan, khususnya tiada keperluan pembayaran yuran PDP. Walau bagaimanapun, perubahan modul pelaksanaan tersebut tidak mengambil kira perkara-perkara yang berikut yang sedang ditangani oleh kerajaan. Antara lain, kesan ke atas pentadbiran projek, perubahan kontrak, kebajikan kakitangan-kakitangan yang terlibat dan keperluan penambahbaikan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada.

Berikutan itu, *mitigation plan*, dengan izin, dan tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosioekonomi perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut. KKR akan juga mengkaji kesan penamatan PDP ke atas kontraktor bumiputera yang terlibat dalam rangkaian Projek Lebuhraya Pan Borneo ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Tanjong Manis, mengemukakan soalan tambahan pertama, 30 saat.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang panjang dan jelas. Soalan tambahan saya, apakah perancangan kerajaan bagi membantu kakitangan-kakitangan Rakan Pelaksana Projek (PDP), dengan izin, dan perunding-perunding yang telah kehilangan pekerjaan setelah kerajaan mengambil alih pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo secara konvensional? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Dua minit 30 saat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Bila PDP dibatalkan iaitu Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. dan juga Syarikat Lebu Raya Borneo Utara Sdn. Bhd, maka sebahagian daripada pekerja, khususnya lebih kurang 500 orang di Sarawak dan juga di Sabah lebih kurang 300 orang yang telah pun diberhentikan kerja. Sebahagian mereka mungkin ada yang telah diambil tetapi kebanyakan mereka sekarang ini tiada mempunyai pekerjaan sebab tiada yang mengambil mereka bekerja.

Sudah pasti ini akan memberi impak dan kesan sebab kita akan kehilangan *technical expertise*, dengan izin, yang telah pun dilatih dan diambil dalam PDP tersebut.

Akan tetapi apa pun yang penting, saya kira kita patut fokus kepada *the way forward*, dengan izin, kedua-dua projek di Sabah dan Sarawak ini. Kita akan melihat dan mengkaji bagaimana kita dapat mempercepatkan sebab bila PDP ditamatkan dulu, projek ini sepatutnya siap Disember 2021 untuk Sarawak dan juga Jun 2021 di Sabah.

Sekarang ini tempoh sudah pun dilanjutkan pada tahun 2023 untuk Sabah dan di Sarawak tahun 2022. Jadi, yang penting sekarang ini melihat kaedah bagaimana kita dapat mempercepatkan dan daripada segi efektif dengan peruntukan yang ada ini, bagaimana kita nak mempercepatkan kualiti dan apa tindakan *decompromise*. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Soalan.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]: Sri Gading.

■1010

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput untuk soalan tambahan kedua Yang Berhormat Sri Gading. Masa 30 saat.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja soalan tambahan saya. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut soal peranan bumiputera. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menyatakan agenda Bumiputera bagi projek Pan Borneo ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, dua minit 30 saat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya kira beliau ada jawapan itu sebab dahulu beliau Timbalan Menteri di Kementerian Kerja Raya. Pernah kita memberi taklimat.

Di bawah konsep PDP, apa yang dihasratkan dahulu ialah, pertama sekali, untuk mengenal pasti kontraktor yang berkemampuan untuk melaksanakan program secara berskala besar di Sabah dan Sarawak. Kalau tiada, kita akan gabungkan mereka dengan kepakaran daripada luar Sarawak khususnya daripada Semenanjung yang ada pengalaman. Oleh sebab itulah banyak JV yang diwujudkan.

Di bawah PDP juga, salah satu semangatnya adalah untuk membangunkan kontraktor bumiputera. Oleh sebab itu dalam perjanjian itu diperuntukkan 30 peratus daripada keseluruhan projek mesti diagihkan dan diberi kepada syarikat bumiputera. Untuk PDP ini, mereka sudah pun mewujudkan unit khusus untuk memantau dan memastikan apa yang dihasratkan oleh kerajaan ini akan dapat dilaksanakan.

Cuma, apabila perubahan konsep daripada PDP apabila dibatalkan di mana sekarang ini secara konvensional, saya tidak pasti sama ada JKR Sabah atau JKR Sarawak akan meletakkan ada unit khusus untuk memantau memastikan penglibatan kontraktor bumiputera ini supaya mereka akan dapat belajar daripada projek berskala besar ini. Itulah yang saya katakan tadi bahawa kita di Kementerian Kerja Raya, kita akan membuat kajian keseluruhan mengenai apakah kesan, setakat mana kontraktor yang telah diberikan kontrak ini menyempurnakan hasrat kerajaan untuk mengagihkan 30 peratus kepada kontraktor bumiputera.

Ini termasuklah juga mereka yang telah dianugerahkan secara undian dahulu khususnya yang G1 dan G2 supaya nanti mereka akan diserahkan dan dipastikan akan terus mendapat pekerjaan yang telah kita tetapkan di bawah perjanjian dahulu. *Insyallah*, kita akan pastikan pembangunan ini diteruskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Soalan terakhir, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan kepada pertanyaan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Penting. Penting, Tuan Yang di-Pertua. Sabah, Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Had masa hanya 10 minit untuk satu soalan. Sekarang pukul 10.12 pagi. Sudah melebihi masa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kluang.

2. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada semua penerbit filem wajib memohon Lesen Pengeluaran Filem serta Surat Perakuan Penggambaran, tidak kira mereka adalah agensi media arus perdana atau media individu (*personal media*) yang menerbitkan filem di platform media sosial atau saluran tradisi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui FINAS berfungsi bagi mengawal selia aktiviti perfileman melalui usaha memelihara dan memajukan industri perfileman negara berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244] dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya.

Perbadanan mengeluarkan tiga jenis lesen kepada industri perfileman iaitu:

- (i) Lesen Pengeluaran Filem dan Video;

- (ii) Lesen Pengedaran Filem dan Video; dan
- (iii) Lesen Pemameran Filem dan video.

Merujuk kepada akta tersebut, seksyen 22(1), tiada seseorang boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mengeluarkan, mengedar dan mempamer filem-filem atau mana-mana gabungan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam seksyen 21(1) melainkan jika suatu lesen dikeluarkan yang memberi kuasa kepadanya untuk berbuat demikian.

FINAS juga menerima, memproses dan mengeluarkan Surat Perakuan Penggambaran (SPP), Sijil Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM) dan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Asing (PFA). Melalui syarat 1 Syarat-syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem di bawah Peraturan-peraturan 4 Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pelesenan) 1983 yang dikuatkuasakan, pemegang lesen, jika membuat penggambaran filem, hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan tidak lewat dari tujuh hari sebelum membuat penggambaran sesuatu filem dimulakan melalui borang tertentu yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Dengan penghantaran borang tersebut, Surat Perakuan Penggambaran (SPP) akan dikeluarkan oleh Perbadanan.

Sehubungan dengan itu, penerbit filem wajib memohon Lesen Pengeluaran Filem serta Surat Perakuan Penggambaran (SPP) tidak kira mereka adalah agensi media arus perdana atau media personel yang menerbitkan filem di platform media sosial atau saluran tradisi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila soalan tambahan pertama Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan tentang kes yang *Al-Jazeera* dikuatkuasakan dengan seksyen 22(1) Akta FINAS 1981 iaitu seksyen yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Tafsiran filem itu, sama ada tafsiran filem itu yang disebut dalam Akta FINAS ini merangkumi semua filem termasuk *TikTok* ataupun *IG TV* yang semua dipamerkan dalam media sosial atau tidak?

Ini kerana kalau akta ini dikuatkuasakan dengan apa yang berlaku sekarang, maksudnya semua pengguna media sosial perlu mohon lesen dari FINAS. Jadi, minta Yang Berhormat Menteri beri satu penjelasan yang jelas kepada seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri dalam masa dua minit 30 saat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tafsiran filem di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 2013) berbunyi seperti berikut:

“Filem-filem termasuk filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, trailer, dokumentari, filem kecil iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan termasuk pita video dan ceper video berupa arca-arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.”

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan semua orang, kecil besar, tua muda, individu atau organisasi untuk mengeluarkan apa-apa jenis filem seperti yang saya petik tadi asalkan ia mengikut undang-undang yang ada dan galakan kita adalah telus. Sebagai contoh, oleh kerana itu kita ada geran-geran yang disediakan oleh kerajaan. Kita ada Dana Kandungan Digital, kita ada FIMI atau *Film In Malaysia Incentive*, dengan izin dan semua itu kita tertakluk kepada peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput soalan tambahan yang kedua. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai dalam masa 30 saat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri tetapi saya rasa tidak menjawab sama ada *Instagram Live* dan sebagainya adakah mereka tertakluk di bawah perkara ini.

Cuma, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Dr. Dustin Pfundheller yang menghasilkan video *Other Side of the Truth* yang di-*share* oleh BERNAMA TV dalam media sosial, adakah beliau mempunyai lesen untuk menghasilkan bahan dokumentari tersebut? Mohon pandangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri dalam masa dua minit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya serahkan kepada pihak penguasa. Sekiranya ada aduan dan sebagainya, kita akan ambil tindakan mengikut undang-undang dan bergantung kepada sesuatu kes. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ada atau tidak ada? Soalan saya, ada atau tidak ada? Tidak adalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

3. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejauh manakah potensi industri ikan tuna di Malaysia serta usaha-usaha kementerian dalam mengembangkan industri perikanan tuna sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara bagi memperkasakan Malaysia sebagai hab ikan tuna di rantau ini, khususnya dalam era pasca COVID-19.

■1020

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam. Untuk makluman bagi tahun 2019, keseluruhan pendaratan tuna di Malaysia termasuk tangkapan tuna *neurotic*, tuna *oceanic* dan tuna *light species* adalah berjumlah 101,627.32 tan metrik dengan nilai anggaran RM900 juta. Daripada jumlah tersebut pendaratan bagi tuna *oceanic* yang ditangkap di Lautan Hindi adalah berjumlah 2,771 tan metrik dengan nilai anggaran RM35 juta.

Tangkapan tuna di Lautan Hindi adalah berdasarkan penetapan kuota mengikut spesies dengan pematuhan resolusi-resolusi yang ditetapkan oleh *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC). Berdasarkan had tangkapan ini, Malaysia menyasarkan pendaratan tuna laut lepas oleh *vessel* Malaysia adalah berjumlah 30,000 metrik tan. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tahun 2012 hingga 2019 jumlah purata pendaratan setahun adalah sekitar 2,000 tan metrik. Antara usaha kerajaan dalam mengembangkan industri perikanan tuna adalah:

- (i) membuat pindaan Akta Perikanan 1985 pada tahun 2019 berkaitan pengeluaran lesen penangkapan ikan tuna di laut lepas;
- (ii) menyenaraikan dua buah pelabuhan di Malaysia iaitu Pulau Pinang dan juga Pelabuhan Langkawi sebagai *designated port*, pendaratan tuna di bawah IOTC;
- (iii) kajian semula pelan strategik permohonan tuna dengan menambah baik *Fleet Development Plans* berdasarkan kuota tangkapan dan had muatan *vessel*;
- (iv) meneruskan pembangunan Pulau Pinang dan Labuan sebagai hab tuna dalam Rancangan Malaysia Ke-12;
- (v) Program Pemodenan *Vessel* Tuna C2 dan *Vessel* Tuna C3 merangkumi peningkatan teknologi lepas tuai di atas *vessel*;
- (vi) dana sedia ada di bawah kementerian yang diuruskan oleh Agrobank turut menyediakan pinjaman Skim Pertanian Bukan Makanan kepada industri-industri bagi perolehan *vessel* moden;

(vii) pembangunan sistem *port-in* dan *port-out* di Pelabuhan Perikanan Domestik; dan

(viii) pembukaan Galeri Tuna di FRI Batu Maung kepada orang awam.

Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia juga dalam penyediaan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021 hingga 2030 dalam merangka strategi bagi pembangunan dan pengurusan tuna yang lebih komprehensif dan bersasar. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Tahniah kepada kerajaan yang telah membangunkan industri tuna secara meluas dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2020 dan 2030.

Soalan tambahan saya, apakah sumbangan industri tuna kepada pendapatan KDNK Negara pada tahun 2019 dan sejauh manakah kementerian telah mengadakan libat urus bersama pemegang taruh yang berkaitan khususnya para nelayan dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna tahun 2020-2030 yang disediakan? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat. Secara keseluruhannya pada tahun 2019 sumbangan sektor perikanan kepada KDNK negara adalah 0.9 peratus dengan nilai sebanyak RM18 bilion termasuk tuna yang menyumbang sebanyak RM25 juta dalam tahun yang sama.

Untuk bahagian kedua soalan itu Yang Berhormat, Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna memang telah dilakarkan 2012 seperti dimaklumkan tadi hingga 2020 dan pada ketika ini Pelan Strategik 2021-2023 sedang diolah kementerian. Kalau kita lihat Pelan Strategik 2012-2020 lebih menumpu kepada pembangunan *vesse/* tetapi dalam olahan Pelan Strategik 2021 hingga 2030 akan lebih menumpu kepada pembangunan industri hiliran tuna itu. Tentu sekali *engagement* dengan industri belia akan diteruskan dan menjadi asas kepada pengolahan dasar Pelan Strategik Pembangunan Tuna 2021 hingga 2030. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengelakkan projek tambak laut (*Penang South Reclamation*) di Pulau Pinang yang memberi impak besar terhadap alam sekitar tidak diteruskan.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Pertama, terima kasih kepada yang bertanya. Saya ingin memohon kebenaran bagi menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Jerai berhubung dengan isu sama yang dijadualkan pada 25 Ogos 2020.

Projek Penang South Reclamation (PSR) yang melibatkan kerja-kerja penambakan laut yang akan membentuk pulau buatan dengan jumlah keluasan 4,500 ekar atau 1,821 ekar di mana pulau 'A' seluas 2,300 ekar, pulau 'B' seluas 1,400 ekar dan pulau 'C' seluas 800 ekar menjadikan keseluruhannya ialah keluasan 4,500 ekar.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bahawa projek ini telah pun mendapat bantahan yang sangat kuat daripada pelbagai pihak, pemegang taruh seperti para nelayan, masyarakat setempat, NGO dan pelbagai demonstrasi telah pun dibuat dan saya suka maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian telah pun menerima pelbagai memorandum bantahan terhadap projek ini.

Bagi pembangunan projek PSR ini juga, dikhuatiri akan menyebabkan kemusnahan kekal dan *residual impact* ke atas ekosistem daratan lumpur atau *mud flood* kawasan tangkapan ikan, kawasan pendaratan penyu dan sebahagian terumbu karang di Pulau Rimau yang merupakan ekosistem penting kepada sumber perikanan.

Saya suka memaklumkan bahawa kemusnahan kekal ini akan memberi impak negatif yang *significant* kepada sumber perikanan nelayan dan jaminan sumber bekalan makanan negara. Kementerian mengambil serius terhadap semua projek pembangunan terutama projek yang tertakluk kepada EIA. EIA adalah salah satu keperluan perundangan di bawah seksyen 34(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, proses penilaian EIA telah pun mendapat persijilan MS ISO 9001:2015. Oleh itu proses penilaian EIA adalah satu proses yang ketat dan mengikut amalan peringkat antarabangsa. Oleh kerana itu, penggerak projek ini tidak boleh memulakan sebarang kerja di tapak sehingga laporan *Environmental Management Plan* (EMP) yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar di mana EMP ini merupakan salah satu syarat utama daripada 72 syarat kelulusan EIA yang perlu dipatuhi. Sekian terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberi. Apa yang kita sedia maklum, projek tambak laut yang berkait secara langsung dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang telah mendapat bantahan yang berterusan daripada pelbagai pihak. Antara kebimbangan utama yang dibangkitkan adalah ia bakal memberi ancaman kepada hidupan laut dan dalam masa yang sama melibatkan alam sekitar.

Soalan tambahan yang ingin saya ajukan kepada pihak kementerian, apakah projek tersebut akan dihentikan sementara bagi memastikan ia memenuhi 72 syarat yang ditetapkan dalam laporan penilaian kesan alam sekitar? Seterusnya, saya ingin tahu tentang perkembangan status rayuan Lembaga Rayuan yang mencabar kelulusan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum ini. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Untuk makluman Yang Berhormat bahawa projek ini tidak dimulakan dan tidak boleh dimulakan lagi. Saya ingin jelaskan bahawa tidak ada proses penangguhan sebagaimana yang ditanya. Jadi sebab projek ini memang tidak dapat kelulusan dan tidak boleh mulakan lagi.

Cuma saya ingin jelaskan pada soalan kedua yang dibangkitkan, Jabatan Alam Sekitar menerima notis rayuan bertarikh 29 Julai 2019 daripada Encik Zakaria bin Ismail. Beliau mewakili 185 nelayan di Sungai Batu dan surat rayuan tersebut melalui Tetuan Tivalinggam bertarikh 1 Ogos 2019.

■1030

Untuk makluman Dewan yang mulia, perkara ini selaras dengan seksyen 35(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, bila mana seorang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) dan (4), seksyen 34(a) Laporan EIA, mereka boleh merayu kepada Lembaga Rayuan. Lembaga Rayuan boleh, selepas mendengar Ketua Pengarah dan perayu-perayu itu membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut.

Di bawah seksyen 36, Ahli Lembaga Rayuan telah dicadangkan kepada Peguam Negara untuk pertimbangan beliau dan saya suka maklumkan bahawa ada enam orang yang telah pun dilantik dan kita masih menunggu Pejabat Peguam Negara untukewartakan pelantikan tersebut bagi lembaga ini mendengar rayuan yang dikemukakan oleh Encik Zakaria bin Ismail yang mewakili seramai 185 orang nelayan dan saya suka maklumkan keseluruhan nelayan yang terlibat lebih kurang seramai 4,600 orang yang membuat bantahan terhadap projek ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: ...Bukit Bendera. [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya mendengar jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Projek tambak laut *Penang South Reclamation* sebenarnya mempunyai potensi yang besar dari segi ekonomi dan juga kepada perkembangan peluang pekerjaan kepada bukan sahaja negeri Pulau Pinang tetapi juga kepada negeri-negeri kejiranan iaitu selatan Kedah dan utara Perak kerana boleh membawa peluang ekonomi potensi ekonomi besar.

Soalan saya, projek ini telah melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara (*National Physical Planning Council*) dan telah dinyatakan syarat-syarat seperti, perlu ada pelan pengurusan alam sekitar. Bolehkah Pelan Pengurusan Alam Sekitar ini apabila siap nanti, apabila dikemukakan oleh kementerian hendaklah dilihat secara profesional, bukan dilihat secara politik. Apabila dilihat secara profesional, maka saya rasa ini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Menteri tadi boleh diambil perhatian.

Soalan saya mengenai Pelan Pengurusan Alam Sekitar— apakah tugas ataupun tanggungjawab kementerian dalam kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar ini. Ini soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Satu minit.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih. Saya mengakui bahawa projek ini sebagaimana yang telah ditanya, dia mempunyai potensi ekonomi yang banyak dan peluang pekerjaan dan sebagainya. Cuma, apa yang jelas bahawa saya suka maklumkan bahawa mengenai Pelan Pengurusan Alam Sekitar, jaminan kementerian adalah kementerian akan melihat secara profesional. Akan tetapi, di waktu yang sama sebagai kementerian yang diamanahkan untuk menjaga alam sekitar, kita memberi perhatian terhadap impak alam sekitar yang berterusan dengan projek ini.

Apa pun yang berlaku, kita harus mengambil kira semua sektor yang berlaku dan yang terlibat dalam projek yang besar ini. Kita boleh bayangkan keseluruhan projek tadi seluas 4,500 ekar. Satu keluasan yang sangat besar dan impaknya tentu juga besar di samping dia memberi peluang pekerjaan bagi penduduk dan sebagainya. Oleh itu

jaminan kementerian, kementerian akan melihat ini secara telus, secara adil dan secara profesional. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sikit. Yang Berhormat Menteri boleh jawab bertulis. Boleh tidak? Sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan kepada soalan jawab lisan yang seterusnya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih.

2. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang bagi semua fasa dapat disiapkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang, projek yang dimaksudkan adalah projek menaik taraf Jalan Persekutuan Pasir Gudang (FT17). Projek ini terbahagi kepada empat fasa iaitu fasa yang pertama, fasa 2A, 2B dan fasa 3. Fasa pertama bermula daripada persimpangan Kangkar-Tebrau sehingga ke persimpangan Plentong melibatkan jajaran sepanjang lapan kilometer dan telah siap pada 31 Disember tahun 2015.

Manakala fasa 2A pula bermula dari persimpangan Plentong dan berakhir di persimpangan Bandar Sri Alam dan Taman Rinting melibatkan jajaran sepanjang 7.7 kilometer dan telah siap pada 31 Oktober tahun 2018. Bagi meneruskan kesinambungan projek tersebut, pihak kerajaan telah pun meluluskan peruntukan bagi melaksanakan fasa 2B iaitu dari persimpangan Sri Alam dan Taman Rinting ke persimpangan Pasir Gudang.

Status terkini pelaksanaan projek ini adalah di peringkat lantikan juruukur. Manakala bagi fasa 3 yang bermula dari persimpangan Kangkar-Tebrau, jalan susur dari Lebuhraya Pasir Gudang keluar ke Lebuhraya Utara-Selatan sehingga ke persimpangan Perling masih dalam peringkat perancangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang soalan tambahan pertama.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya dapat kepastian kepada Yang Berhormat Menteri, jalan-jalan

yang telah siap dinaik taraf itu teruk sangat berlubang-lubang. Jadi, supaya perkara itu dapat diatasi, jangan bila tampal, turap lubang, terbungkas lagi. Kedua, banyak sangat tempat sepanjang yang sudah fasa sudah siap itu gelap. Jadi, pastikan dapat lampu-lampu dipasang sebaiknya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Tebrau. Saya percaya yang itu merupakan satu pandangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bukan Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Yang Berhormat Pasir Gudang, maafkan saya. Itu satu cadangan dan pandangan yang baik. Saya ambil maklum bagi pihak pelaksana dan kita akan mengambil kira perkara-perkara penambahbaikan yang perlu dibuat, termasuk dalam isu penampalan jalan-jalan yang telah siap dan juga isu pencahayaan bagi bahagian-bahagian lebuh raya yang tidak mempunyai barangkali lampu yang cukup. Kita ambil maklum. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya buka soalan tambahan yang kedua. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menyusuli apa yang dipertanyakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, soalan paling mudah, iaitu bila hendak siap. Ini kerana, saya tidak nampak yang Yang Berhormat Menteri tadi menjawab bilakah sebenarnya projek ini akan selesai.

Kedua, daripada apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, jalan itu bukannya berlubang sikit-sikit sebab saya Johor Bahru, Pasir Gudang, Tebrau ini di kawasan yang berhampiran. Jadi, pengguna-pengguna itu merasakan tidak selamat menggunakan jalan tersebut. Manakala, laluan itu masih menjadi laluan utama daripada Pasir Gudang ke bandar raya dan juga ke sekitar kawasan Daerah Johor Bahru ini.

Jadi, kalau boleh daripada peringkat JKR ataupun peringkat Yang Berhormat Menteri untuk pastikan bahawa bila sebut naik taraf itu dia dinaik taraf. Bukannya hanya kita tutup lubang, lubang terbuka dan sebagainya. Kalau boleh, saya juga *last* sekali mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri turun bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen sekitar tersebut, kita tengok sendiri baru

yang daripada pihak kementerian tahu betapa teruknya di Lebuhraya Pasir Gudang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru di atas soalan tambahan. Perkara yang kedua tadi, saya sudah ambil maklum berkenaan dengan keadaan jalan yang tidak memuaskan dan berlubang teruk. Saya pun baru seminggu di KKR ini, *insya-Allah*, ada masa saya akan turun dengan Yang Berhormat Johor Bahru untuk kita sama-sama tengok dan nilai. Bagi soalan yang pertama, bila hendak siap itu, saya hendak maklumkan untuk fasa 2B, ia masih menunggu kelulusan pelaksanaan dalam *Rolling Plan* yang keempat, tahun 2020.

Ia dalam proses reka bentuk dan dijangkakan akan ditender pada Mei tahun 2021. Itu baru ditender Yang Berhormat. Kemudian yang fasa ketiga tadi masih dalam peringkat perancangan dan sedang dalam proses permohonan. Ini mengambil kira proses-proses *planning and design* dan juga proses perolehan dan seterusnya. Kemudian barulah kontrak pelaksanaan yang mengambil masa selama 24 bulan ke 36 bulan. Ini satu jangka masa yang agak panjang. Tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh pihak berkuasa berwajib. Terima kasih.

■1040

3. **Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan keperluan asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat kampung yang berada di kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan Parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang menanyakan soalan. Yang Berhormat Kinabatangan merupakan seorang pejuang negeri Sabah, so pastilah soalan-soalan pembangunan luar bandar yang akan dibangkitkan oleh beliau.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memperuntukkan sebanyak RM4.8 bilion atau 19 peratus di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur negeri Sabah, termasuklah Program Bekalan Air Luar Bandar, Program Bekalan Elektrik Luar

Bandar dan Program Jalan Luar Bandar. Untuk Parlimen Kinabatangan, sebanyak 16 projek yang sedang dan akan dilaksanakan dengan kos sebanyak RM148 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019/2030 telah merumuskan hasrat kerajaan untuk memastikan masyarakat luar bandar yang sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran. Aspirasi teras keempat melibatkan usaha melengkapkan liputan prasarana asas yang lengkap di luar bandar. Prasarana yang lengkap dan berkualiti akan menyokong pembangunan ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif.

Kementerian sentiasa melibatkan agensi kerajaan negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah. Dalam usaha semua perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan belanjawan, kementerian juga telah mewujudkan jawatankuasa bersama di antara kerajaan negeri dan kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efisien.

Untuk makluman Yang Berhormat, selanjutnya bagi mempertingkatkan tahap koordinasi di antara kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah, telah diwujudkan Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Jawatankuasa Bersama di peringkat Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Jawatankuasa Teknikal di peringkat Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan dan Setiausaha Tetap KPLB Sabah.

Perbincangan antara kementerian dan agensi negeri Sabah juga dijalankan secara berkala bagi memastikan projek-projek infrastruktur asas seperti jaringan jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik dapat dilaksanakan yang terbaik. Saya mohon supaya kita dapat melaksanakan perkara-perkara ini dalam jangka masa yang telah kita tetapkan untuk memastikan bahawa Yang Berhormat, dapat dilaksanakan seterusnya. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Bunyi jawapan Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada lagi kebimbangan bagi kita selaku wakil rakyat. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan kepada sahabat saya bahawa di Kinabatangan ini, sepanjang jalan raya Tongod–Pinanga, ada kabel elektrik, ada paip besar, malangnya kabel itu tidak masuk kampung, paip air tidak masuk kampung. Jadi, ini yang membimbangkan sudah bertahun.

Jadi, apakah perancangan kementerian untuk merealisasikan inspirasi Yang Berhormat tadi itu? Dinyatakan bahawa kerajaan memang berhasrat untuk memberi pembangunan yang lestari kepada rakyat sebab rakyat ini sebetulnya di Kinabatangan ini, macam mana pun dia penyokong kita, tidak lari. Diberi atau tidak, dia *stand very clear* untuk Barisan Nasional. Jadi, kementerian harus mengambil langkah-langkah yang lebih baik untuk memastikan apa Yang Berhormat cakap tadi dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Oleh sebab itu kita di Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, kita telah memperuntukkan begitu banyak di dalam kawasan Kinabatangan itu sendiri. Dari segi Yang Berhormat nyatakan sebentar tadi bahawa di bawah kementerian kita yang juga ada pengarah di KPLB negeri Sabah, *insya-Allah* kita akan memastikan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, kita akan laksanakan yang terbaik.

Jadi oleh sebab itu, kita nyatakan bahawa di Kinabatangan sahaja kita telah memperuntukkan begitu besar sekali projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Kalau saya hendak nyatakan sebenarnya amat banyak, nanti takut rakan-rakan lain juga akan memerhati dalam perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Cuba nasib.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, isu kampung-kampung dalam Parlimen Kinabatangan yang masih lagi belum dapat dibekalkan elektrik adalah di bawah pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar adalah talian gred zon lima negeri Sabah yang mana projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kita akan pastikan bahawa pelaksanaan projek ini kita laksanakan secepat mungkin. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat Yang Berhormat Sepanggar dulu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tiga saat, Papar tiga saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. *Actually* Tuan Yang di-Pertua, di

Sabah ini termasuk di kawasan saya. Kawasan saya di Sepanggar ini merupakan satu kawasan yang berhampiran dengan Bandar Raya Kota Kinabalu. Di dalam Dewan Undangan Negeri Inanam itu ada satu bukit namanya Bukit Kokol Tuan Yang di-Pertua. Bukit ini cukup cantik.

Akan tetapi malangnya di atas Bukit Kokol ini, jalan untuk naik ke atas pun cukup teruk, sedangkan pelancong boleh dipanggil ke atas untuk melihat keindahan alam semula jadi, khususnya Kota Kinabalu. Tidak cukup dengan itu Tuan Yang di-Pertua, air juga tidak ada. Jadi, minta kalau boleh kementerian melihat perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalannya Kinabatangan tetapi dia minta kawasan dia.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, bagi Sepanggar, kita tidak mempunyai jawapan di dalam ini dan kita akan jawab secara bertulis. Akan tetapi secara keseluruhannya, untuk negeri Sabah sahaja dari segi jalan luar bandar, kita telah memperuntukkan lebih kurang RM1.4 bilion lebih. Untuk bekalan air Sabah sahaja, bekalan elektrik adalah RM1.37 bilion dan bagi bekalan elektrik luar bandar, kita memperuntukkan- saya menyebut keseluruhan negeri Sabah adalah RM118.7 ratus ribu kita peruntukkan.

Oleh sebab itu, pengagihan tadi yang saya nyatakan bahawa kita memperuntukkan *19 percent* daripada keseluruhan peruntukan KPLB untuk negeri Sabah sahaja. Jadi, bila saya melihat perkara ini, peruntukan yang amat besar telah kita sediakan untuk negeri Sabah jika dibandingkan kita berada di dalam negeri-negeri Semenanjung dan termasuk negeri Sarawak itu sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul itu Tuan Yang di-Pertua tetapi Kinabatangan sahaja besar dari negeri Pahang.

4. Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kementerian akan melihat semula penjualan arak di kedai-kedai runcit kerana arak ini mempunyai lebih banyak kesan negatif daripada positif terhadap masyarakat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepanggar atas soalan yang cukup menarik. Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan minuman keras di negara ini adalah tertakluk kepada Akta Kastam 1967 (Akta

235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) yang mana ia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan.

Seksyen 21, Akta 235 telah mentakrifkan *liquor* yang memabukkan, termasuk apa-apa alkohol atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus alkohol mutlak (*spirit proof*). Manakala di bawah seksyen 32, Akta 176 menyatakan sebarang bentuk *liquor* yang memabukkan secara runcit memerlukan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil (Tred Perniagaan dan Perindustrian) selepas permohonan lesen penjualan arak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dan pejabat daerah, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Seperti yang saya tegaskan di awal tadi bahawa lesen penjualan arak adalah di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, KPKT berpendapat terdapat keperluan untuk melihat semua penjualan arak di kedai-kedai runcit kerana ia lebih banyak memberi kesan negatif daripada positif terhadap masyarakat dan penduduk setempat.

■1050

Bagi menyokong hasrat kerajaan, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepanggar, KPKT telah mengeluarkan surat arahan. Kita telah mengeluarkan surat arahan kepada semua PBT bagi memaklumkan kepada semua kerajaan negeri untuk mengenal pasti premis khas penjualan arak dan meningkatkan penguatkuasaan penjualan arak bagi menangani kesan negatif minum arak bagi masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini tidak berbicara tentang persoalan dari segi agama, akan tetapi dari aspek pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan di bawah Kementerian Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila Yang Berhormat Sepanggar soalan tambahan pertama.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Merujuk kepada kejadian pemandu mabuk yang semakin berleluasa, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa peruncit-peruncit ini mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Contohnya, saya difahamkan individu yang berumur bawah 18 tahun tidak dibenarkan ataupun masyarakat Islam.

Akan tetapi apa yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, ada peruncit-peruncit yang menjual minuman keras ini tanpa memeriksa *ID* pembeli pun. Jadi ini yang merisaukan kita. Jadi, apakah dan bagaimanakah cara pihak kementerian untuk memastikan agar kejadian seumpama ini tidak berlaku? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya maklumkan tadi bahawa kuasa mengeluarkan lesen ini ialah bawah kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga melibatkan kerajaan negeri dan daerah di mana di peringkat daerah mereka mempunyai jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh pegawai daerah bagi memastikan permohonan-permohonan lesen dapat ditapis dan diluluskan.

Saya akui, kita akui bahawa kesan daripada mengambil arak (*liquor*) ini memberikan kesan yang tidak baik kepada masyarakat keseluruhannya. Oleh sebab itulah, kalau kita lihat dari segi agama Islam secara jelas mengatakan bahawa arak adalah haram dan tidak dibenarkan kepada umat Islam untuk mengambil arak.

Saya yakin bagi agama lain juga begitu, mereka tidak bersetuju dengan kesan buruk yang menimpa masyarakat yang terlibat daripada kemalangan, seperti kemalangan yang melibatkan mereka yang mengambil arak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, tambahan sini, atas, atas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Setiu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *Aiyoo*, Yang Berhormat Padang Serai awal-awal sudah berdiri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini pintu depan punya orang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya kena ambil kiri, sebelah kanan dahulu Yang Berhormat Padang Serai. Sila Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan *special team force* untuk memastikan undang-undang dipatuhi sebagaimana ditubuhkan *team* yang sama dalam masalah dadah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Setiu. Minta maaf. Saya yakin bahawa oleh kerana kesan daripada mabuk ini, sama ada pemandu ataupun lainnya menyebabkan berbagai-bagai insiden yang menimpa rakyat umpamanya kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol ini.

Kalau kita lihat daripada tahun 2015 hingga tahun 2020 nampak trend peningkatan. Saya ambil contoh, tahun 2016 adalah 161 kes, tahun 2019 telah pergi 139 kes dan tahun 2020 pada bulan Januari ke Jun 155 kes. Bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2020 sebanyak 771 kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk yang membuatkan pembunuhan kepada 444 orang.

Saya yakin bahawa kerajaan melihat ini serius dan saya percaya kita akan melihat apakah mungkin satu pandangan yang cukup baik untuk kita menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memastikan bahawa penyebaran ataupun penglibatan pengambilan arak ini perlu diberikan perhatian yang serius, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tambah satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya bagi peluang soalan tambahan lagi kepada Yang Berhormat Padang Serai, 30 saat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan kementerian, adakah kementerian bersetuju untuk menguatkuasakan kementerian larang aktiviti minuman arak di taman awam seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Sebenarnya lesen arak yang saya sebutkan tadi hanya dikeluarkan untuk penjualan dan tidak dibenarkan minum di kawasan-kawasan yang terbuka. Akan tetapi meminum arak di kawasan-kawasan di kedai-kedai yang khusus untuk air itu memang dikeluarkan lesen dan saya percaya dan saya yakin dan saya juga bersetuju supaya situ tidak perlu, tidak boleh membenarkan

minum arak secara terbuka di kawasan-kawasan awam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Polis dan masyarakat berpisah tiada,
barisan hadapan sentiasa waspada,
tegap perkasa pertahan negara,
soalan nombor lima mohon jawab dengan segera.*

5. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sekiranya kerajaan bercadang untuk membina Balai Polis di Sg. Asap dan menaik taraf Balai Polis Daerah Belaga dan Pejabat Polis Daerah Kapit.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Hulu Rajang. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, Pondok Polis Sg. Asap sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai di Punan Landistik, Sungai Asap, Belaga dengan kadar sewaan RM3,000 sebulan tanpa kemudahan kuarters dan anggota terpaksa menyewa di luar. Balai ini beroperasi dengan keanggotaan seperti berikut, iaitu seorang Sarjan, seorang Koperal dan dua Lans Koperal.

Cadangan projek masih tertangguh setakat ini kerana ada isu berkaitan dengan tapak tanah secara pengambilan yang masih di dalam proses. Itu di kawasan *Bakun Settlement Scheme*. Cadangan tapak projek telah dikenal pasti dan proses pemilikan tanah sedang diusahakan. Mengikut kepada penetapan dasar kerajaan menggariskan perancangan sesuatu projek perlu mempunyai perjawatan sebagai asas untuk pertimbangan serta mempunyai tapak yang berkeluasan 10 ekar yang disediakan oleh pihak kerajaan. Ini mengikut garis panduan dan peraturan bagi perancangan Bangunan DC bagi tahun 2015. Penyenaraian semula dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Ke-12 akan dibuat setelah isu tanah ini diselesaikan.

Manakala berkaitan dengan cadangan menaik taraf Balai Polis Belaga dan IPD Kapit ia akan dipertimbangkan untuk disenaraikan dalam Rancangan Pelaksanaan Program Projek Pelan Strategik PDRM Tahun 2021 hingga 2025 di bawah Pakej Rangsangan Malaysia lima tahun dalam usaha PDRM untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan imej serta frasa selamat penduduk.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian dan PDRM sedang memberikan tumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada dan kerja-kerja menaik taraf premis PDRM yang uzur. Walau bagaimanapun, cadangan projek ini akan dipertimbangkan dalam *rolling plan* berikutnya setelah semua keutamaan dibuat dan tertakluk kepada kelulusan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Hulu Rajang, soalan tambahan pertama.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sarawak soal, Sabah jawab. *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Di kawasan saya ada dua dam yang beraset berbilion-bilion ringgit. Jika negara Indonesia akan berpindah ke tempat yang baru ini, maka berdekatan dengan sempadan Hulu Rajang. Maka dengan itu, dengan jawapan mengenai tanah tadi, Yang Berhormat Menteri kalau boleh, beritahu kalau sudah susah tanah di kawasan Sungai Asap ada banyak *state land* di sana. Saya mahu kerana empat anggota dalam Sungai Asap ada kurang lebih 20,000 penduduk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Maka dengan itu saya mohonlah kalau boleh, buat cepat-cepat dan kita tidak mahu perkara terjadi nanti. Jadi kita akan memberi masalah kepada sesiapa atau menuding jari kepada sesiapa. Jadi mohon, Yang Berhormat Timbalan Menteri buat kertas kerja dengan cepat supaya rakyat saya di pedalaman mengikuti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pagi ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, satu minit.

Tuan Jonathan bin Yasin: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, saya memberi komitmen bahawa perkara ini akan dilihat dengan lebih serius dan tindakan cepat dapat dibuat untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan pembelian tanah tersebut dan jika itu masih menjadi masalah, maka alternatif lain kita akan dapatkan untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1100

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya jemput soalan tambahan yang kedua...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Simpang Renggam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta di sebelah sini Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa memang menjadi keprihatinan kita berkenaan dengan keadaan balai-balai dan pondok-pondok polis. Ini mungkin sedikit keluar daripada soalan tetapi ia nya berkaitan dengan keadaan pondok-pondok polis dan balai polis yang sangat daif sejak zaman dahulu lagi.

Jadi, saya mohon pihak kementerian untuk melihat berkenaan dengan apakah rancangan perancangan untuk menaik taraf balai-balai dan juga pondok-pondok polis di semua kawasan bukan sahaja di kawasan di Sarawak ataupun Sabah tetapi di semua kawasan di Semenanjung juga. Apakah perancangannya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Tuan Jonathan bin Yasin: Yang Berhormat Ledang terima kasih di atas keprihatinan tersebut. Walaupun soalan ini di luar daripada skop soalan pada pagi hari ini, namun secara *general* secara amnya saya ingin memberitahu bahawa untuk pembaikan semula bagi balai-balai yang rosak yang daif yang lama. Sebenarnya pada tahun 2019, lebih kurang RM100 juta diperuntukkan untuk pembaikan ini pondok-pondok polis, balai-balai polis yang daif.

Terdapat lebih kurang 236 yang telah dapat diselenggarakan pada 2019 dan pada 2020 ini RM67 juta lagi tambahan diberi untuk memperbaiki 323 lokasi di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020 juga terdapat RM22 juta peruntukan-peruntukan untuk memperbaiki lif-lif yang rosak di balai-balai yang terlibat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Pendek sahaja, pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan kepada pertanyaan..

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tidak, ini bukan soalan, bukan soalan, rayuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Akan tetapi ini sesi soalan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, soalan berbentuk permohonan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya teruskan...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ini penting ini berkaitan dengan apa ini keselamatan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, tidak... Saya tidak benarkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan nombor 7.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap sebelum itu saya hendak sebutkan bahawa soalan yang nombor enam Yang Berhormat Hulu Selangor tidak dapat hadir kerana masalah kesesakan lalu lintas sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

7. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan 10 langkah utama yang telah dibuat untuk membina 'bangsa usahawan' serta nyatakan data bagi menunjukkan hasil kejayaan. Adakah Kementerian bercadang untuk bersama Kementerian Pendidikan bagi memulakan subjek keusahawanan bermula di tingkatan 1 hingga 6 agar ratusan ribu keluaran SPM/STPM setiap tahun boleh menjadi usahawan jika tidak berpeluang ke institusi pengajian tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjawabnya. Tiga minit.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam menuju “Negara Keusahawanan 2030”.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi di bawahnya giat melaksanakan program-program pendedahan dan juga pembudayaan ekosistem keusahawanan di peringkat awal persekolahan sehingga tamat pengajian.

Justeru, di bawah MDEC telah mengadakan beberapa kolaborasi strategik bersama dengan kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam usaha untuk mewujudkan lebih ramai lagi usahawan dan menjadikan

keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka selaras dengan misi MDEC iaitu “*Untuk Mencipta Pekerjaan*”.

Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 melalui teras strategik yang pertama, membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat MDEC dan Kementerian Pendidikan komited untuk memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan juga melalui program interaktif berbentuk pertandingan di kalangan pelajar dan juga koperasi sekolah sebagaimana yang telah pun dianjurkan di bawah agensi MDEC iaitu di bawah SME Bank kita ada Y-Biz Challenge 2020 dan juga di bawah SKM, kita ada program *Young Entrepreneur Strive for Success (YESS)*.

Di samping itu, melalui Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE), saya percaya Yang Berhormat juga arif dalam perkara ini yang mana lebih kurang 5,001 belia yang telah pun menyertai program ini dan hampir 98 peratus iaitu 4,936 belia telah pun mendaftarkan perniagaan mereka sebaik sahaja mereka selesai menghabiskan program bersama TUBE ini yang mana nilai jualan mereka amat membanggakan. Lebih kurang 126.7 juta serta mewujudkan lebih 10,540 peluang pekerjaan. Antara langkah utama yang telah dilaksanakan untuk membina bangsa usahawan adalah seperti berikut:

- (i) membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat melalui program-program *outreach*, Program Kesedaran Keusahawanan dan juga bimbingan dan latihan;
- (ii) menerapkan nilai dan juga budaya keusahawanan;
- (iii) mempromosikan keusahawanan dalam kalangan graduan sebagai kerjaya pilihan oleh *protege*;
- (iv) menyediakan khidmat nasihat dan juga akses kepada bantuan pembiayaan kursus melalui agensi di bawah kami iaitu TEKUN, SME Corp, SME Bank dan macam-macam lagi;
- (v) melaksanakan program-program yang menggalakkan pengukuhan penglibatan keusahawanan dalam e-Dagang yang selaras dengan IR 4.0; dan
- (vi) menggalakkan Program Pembangunan Pengukuhan Koperasi.

Di samping itu, bersama dengan Kementerian Pendidikan, kita juga telah memulakan subjek keusahawanan bermula di Tingkatan 4 dan 5 bagi subjek perniagaan dan Tingkatan 6 subjek keusahawanan dan *last* sekali untuk makluman Ahli-ahli Yang

Berhormat, elemen pendidikan keusahawanan telah didedahkan dalam ko-ku persekolahan sedia ada melalui elemen keusahawanan yang telah diintegrasikan dalam mata pelajaran daripada Tingkatan 1 sampailah Tingkatan 3 dan juga Pendidikan Keusahawanan di sekolah menengah dan juga Pengajian Perniagaan yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 6. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Pontian. Soalan tambahan pertama.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. "Negara Keusahawanan 2030" itu satu perkara yang penting yang saya tanyakan ini saya satu perkara yang dipanggil sebagai bangsa usahawan.

Lepasan SPM setiap tahun ini 389,498 orang. Tadi saya bertanya dua Menteri, Menteri KPT dan Menteri PU. Mereka menyatakan lebih kurang 40 peratus penduduk Malaysia ini berpendidikan tinggi bererti ada 60 peratus lepasan SPM, sekitar 233,699 orang untuk tahun 2019, 60 peratus tidak tahu ke mana Tuan Yang di-Pertua.

40 peratus pengajian tinggi tetapi 60 peratus itu kalau mereka tidak dididik dengan satu subjek khas. Kita ada BM, BI, Matematik, Agama, Sains yang saya maksudkan ialah subjek Keusahawanan Tingkatan 1 sampai Tingkatan 6, bukan hanya jurusan yang tertentu. Adakah kementerian bersedia untuk menerima pandangan ini atau bersedia untuk mengkaji tentang perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan Yang Berhormat terutama sekali apabila menerapkan nilai keusahawanan diri di kalangan pelajar. Selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang kita ingin melahirkan setiap tahun, maksudnya ramai usahawan- 50,000 usahawan.

Sekiranya perkara ini memberikan kebaikan, pastinya kami tidak ada halangan malah kami amat gembira sekali untuk melihat cadangan daripada Yang Berhormat Pontian untuk kita meletakkan subjek Keusahawanan itu sebagai ini dan harus dilihat secara lebih mendalam lagi melalui sebab apabila melahirkan lebih ramai usahawan ini dan MDEC ingin menjadi maksudnya kita ingin menjadi penyambutnya.

Habis sahaja belajar sekolah ataupun universiti, di bawah kementerian kami, kami ingin menyambutnya dengan latihan, *training* dan sebagainya melalui pembiayaan yang sedia ada. jadi di situ kita boleh bekerjasama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Simpang Renggam. Ini baharu sesi pertanyaan yang betul. Soalan tambahan kedua.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat Pontian tadi. Ini mengimbau kembali apa yang pernah kita lakukan dengan kerjasama beberapa pihak antaranya kita memperkenalkan *financial literacy* ataupun literasi kewangan di peringkat sekolah.

Walau bagaimanapun soalan saya lebih merujuk kepada bila ditanyakan tentang 60 peratus yang tidak pergi ke institut pengajian tinggi, yang mana kita perlu tahu bahawa ramai di antara pelajar-pelajar ini termasuk selain daripada yang tidak sambung belajar satu hal. Akan tetapi ada juga sekelompok daripada mereka yang merupakan graduan TVET.

Sama ada dihasilkan oleh kolej-kolej vokasional ataupun oleh kolej-kolej komuniti ataupun politeknik-politeknik. Bagi kolej komuniti dan juga politeknik, itu di bawah Yang Berhormat KPT yang mana memang ada diterapkan terutama di kolej komuniti, mereka didedahkan dengan beberapa ilmu tentang keusahawanan, tentang *ecommerce* dan lain-lain.

Cuma, pada saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalannya Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Soalannya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana adanya kolaborasi di antara Kementerian Keusahawanan dengan kolej vokasional-kolej vokasional untuk melatih pelajar-pelajar vokasional supaya mereka nanti apabila telah bergraduan, bukan sahaja memiliki kemahiran TVET, tetapi mampu untuk menjadi usahawan-usahawan TVET. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menterinya pun baru hadir.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Ya. Saya ingin menyatakan bahawa di bawah kolej vokasional, terdapat sebanyak 20 peratus sebenarnya subjek keusahawanan di dalam ini. Akan tetapi, hari ini data menunjukkan hanya sebanyak 19.4 peratus sahaja yang mencapai ke tahap itu. Maksudnya belum *fully* yang sebanyak 20 peratus peruntukan pun belum sampai.

Jadi, saya kira banyak lagi perkara yang harus kita lakukan terutama sekali dalam menggalakkan pelajar-pelajar, anak muda di luar sana melalui program-program bukan hanya di MEDAC tetapi juga dengan kementerian-kementerian yang terbabit yang boleh kita kolaborasi bersama. Ini supaya dapat menggalakkan dalam usaha pasca COVID-19 ini, kita dapat melihat dan juga memberikan dorongan kepada mereka dan juga galakkan kepada mereka.

Tidak payah mengharap kerja kerajaan, tidak payah hendak kerja *government but* kita sendiri melahirkan usahawan. Ini saya memerlukan bantuan daripada semua pemimpin, masyarakat dan juga Ahli-ahli Parlimen untuk bersama-sama kolaborasi dengan agensi di bawah MEDAC untuk kita melahirkan lebih ramai lagi usahawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya ingin menjemput Puan Nurul Izzah binti Anwar, Yang Berhormat Permatang Pauh.

8. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kerajaan bercadang melaksanakan pendapatan asas sejagat menerusi projek rintis seperti yang dijalankan oleh *Finland* yang terbukti mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam usaha memperkukuh sistem jaringan keselamatan sosial memandangkan pengangguran Malaysia dianggarkan melonjak setinggi 15 peratus tahun ini menurut Presiden MEF.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Alhamdulillah,* terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang

membangkitkan soalan yang sangat baik pada ketika ini dan buat kali pertama saya menjawab bagi pihak kementerian.

Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan beberapa dan pelbagai inisiatif untuk kita menangani masalah pengangguran. Antaranya ialah melaksanakan pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan dan juga *job matching* dengan izin, melalui portal *JobsMalaysia* dan juga *MYFutureJobs*. Sebagai satu *indicator* dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh berkenaan dengan kadar pengangguran iaitu dibandingkan dengan satu eksperimen yang telah dibuat oleh satu negara di Scandinavia iaitu Finland, yang mana asas dipanggil –Mana dia? Tidak apa nanti saya akan jawab dengan *[Tidak jelas]*

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Pendapat asas sejangat.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Berkenaan dengan UBI ini iaitu UBI di Finland, *insya-Allah*. Jadi, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang kita telah wujudkan untuk juga kita mengurangkan kadar pengangguran sebagai satu pelengkap kepada jaringan keselamatan sosial yang bertindak membantu pekerja yang hilang pekerjaan.

Di bawah SIP, pekerja yang hilang pekerjaan akan diberi bantuan kewangan segera untuk menampung perbelanjaan semasa dan juga bantuan mendapatkan pekerjaan baharu. Jika syarat-syarat kelayakan dan caruman sebanyak 12 bulan dipenuhi, pekerja adalah layak untuk menuntut faedah penuh SIP seperti berikut iaitu elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula iaitu awal mula bekerja, dia boleh menuntut elaun, elaun pendapatan berkurangan, elaun latihan dan juga fi latihan yang dibayar kepada penyedia latihan.

Pekerja berkenaan juga akan diberi bantuan perkhidmatan pekerjaan yang meliputi:

- (i) program kaunseling kerjaya;
- (ii) carian pekerjaan,
- (iii) *job matching*; ataupun
- (iv) penempatan pekerjaan (*job placement*).

Oleh sebab itu, sekarang ini dasar kita telah melaksanakan *place and train*. Kita pastikan ada peluang pekerjaan baru kita bagi *training* dan dia sudah *job ready*, dengan izin. Maknanya dia sudah ada peluang pekerjaan selepas diberi latihan. Ini yang telah kita ambil langkah-langkah yang telah kita gariskan.

Selain daripada itu, pelbagai program telah disediakan kerajaan iaitu MyApprentice, HireMalaysia, *hiring incentive*, *mobility assistance* dan juga latihan *reskilling and upskilling*. Jadi, dalam keadaan ini program pengekalan pekerjaan iaitu

Employment Retention Programme (ERP), Program Subsidi Upah, Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) juga merupakan langkah-langkah kerajaan untuk kita menyediakan keadaan dalam masa COVID-19 dan juga pasca COVID-19. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya pohon kalau boleh diambil kira melakukan satu dasar yang menyebabkan kita ini fikir di luar kotak iaitu satu *option* pendapatan asas sejagat. Kedua, adalah jaminan pekerjaan sejagat oleh Kerajaan Pusat. Kenapa? Ini kerana semasa COVID-19 berlaku kita terpaksa berhadapan dengan kemungkinan hampir tiga juta rakyat Malaysia yang tidak akan ada kerja.

Jadi, langkah-langkah yang diumumkan tidak berkemungkinan boleh selesaikan masalah yang asas ini. Kalau sebelum COVID-19 pun lebih kurang 15 peratus tenaga buruh Malaysia, hampir 2.27 juta daripada 15 juta, semua tidak cukup gaji ini. Gaji tidak cukup untuk bayar cukai. Jadi, sekarang dengan COVID-19 lagilah parah, saya pohon sekurang-kurangnya kita memperkenalkan menerusi projek rintis dan diambil kira oleh peringkat kementerian. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih. Soalan yang baik daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Oleh sebab itulah dalam masa COVID-19 ini kita menyediakan program subsidi oleh kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM120 juta. Begitu juga berkenaan dengan bantuan kewangan dengan izin, *immediate financial assistance*, yang mana sebanyak RM600 sebulan bagi tempoh satu hingga tiga bulan dan *another additional* dengan izin, lagi tiga bulan yang kerajaan tambahkan untuk pekerja sehingga bulan September ini. Jadi, enam bulan.

Ini adalah persediaan-persediaan untuk menampung keadaan COVID-19 dan pasca COVID-19. Jadi, asas gaji kita kerajaan juga telah melancarkan satu program yang dinamakan Program Subsidi Upah (PSU) yang berjumlah RM13.8 bilion. Tujuan program ini adalah untuk membantu majikan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerjaanya.

Begitu juga dalam PENJANA, kita sebut lagi sekali iaitu kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.5 bilion yang di mana termasuk di situ adalah iaitu *MyApprentice*, *HireMalaysia*, *hiring incentive*, *mobility assistance* dan juga termasuklah kita *reskilling* dan *juga upskilling* yang kita tumpukan bagi kita *divert* mereka punya kemahiran kepada *factory needs* ataupun dengan izin kehendak *factory*. Ini yang telah kita gegaskan.

Begitu juga dengan yang kita sekarang ini di mana kita telah mendapat satu data berkenaan kadar pengangguran belia yang daripada umur 15 tahun ke 24 tahun yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan iaitu jangkaan yang diletakkan seperti mana oleh Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu sebanyak 15 *percent* sehingga sekarang baru sebanyak 10.5 *percent*.

Maknanya kita *reduce* kan, kita turunkan dengan izin kadar yang jangkaan yang kita akan hadapi pasca COVID-19. Sekarang, daripada –seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang iaitu sebanyak 15 *percent* dengan sebanyak 10.5 *percent*. Mungkin *less than that* dengan izin, kalaulah program-program kita ini berjaya *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada soalan tambahan kedua saya minta sebelah sini, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah pemohon dan penerima faedah Sistem Insurans Pekerja (SIP) pada enam bulan pertama tahun 2020? Terima kasih dan mohon penjelasan.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada saudara yang bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Yang Berhormat Kuala Krai. SIP, sekejap saya – Okey. Sehingga 30 Jun 2020, melalui SIP ataupun PERKESO telah menerima sejumlah 319,000 permohonan daripada majikan melibatkan dua juta orang pekerja yang telah menerima manfaat daripada PSU, melibatkan pembayaran sejumlah RM5.2 bilion.

Manakala di bawah ERP sehingga 30 Jun 2020, seramai 322,000 orang pekerja yang diberikan notis cuti tanpa gaji telah menerima manfaat melibatkan bayaran sebanyak RM193.4 juta. Itu setakat yang masih ada lagi program-program yang kita ada rangsangan-rangsangan untuk membantu pekerja-pekerja. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Boleh saya tanya satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pada soalan – Panjang sudah Yang Berhormat menjawab. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing, Yang Berhormat Bintulu.

■1120

9. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) peratusan kelulusan bagi permohonan daripada Kawasan Bintulu untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Dalam Keadaan Khas, 15(2) dan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipohon sekian lama dan sehingga kini masih terdapat permohonan yang tidak mempunyai ulasan daripada pihak kementerian; dan
- (b) strategi dan usaha yang diambil oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan isu berkaitan Daftar Lewat Kelahiran, Daftar Lewat Kad Pengenalan dan Pengesahan Taraf Kewarganegaraan yang menjadi salah satu isu di negeri Sarawak secara amnya dan Bintulu khususnya memandangkan penduduk yang tinggal di Kawasan pedalaman masih tidak peka terhadap kepentingan kewarganegaraan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 139 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perkara 15(2) dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan yang didaftarkan di Bintulu, Sarawak telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak dua permohonan telah diluluskan iaitu pada kadar 2.2 peratus, manakala sebanyak 150 permohonan sedang diproses, lima permohonan ditolak dan 27 permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat.

Bagi soalan yang kedua iaitu soalan (b), kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman melalui inisiatif berterusan iaitu Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi program pendaftaran bergerak unit mobil dan bas mobil. Program MEKAR menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk khidmat nasihat berkaitan pendaftaran kad pengenalan, kelahiran dan kematian.

Selain daripada itu, JPN turut mengadakan taklimat mengenai kepentingan dokumen pengenalan diri dan kerjasama strategik secara berkala bersama jabatan pendidikan negeri, kerajaan negeri melalui ketua kaum dan ketua masyarakat bagi mengenal pasti serta mendaftarkan murid-murid sekolah serta penduduk yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan memang kita dengar ada syok tetapi sekali-sekala kita syok sendiri sahaja. Isu ini mengenai 15, 15A ini, banyak kita sampai hari ini – saya pun ada tulis beberapa surat kepada kementerian, bukan kerajaan sekarang tetapi daripada dahulu. Kita tulis tetapi kebanyakan boleh kata 90 peratus tidak dapat jawapan.

Kita ada satu cadangan, SOP kah untuk ditetapkan apa syarat kita mahu daripada mereka. Kadang-kadang kita punya syarat sudah lengkap tetapi apabila hantar ke kementerian, kementerian kata tidak lengkap lagi. So, kita tidak ada satu standard punya polisi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita bersama kementerian pertolongan berbincang – kita punya *internal* mengatakan satu polisi yang standard punya?

Isu kedua mengenai surat beranak. Saya sudah banyak kali umum dalam Parlimen ini. Rakyat ini hidup pun susah, mati pun susah. *[Ketawa]* Fasal dia mati pun tidak boleh lalu, bawah pun ada hakim juga. Fasal dia tidak ada surat beranak semua, sijil tidak ada. Kita mestilah ada satu cara, silalah berbincang sama Kerajaan Negeri Sarawak. Kita ada satu cara sokongan dari Kerajaan Negeri Sarawak atau ketua-ketua masyarakat, kita buat satu polisi yang terbaik untuk menyelesaikan masalah-masalah ini yang sudah lama terutama sekali kita kaum Iban. Banyak di rumah panjang belum ada surat beranak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan jawab syok sendiri, jangan kongkalikung. Jawab baik-baik. Kalau tidak ada, jawab bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Ini perkataan kongkalikung sudah biasa sudah, sudah lali. Akan

tetapi sebenarnya jawapan saya tadi, yang saya jelaskan pada Dewan Rakyat bukan jawapan yang *kongkalikung*.

Okey, mengenai SOP mulai Januari 2020 kita ada SOP yang baharu. Untuk mempercepatkan proses untuk kita meluluskan permohonan kewarganegaraan. Cuma yang paling penting saya menyeru kepada rakyat, seluruh rakyat Malaysia apabila kahwin mestilah melalui satu perkahwinan yang sah. Umpamanya dokumen yang sah. Jadi jangan kahwin tetapi tidak ada perkahwinan yang sah atau tidak didaftarkan, itu masalah. Jadi kalau ada melalui proses perkahwinan yang sah, dokumen-dokumen yang dihantar kepada kita lengkap boleh kita proses dengan baik dan cepat.

Mengenai untuk kita turun padang, saya bersetuju. Saya dengan Yang Berhormat Bintulu akan turun padang melihat bagaimana untuk kita memberikan khidmat nasihat kepada penduduk dalaman seperti mana kawasan Bintulu. *Insyallah*, saya akan turun ke Bintulu. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, maknanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada anak-anak Malaysia oleh kerana dia tidak layak sama ada di Sabah atau Sarawak kah atau Semenanjung ini – oleh kerana dia lahir di Malaysia tetapi kerana dokumen tidak cukup, maknanya dia tidak mempunyai dokumen, tidak ada *IC* lah sebab tidak *clear*.

Jadi saya hendak tanya di sini, bagaimana budak ini membesar esok tidak ada dokumen? Maknanya tidak ada rekod dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Berkemungkinan kah jenayah boleh dilakukan oleh mereka ini dan kita tidak dapat kesan sebab tiada rekod? Bukan seorang atau dua orang, saya yakin dalam jawapan kepada soalan saya tiga, empat tahun dahulu Yang Berhormat Menteri waktu jawab kita mempunyai lebih kurang 250,000 anak-anak yang tidak mempunyai dokumen lagi. Jadi bayangkan mereka ini sedang melata ini— berjalan merata dalam negeri kita ini, dalam negara kita yang tidak mempunyai dokumen. Jadi, bagaimana ini kita hendak selesaikan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri pada jawapan MQT 15 Julai yang lalu sudah sebut. Pertama, bukan sewenang-wenangnya kita hendak memberikan kewarganegaraan kepada setiap kanak-kanak yang lahir di dalam negara kita tetapi dia mestilah mempunyai dokumen sah iaitu dokumen untuk ibu-bapa sah berkahwin dan pembuktian dokumen yang sah.

Mengenai yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani, kalau ada permohonan yang lengkap kita akan siasat, kita akan proses. *Insyallah*, kita akan

memberikan sijil kewarganegaraan kepada kanak-kanak ini. Memang menjadi harapan dan hasrat Kementerian Dalam Negeri, mana-mana yang lahir di dalam negara kita atau warganegara kita bertugas di luar negara tetapi mempunyai masalah untuk mendaftarkan anak untuk menjadi warganegara Malaysia, memang kita boleh daftarkan di kedutaan dalam tempoh setahun selepas kelahiran.

Kalau dia balik ke Malaysia, dia gagal lagi untuk mendaftarkan kelahiran anak-anak dan boleh berurusan dengan JPN untuk kita daftarkan anak mereka ini dan mereka ini mempunyai kewarganegaraan yang sah. Ini adalah untuk kita memastikan negara kita selamat, negara kita makmur, negara kita tenteram. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Pendek, pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan. Pertanyaan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tengku Zulpuri bin Raja Puji, Yang Berhormat Raub.

10. Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap hospital swasta yang sengaja mengambil kesempatan dengan menaikkan harga topeng muka, alat-alat pelindung diri (PPE) COVID-19 dengan tidak munasabah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa prihatin terhadap peniaga-peniaga yang sengaja mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka atau pelitup muka dan alat-alat perlindungan diri di dalam situasi orang ramai memakainya sebagai langkah keselamatan dan pencegahan dari wabak COVID-19 di negara ini.

Justeru itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengawal harga topeng muka adalah menetapkan harga maksimum bagi empat jenis topeng muka. Topeng jenis tiga lapisan (*three ply*) yang digunakan untuk pembedahan dan perubatan, yang mendapat permintaan tinggi ditetapkan harga maksimum pada harga borong RM1.45 seunit dan harga runcit RM1.50 seunit. Juga mengambil tindakan tegas melalui pemeriksaan dan pemantauan harga serta bekalan secara harian bagi topeng muka di seluruh negara bermula pada 29 Januari 2020.

■1130

Sehingga 22 Julai 2020, sebanyak 42,901 premis telah diperiksa dengan melibatkan seramai 55 peniaga diambil tindakan, dengan nilai rampasan RM536,951.40 dan nilai kompaun sebanyak RM392,400. Sehubungan itu juga, kementerian telah mengambil tindakan terhadap sebuah hospital swasta yang menjual topeng muka tiga lapisan dengan harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan kerana telah didapati melakukan kesalahan di bawah seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan seterusnya dikenakan tawaran kompaun sebanyak RM200,000 denda.

Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap harga barangan peralatan pelindung diri bagi tujuan memantau perubahan harga barangan tersebut susulan berlakunya peningkatan kadar permintaan barangan tersebut di pasaran. Pemeriksaan secara proaktif ini dilaksanakan di seluruh negara bermula pada 17 Jun 2020 dan sejumlah 455 premis telah diperiksa dengan pengeluaran notis sebanyak 455 notis.

Untuk langkah-langkah yang lain, kementerian telah mengambil tindakan tegas di atas mana-mana peniaga yang dikesan membuat manipulasi harga atau menaikkan harga barangan tanpa alasan yang munasabah melalui pengeluaran notis pengesahan maklumat harga atau caj bagi barangan atau perkhidmatan di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 untuk pemantauan kenaikan harga dan caj.

Pengeluaran notis bertulis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklumat mengenai barangan yang diperiksa dan menyediakan analisis pencatutan untuk mengesan sama ada kenaikan harga tersebut adalah mengikut perundangan yang ditetapkan ataupun sebaliknya iaitu wujud elemen pencatutan. Sekian, terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan harga siling yakni harga kawalan kepada ubat-ubatan dan barangan keperluan pesakit kronik supaya tidak membebankan pesakit?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, sebenarnya ini luar sikit dari tajuk topeng muka. Akan tetapi saya boleh kongsi sedikit dengan Yang Berhormat bertanya, memang buat masa sekarang kementerian dalam perbincangan dengan Kementerian Kesihatan bagi membuat sesuatu seperti mana yang disarankan ataupun ditanya oleh Yang Berhormat tadi, ya. Itu berkenaan dengan harga perubatan ataupun juga ketulenan ubat-ubat yang dijual itu. Sekian, terima kasih.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah rasional penurunan harga pelitup muka seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam? Jadi, kongsi bersama Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Ya, memang ada di surat khabar semalam, kenyataan telah dibuat tentang harga topeng muka ini. Jadi, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita bercadang mulai 15 Ogos 2020 ini, bulan depan, harga siling penutup muka akan diturunkan. Sekarang di peringkat harga borong, penutup muka adalah ditetapkan kepada RM1.45 satu unit yang akan diturunkan sebanyak 30 sen kepada RM1.15 nanti. Ini mengakibatkan harga runcitnya nanti, sekarang RM1.50 seunit akan diturunkan 30 sen, jadi turun kepada RM1.20 satu unit ya, tibanya 15 Ogos nanti.

Rasionalnya ialah selaras langkah menimbang keperluan kewajipan pemakaian pelitup muka di tempat awam seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dari segi bekalan, tinjauan dan pemantauan mengenai pengeluaran serta pengedaran pelitup muka, adalah mencukupi, ditambah juga dengan yang diimport. Jadi, soal bekalan tidak ada masalah. Jadi, pelitup muka turut boleh dibeli juga secara *online*.

Jadi, kerajaan prihatin dan sensitif terhadap perkembangan semasa berkenaan dengan isu COVID-19 ini, terutamanya pemakaian pelitup muka. Jadi, kita akan terus mengkaji keperluan untuk menurunkan harga pelitup muka dan memastikan bekalan pelitup muka ini mencukupi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

11. Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan rancangan kementerian untuk memastikan inisiatif penggajian penganggur dalam PENJANA dapat mencapai sasaran yang diharapkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu yang membangkitkan soalan berkenaan dengan yang ada kaitan terus dengan COVID-19 pada hari ini. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad iaitu (PSMB) melancarkan inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Tujuan pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk kita menyokong agenda kerajaan dalam memulihkan semula ekonomi negara yang terkesan disebabkan oleh COVID-19 dengan memberi fokus kepada penempatan pekerjaan dan penajaan penempatan

kepada rakyat Malaysia. Salah satu daripada skim inisiatif PENJANA HRDF ini adalah *place and train*.

Saya sebutkan tadi *place and train* iaitu kita sediakan dahulu pekerjaan kemudian baru kita memberi latihan. Oleh sebab kalau kita beri latihan dahulu, kemungkinan selepas itu mereka tidak ada peluang pekerjaan. Mungkin mereka balik duduk kampung dengan ada ilmu latihan tetapi tidak ada pekerjaan. So, kita tukar kepada *place and train*.

So, selain daripada itu, bagi menyelesaikan isu pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini, pekerja yang diberhentikan turut mendapat manfaat daripada skim ini dan sekali gus mampu mengurangkan kadar pengangguran secara langsung kepada rakyat Malaysia. Melalui PENJANA ini, kita telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020 yang berjumlah RM250 juta akan digunakan oleh PSMB ataupun HRDF bagi memanfaatkan 40,000 rakyat Malaysia untuk mendapatkan peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan.

Setakat 8 Julai 2020, seramai 3,000 orang telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM15 juta dengan tawaran gaji bermula daripada RM1,800 sebulan. Maknanya, lebih tinggi hampir 40 peratus daripada kadar asas gaji (*wage*) ataupun kadar asas gaji yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia iaitu RM1,050. Sekarang kita telah membuat satu tawaran dengan gaji permulaan RM1,800.

Jadi, pada penempatan ini, sekarang ini dalam MyFutureJobs di bawah PERKESO telah menyediakan dan telah memberi peluang pekerjaan sebanyak 12,714 pekerja. Di bawah JobsMalaysia, kita telah menyediakan peluang pekerjaan dan kita sudah *place*. Maknanya, dengan izin, *job ready* iaitu sebanyak 21,000 pekerja yang telah diisi di bawah JobsMalaysia. Jumlah keseluruhannya adalah 33,714 pekerja yang telah diisi dalam tempoh COVID-19.

■1140

Sekarang kita sedang merancang untuk kita *fulfill*, dengan izin, *the vacancies* yang ada untuk pasca COVID-19. Inilah perancangan-perancangan yang kita gunakan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Program Pengekalan Pekerjaan, *Employment Retention Program*, dengan izin,

Tuan Yang di-Pertua? Apakah langkah-langkah jangka panjang kerajaan untuk menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu yang membangkitkan soalan. Kita telah memperuntukkan RM120 juta perbelanjaan untuk seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu tadi.

Jadi, di situ juga kita telah melanjutkan tempoh Program Insentif Pengambilan Pekerja yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara pada 5 Jun 2020 iaitu menawarkan insentif kewangan kepada majikan di antara RM600 hingga RM1,000 bagi seorang pekerja atau perantis yang diambil bekerja sehingga tempoh enam bulan.

Jadi, untuk merencanakan inisiatif ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) telah melancarkan portal pekerjaan untuk yang *retrenchment*, dengan izin, yang telah diberhentikan ataupun dipotong gaji iaitu melalui *MYFuture Jobs*. Inisiatif kerajaan ini bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga Yang Berhormat Setiu, pada 15 Jun sehingga 16 Julai 2020, seramai 112,429 orang pencari kerja dan 90,260 kekosongan jawatan telah didaftarkan. Ini yang kita—

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita melihat kepada misalannya di bawah skim *MyApprentice*, majikan layak mendapat insentif pengambilan sebanyak RM600 seorang jika menggaji perantis. Inilah langkah-langkah yang kita telah dibuat.

Terakhir, kita tengok di sini *HireMalaysia*. Majikan yang menggaji penganggur berumur 40 tahun ke bawah termasuk mereka yang dibuang kerja akan mendapat insentif sebanyak RM800. Manakala mereka yang menggaji penganggur berumur antara 40 hingga 60 tahun atau orang kelainan upaya layak mendapat insentif sebanyak RM1,000. Semua insentif ini akan diberikan selama enam bulan kepada majikan yang layak.

Jadi, kita tengok IR 4.0 ini iaitu *clerk computing*, dengan izin, *cyber security*, *machine learning*, *logistic*, *manufacturing*, *construction*, *hospitality*, *sales and marketing*. Untuk makluman, banyak lagi kursus yang kita tawarkan dalam program ini melalui HRDF dan juga PTPTK. HRDF dahulu.

Jadi, *insya-Allah*, apa yang saya rasa dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu ini kita sedang merancang untuk mengurangkan masalah kadar pengangguran dan juga

retrenchment ataupun pembuangan kerja yang berlaku ketika COVID-19 ini yang bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Kelembapan ekonomi ini bukan sahaja bermula pada ketika COVID-19 tetapi sebelum daripada tahun 2019 lagi apabila projek-projek dibatalkan apa semua ini menyebabkan *spillover*, dengan izin, tidak berlaku pengembangan ekonomi ataupun *economy cycle* berlaku dalam negara apabila projek-projek besar negara telah dibatalkan pada suatu ketika dahulu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Daripada jawapan tadi, disebut bahawa dalam program SIP Ini, kita telah berjaya mengisi 12,714 orang, kalau tidak silap saya angka yang disebut, daripada 48,000 orang lebih yang diberhentikan daripada Januari sehingga 30 Jun. Ini bermakna bahawa masih ada lagi lebih daripada 30,000 orang pekerja yang telah diberhentikan yang masih belum mendapat penempatan pekerjaan.

Jumlah 21,000 di *JobsMalaysia* itu bukan terdiri daripada mereka yang diberhentikan, mereka itu campur-campur. Ada orang yang bekerja hendak tukar tempat bekerja dan sebagainya, itu yang diisi oleh *JobsMalaysia*. Tetapi SIP adalah program penggantian atau pencarian pekerjaan bagi mereka yang diberhentikan.

Jadi, apakah masalah untuk menempatkan mereka ini yang baki 30,000 orang ini? Adakah masalah tiada kekosongan dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena yang membangkitkan lebih daripada 12,700 lebih yang telah kita isi, jadi masih ada lagi. Ya, memang sekarang ini kita sedang berunding dengan *factory-factory manufacturing* yang mana peluang pekerjaan kita akan isi dengan— sebab itu konsep kita sekarang, kita meletakkan *place and train*.

Maknanya, *place and train* ini, kita mencari peluang pekerjaan dahulu dan kemudian menentukan bidang tugas, bidang teknikal yang ada kepada setiap pekerja yang terlibat dalam pemberhentian kerja ataupun diberikan cuti tanpa gaji dan sebagainya. Maknanya, sebelum ini mereka ada bidang tugas dalam bidang teknikal seperti *wafer fab*, tapi peluang pekerjaan dalam bidang *green technology* ataupun *solar energy*. Jadi, kita akan *train* mereka. Setelah kita pastikan syarikat *solar energy* ini memerlukan pekerja-pekerja, maknanya kita akan *divert* mereka, dengan izin, untuk melatih mereka kepada teknologi solar daripada *wafer fab* tadi.

Inilah yang kita rancang melalui program kaunseling kerjaya, carian pekerjaan melalui *JobsMalaysia* dan juga *MYFuture Jobs*. Begitu juga dengan penempatan pekerjaan baharu yang kita sedang berusaha sangat keras untuk kita hendak mengurangkan kadar pengangguran dalam negara ini termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi yang berjumlah 40,000 lagi yang masih tertinggal. *Insyallah*, dengan peluang-peluang yang ada dan juga—

COVID-19 ini kita nampak bukan satu malapetaka. Sebenarnya ia satu hikmah yang mana kita tidak jangka perkara-perkara yang di luar dugaan hari ini datang yang mana mungkin pelabur-pelabur akan masuk selepas ini hasil daripada di tempat-tempat luar negara yang mana COVID-19. Akibat daripada kesan daripada kebaikan Malaysia ini menjadi negara terbaik dalam mengawal COVID-19, negara-negara lain kemungkinan akan berpindah dalam FDI masuk ke dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Ini yang kita kata hikmah di sebalik COVID-19. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Simpang Renggam.

12. Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan tindakan yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani aktiviti pencemaran yang dilakukan oleh pihak industri sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air Simpang Renggam ditutup.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam.

Isu utama yang berkaitan dengan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam adalah berpunca daripada kandungan ammonia yang tinggi di mana LRA tidak boleh merawat dan menjamin kualiti air kepada orang awam. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, punca-punca yang terdapat di sepanjang hulu Sungai Ulu Benut yang berpotensi mencemar adalah dari tapak pelupusan sisa pepejal Ladang CEP, loji pengolahan kumbahan ladang ternakan dan juga ladang-ladang pertanian.

Sehingga kini, untuk makluman Yang Berhormat Simpang Renggam, JAS telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengenakan empat kompaun, dua notis arahan dan juga membuka satu kertas siasatan bagi tujuan tindakan mahkamah

terhadap pengendali tapak pelupusan sisa pepejal Ladang CEP yang telah menjadi punca kepada kenaikan paras ammonia yang mana mengganggu operasi LRA Simpang Renggam dan tapak pelupusan sampah yang sebelum ini merupakan punca utama bagi kes pencemaran ammonia di kawasan Simpang Renggam ini yang sedang dalam proses penutupan dengan selamat.

Penambahbaikan sistem rawatan air larut resap juga telah dibuat dari semasa ke semasa bagi mematuhi kehendak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seperti mana yang telah disebutkan, memang punca utama pencemaran sungai, bekalan air di Simpang Renggam memang adalah disebabkan oleh tapak pelupusan sampah di Ladang CEP yang, *alhamdulillah*, telah ditutup atau dalam proses untuk ditutup selamat. Terima kasih saya ucapkan kepada KPKT pada penggal yang lalu yang telah memberikan kerjasama. Ini merupakan masalah semenjak berpuluh-puluh tahun di Simpang Renggam dan, *alhamdulillah*, di bawah pentadbiran Pakatan Harapan, ia telah berjaya diselesaikan.

■1150

Namun, kita lihat ada juga punca pencemaran yang lain iaitu antaranya disebabkan oleh baja-baja kimia yang digunakan oleh ladang-ladang kelapa sawit sepanjang sungai, itu yang pertama. Keduanya, sepertimana yang telah disebutkan iaitu pencemaran yang disebabkan oleh pembuangan sisa kimia elektronik yang dilakukan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kita ingin meminta komitmen daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui JAS untuk bekerjasama dengan masyarakat dan juga pihak Parlimen Simpang Renggam untuk kita bersama-sama menyasat pihak yang tidak bertanggungjawab ini, yang mana bagi pihak masyarakat mereka ketahui siapa mereka. Siapa orang-orang ini tetapi malangnya, setakat ini kita lihat keadaan ini terus berlaku dan bukan hanya sungai tercemar, malah juga udara tercemar. Ini boleh kita lihat apa yang berlaku di kawasan Machap dan masyarakat sering melakukan aduan.

Jadi, kita minta kerjasama dari pihak kementerian melalui JAS, bekerjasama dengan pihak masyarakat dan pihak Parlimen Simpang Renggam, kita bersama-sama menyiasat kepala onar ini dan kita mengambil tindakan yang perlu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam dan ini saya fikir jawapan yang memang saya ataupun KASA ini nanti-nantikan. *We need* dengan izin, *collective effort* untuk memastikan bahawasanya aktiviti ataupun kegiatan yang menyebabkan pencemaran sungai dan juga alam sekitar, air, udara dan sebagainya ini dapat kita tangani dengan lebih tuntas pada masa akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga dalam masa yang sama selain daripada *collective effort* daripada kita dengan masyarakat dan sebagainya ini. Saya dapati bahawasanya sebagai langkah awal, pihak Syarikat Air Johor juga dan kita mengambil inisiatif melalui Syarikat Air Johor yang mengendalikan LRA ini juga telah memantau sepenuhnya kualiti air yang hendak dirawat dan akan memaklumkan kes pencemaran bagi bacaan ammonia yang tinggi Sungai Ulu Benut sebagai contoh, dari semasa ke semasa kepada semua agensi yang berkaitan. Ini adalah satu usaha yang pada saya operasi yang bersepadu yang digerakkan bersama dengan JAS, SAJ, Badan Kawal selia Air Negeri Johor (BAKAJ), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan seumpamanya.

Selain daripada Yang Berhormat, kita juga tidak meninggalkan kerjasama dengan kementerian-kementerian yang terlibat. Betul Yang Berhormat cakap sebentar tadi bahawasanya kementerian-kementerian yang bekerjasama dengan kita ini bukan hanya KASA, juga terlibat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai contohnya dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan sebagainya. Jadi ini penting, kalau hendak memastikan kejayaan ia memerlukan satu usaha yang holistik daripada seluruh pihak dan semua pihak. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput sekiranya ada soalan tambahan kedua, sekiranya tidak ada saya jemput Yang Berhormat Beaufort untuk soalan seterusnya.

13. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kementerian akan meneruskan Program *Food Bank Siswa* yang merupakan inisiatif kementerian untuk menyalurkan bantuan lebih makanan kepada penuntut IPT yang memerlukan sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah begini. Berdasarkan jumlah penerima sepanjang pelaksanaan *Food Bank Malaysia* daripada bulan Ogos 2018 hingga bulan Januari 2020, seramai 622,726 ahli isi rumah telah menerima manfaat daripada program ini. Sebanyak 2,301 matriks tan lebih makanan telah dapat di dimanfaatkan daripada terbuang begitu sahaja.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang diadakan pada 15 Februari 2019 telah memutuskan bagi memperluaskan Program *Food Bank Malaysia* ini ke universiti-universiti awam. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Beaufort ini, Program *Food Bank Siswa* yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini sejak Februari 2019 di peringkat universiti akan diteruskan dengan pemantauan yang berterusan. Seramai 12,851 orang pelajar telah menerima manfaat daripada program tersebut sejak ia dilaksanakan.

Program *Food Bank Siswa* ini telah dijalankan di 25 buah institut pengajian tinggi (IPT) iaitu di institut pengajian tinggi awam (IPTA), Politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Program *Food Bank Siswa* ini yang di kawal selia oleh kementerian ini telah menyalurkan bantuan kepada lebih 60,000 orang pelajar di sebanyak 181 buah IPT di seluruh Malaysia.

Bantuan ini telah disalurkan kepada pelajar yang terkandas di kampus sejak PKP bermula. Berkonsepkan *from the student to the student*, kementerian ini sangat mengalu-alukan pelajar yang ingin terlibat dalam melaksanakan Program *Food Bank Siswa* ini. Jadi – terutamanya dari persatuan-persatuan pelajar untuk sama-sama membantu golongan pelajar yang memerlukan. Program ini juga dapat memupuk semangat sukarelawan di samping membolehkan para pelajar bergiat aktif di dalam aktiviti yang dijalankan di universiti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Beaufort soalan tambahan pertama.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kementerian di atas usaha yang murni dan baik ini. *Alhamdulillah*.

Pertanyaan saya ialah, adakah program ini akan dilanjutkan lagi melibatkan IPTS bukan IPTA sahaja tetapi IPTS juga? Adakah ia akan dibawa sampai ke negeri Sabah dan ke negeri Sarawak termasuk juga program di bawah Yayasan *Food Bank Malaysia*, adakah juga termasuk negeri Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Yang Berhormat Program *Food Bank* ini akan berterusan. Buat masa sekarang kita terhad kepada IPT Awam sahaja. Jadi sekiranya memang ada keperluan di IPTS, kita akan melihat kepada setakat mana kemampuan Program *Food Bank* ini nanti. Oleh sebab kita bergantung kepada penyumbang-penyumbang daripada industri makanan dan sebagainya. Pertimbangan itu akan berdasarkan kepada kemampuan ini nanti.

Jadi, sama ada program ini di panjang kepada Sarawak dan Sabah? Sebenarnya di Sarawak dan Sabah, institut pengajian tinggi awam (IPTA) memang sudah dalam program ini. Tiada mana-mana negeri terpinggir ataupun ditinggal dengan sengaja daripada program ini. Jadi, program ini akan berterusan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan kedua saya menjemput Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Kita mengalu-alukan langkah untuk membantu pelajar-pelajar kita yang memerlukan bantuan ini.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, selain daripada industri, adakah program ini juga melibatkan alumni *group* setiap universiti. Ini kerana di peringkat antarabangsa, peranan alumni ini bukan sekadar untuk memberikan... *[Tidak jelas]* ataupun hadiah pembelajaran ataupun *scholarship* tetapi juga membantu kebajikan pelajar-pelajar bekas universiti mereka. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya peranan daripada mana-mana pihak yang ingin membantu dalam satu program yang amat penting dan murni ini kita alu-alukan. Jadi, alumni ini memang sebahagian besar daripada semua universiti-universiti ataupun kolej-kolej, jadi semua tahu.

Dalam jawapan asal saya tadi memang telah disebutkan kita menggalakkan sumbangan daripada pelajar-pelajar. Oleh sebab itu kita ada konsep *from the student to the student* untuk mereka membantu. Jadi, kalau alumni-alumni ini ingin tampil ke

hadapan bersama dalam program ini memang dialu-alukan sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat yang bertanya tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, masa selama satu jam 35 minit telah diperuntukkan untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan nombor 14 boleh? Satu soalan nombor 14 boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, saya telah tamatkan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada itu. Bagi *chance* dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” ***[22 Julai 2020]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur untuk menyambung ucapan berbaki 14 minit. Silakan Yang Berhormat Ipoh Timur.

■1200

12.00 tgh.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meneruskan perbahasan saya yang telah berlangsung untuk enam minit pada semalam yang mana saya telah menyentuh berkenaan dengan pengisytiharan aset yang telah pun diumumkan pada semalam. Satu *endless creativity*— Satu kekreatifan yang tidak terhingga dipaparkan atau pun ditunjukkan oleh kerajaan sekarang, dengan izin.

Pada pagi ini Timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan apa yang terjadi dalam Dewan yang mulia ini pada 13 hari bulan Julai 2020 yang mana kita telah menyaksikan bahawa satu proses pemilihan yang dikatakan sebagai satu proses pemilihan Tuan Yang di-Pertua yang mana proses tersebut adalah jelas tidak mengikut *standing orders* yang kita ada. Tidak mengikut perintah tetap yang kita ada dan juga tidak mengikut proses pemilihan Tuan Yang di-Pertua yang lepas.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi pada 13 Julai merupakan satu titik yang amat menyedihkan. Kita kehilangan seorang Tuan Yang di-Pertua yang terbukti kompeten, bersikap adil dan saksama terhadap semua Ahli-ahli Dewan. Beliau adalah seorang yang komited dengan segala usaha pembaharuan Dewan. Beliau ditukar bukan atas apa-apa alasan kegagalan dalam melaksanakan tanggungjawab beliau ataupun terlibat dalam apa-apa skandal. Akan tetapi, hanya dengan alasan bahawa kerana terdapat pencalonan yang lain. Ini adalah salah dan pengosongan kerusi Tuan Yang di-Pertua itu adalah salah dari segi meritnya.

Biar kita berbincang berkenaan dengan prosedur pelantikan Tuan Yang di-Pertua yang baharu. Ada rakan-rakan di sebelah sana, menyatakan bahawa usul penamaan calon boleh dimasukkan tanpa pengosongan kerusi Tuan Yang di-Pertua. Memang saya tidak dapat bersetuju dengan peruntukan yang jelas dalam Aturan 4 Peraturan Mesyuarat atau Perintah Tetap. Kita terbuka kepada *interpretation* dengan

izin, yang berlainan dari segi undang-undang segala keputusan dan insiden-insiden yang lepas bolehlah menjadi penunjuk untuk pentafsiran.

Kita boleh mengimbas kembali pada tahun 1977, apabila kita baca balik *Hansard* kita. Pada tahun 1977, Tuan Yang di-Pertua Dewan pada ketika itu Tan Sri Nik Ahmad Kamil telah meninggal dunia pada 20 hari bulan Disember 1977. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu Yang Berhormat Tun Hussein bin Dato' Onn telah memaklumkan perkara ini kepada Dewan Rakyat pada hari berikutnya iaitu pada 21 hari bulan Disember 1977 dan beliau merujuk kepada perintah tetap dan menyatakan dengan jelas bahawa pemilihan tidak boleh dijalankan kerana perintah tetap memerlukan satu notis selama 14 hari.

Saya mengambil kesempatan ini untuk membaca *Hansard* pada 21 Disember 1977 itu yang berbunyi, "*Di samping itu, saya menarik perhatian Tan Sri dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat kepada Peraturan 3 memilih Tuan Yang di-Pertua. Ini bermakna, kita tidak dapat memilih Yang di-Pertua sekarang disebabkan Peruntukan Mesyuarat berkehendakkan notis sebagaimana yang kita bacakan ini iaitu 14 hari. Oleh yang demikian, kita tidak dapat mengelakkan selain ditangguhkan Mesyuarat ini sehingga 9 hari bulan Januari 1978*".

Maka, pada ketika itu Dewan telah ditangguhkan untuk membolehkan proses penamaan Tuan Yang di-Pertua yang baharu dibuat. Akan tetapi, ini tidak berlaku pada 13 hari bulan Julai 2020 dan kerajaan telah membuat satu keputusan untuk *bulldoze*. Kita hendak merakamkan atas rekod berkenaan dengan situasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi juga pembaharuan institusi Parlimen merupakan sesuatu yang amat dibanggakan semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Namun, sudah menjadi satu persoalan besar sama ada segala usaha-usaha tersebut akan diteruskan.

Akibat daripada tindakan pengambilan kuasa yang berlaku pada bulan Februari yang lepas, setakat ini saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa hampir tujuh bulan ataupun selama 206 hari untuk tahun 2020, Parlimen hanya bersidang untuk 10 hari sahaja setakat ini. Tambahan pula, apa yang amat menyedihkan adalah segala prosiding-prosiding jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen turut dilumpuhkan.

Sudah dua minggu kita bersidang semula. Kita tidak nampak terdapat apa-apa pelantikan Ahli-ahli baharu ke dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini, khususnya untuk Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Kita bagaikan

masih belum nampak apa-apa cahaya. Sudah dua minggu kita bersidang di sini, tetapi PAC masih belum lagi dapat berfungsi untuk meneruskan prosiding kita.

Atas satu alasan sahaja kerana pelantikan Ahli-ahli baharu belum lagi dibuat. Sampai bila kita hendak tunggu untuk pelantikan-pelantikan ini? Sampai bila kita hendak tunggu sampai kesemua fungsi jawatankuasa-jawatankuasa ini boleh dipulihkan? Sampai bila kita hendak tunggu kesemua jawatankuasa ini terus dilumpuhkan oleh pentadbiran sekarang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi PAC, *we are heavily lagging in our works* dengan izin. Kita tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kita dan pada minggu yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, kita telah dibentangkan Laporan Ketua Audit Negara untuk tahun 2018 Siri Tiga. Ini sudah sampai siri tiga. Sejumlah tujuh kes telah pun *highlight*kan ataupun dinyatakan oleh Ketua Audit Negara.

Bukan sahaja kita tidak dapat memulakan prosiding untuk LKAN Siri Tiga ini biarpun untuk LKAN Siri Dua yang mana PAC masih belum berpeluang untuk memulakan sebarang prosiding. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Laporan Kedua Audit Negara Tahun 2019 Siri Satu kemungkinan besar akan dibentangkan pada bulan hadapan dan banyaklah kerja yang kita hendak buat dan kenapakah kita masih terbiar untuk membazirkan masa dan tidak dibenarkan untuk melaksanakan tanggungjawab itu.

Bukan sahaja daripada itu Timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu *update* di sini. Terdapat sebanyak tiga laporan PAC yang telah pun tersedia untuk pembentangan termasuk Projek Sistem Kutipan Cukai Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing, Projek Sekolah Sukan Malaysia Perlis dan Projek Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kesemua laporan ini telah pun siap oleh PAC sebelum bulan Februari ini.

Akan tetapi, sampai sekarang kita tidak ada peluang untuk membentangkan laporan-laporan ini ke Dewan yang mulia ini. Selain daripada itu, tiga laporan yang lain sedang dalam proses untuk penyediaan laporan dan sekurang-kurangnya tiga lagi prosiding yang telah pihak PAC membuat keputusan untuk memulakan prosiding. Saya hendak menegaskan di sini bahawa pada tahun 2019, sejumlah 54 mesyuarat telah dijalankan dan setakat ini untuk tahun 2020 hanya sebanyak enam mesyuarat sahaja yang sempat dijalankan. Sama ada keadaan sebegini adalah sesuatu yang kita harapkan di bawah kerajaan sekarang? Ini satu persoalan yang besar. *Please appoint the full committee now. No more delaying*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan pada dua hari yang lepas juga telah memberikan satu pengemaskinian terhadap pelaksanaan PENJANA yang dikatakan melibatkan sebanyak 80 inisiatif. Sejumlah 80 inisiatif *on paper*, dengan izin— Nampaknya sesuatu yang baik tetapi apakah status pelaksanaannya. Ini menjadi satu persoalan yang penting. Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari tersebut telah gagal untuk menyentuh berkenaan dengan kegagalan kerajaan dari segi kecekapan pelaksanaan yang merupakan suatu elemen yang amat kritikal untuk memastikan bantuan kepada rakyat dapat dioptimumkan.

■1210

Semasa ucapan PENJANA pada 5 Jun 2020, Perdana Menteri telah mengumumkan pengembalian Kempen Pemilikan Rumah (*House Ownership Campaign*) yang sebelum ini diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2019 dengan pengecualian cukai duti setem untuk pembelian rumah kediaman yang bernilai RM300 ribu hingga RM2.5 juta. HOC 2020 ini sepatutnya berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang ditandatangani mulai 1 Jun 2020 sampai 31 Mei 2021.

Pada masa yang sama, kita juga nampak ada satu pengumuman pengecualian Cukai Keuntungan Hartanah (CKHD) diberikan kepada individu warga Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 juga. Kedua-dua inisiatif ini adalah amat penting untuk mempergiatkan pasaran jual beli tanah.

Walau bagaimanapun, sudah hampir tujuh minggu pengumuman di atas dibuat, sehingga kini pelaksanaannya masih belum lagi boleh disempurnakan dan rakyat masih tidak dapat menikmati hasil inisiatif-inisiatif tersebut. Warta kerajaan untuk kedua-dua HOC 2020 dan pengecualian CKHD masih belum diterbitkan oleh pihak kerajaan walaupun pelaksanaannya sepatutnya bermula pada 1 Jun 2020.

Penerbitan warta kerajaan tersebut adalah amat penting yang mana Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan sijil pengecualian duti setem masih tidak dapat memproses permohonan-permohonan dari pemaju dan juga pembeli tanpa penerbitan warta kerajaan untuk HOC 2020.

Situasi di atas adalah sama juga dengan pengecualian CKHD yang mana kekeliruan timbul dari segi pelaksanaan dengan ketiadaan warta kerajaan yang sepatutnya menggariskan maklumat-maklumat terperinci syarat-syarat kelulusan pengecualian. Ini sejurusnya telah menyebabkan ramai lagi yang ingin melupuskan hartanah mereka mengambil satu sikap yang lebih konservatif iaitu *wait and see*, dengan izin sehingga kesemua kekeliruan ini diperjelaskan.

Kita telah membazir satu tempoh sepanjang enam minggu yang sepatutnya dianggap sebagai waktu keemasan untuk merangsang kegiatan jual beli hartanah dan untuk membantu memesatkan ekonomi pada pandemik COVID-19 ini. Kenapa suatu kelewatan yang begitu serius boleh berlaku walaupun pada masa yang sama kerajaan Perikatan Nasional boleh begitu cekap dan efisien dalam membuat pelantikan hampir semua Ahli-ahli Parlimennya ke *GLC-GLC* dan juga agensi-agensi kerajaan. Jelas kerajaan telah gagal untuk menentukan mana satu perkara yang perlu diberikan keutamaan dan disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan status program pengambilan pekerja yang telah pun juga telah diumumkan lebih kurang enam hingga tujuh minggu yang lepas. Program ini telah pun memberikan satu insentif kepada pihak majikan yang mengambil pekerja baharu dan memberi satu insentif sebanyak RM800 sebulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, gulung. Saya ingin tahu, apakah status ataupun *progress* ataupun pencapaian berkenaan dengan program ini. Saya berpendapat bahawa proses permohonan haruslah diperhalusi dan harus menjadi lebih *simple* untuk membolehkan mana-mana majikan yang mengaji mereka yang kehilangan kerja ataupun tidak bekerja untuk dua atau tiga bulan yang lepas itu boleh secara automatik untuk mendapatkan bantuan ini. Ini adalah amat penting untuk bukan sahaja untuk membantu PKS tetapi juga untuk membantu mereka yang kehilangan kerja ataupun tidak mendapat kerja akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Dengan itu, terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Yang di-Pertua saya mengakhiri perbahasan saya pada pagi ini dengan setinggi-tinggi penghargaan dan juga terima kasih. Sekian daripada Ipoh Timur, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik.

12.14 tgh.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan keizinan yang diberikan kepada saya untuk bersama berbahas pada pagi yang mulia ini di Dewan yang mulia. Bersama-sama kita menyusun gerak dan langkah kita untuk rakyat jelata.

Pertamanya saya menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah baginda sempena pembukaan Parlimen kali ini. Titah baginda yang menyatakan kerajaan ini adalah kerajaan baginda adalah sangat tepat kerana kita semua sedang menjalankan kuasa baginda menurut Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan kerana kuasa eksekutif sebenar tersebut dimiliki oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* Kerajaan Perikatan Nasional hari ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan ketika penubuhan kerajaan ini, ditambah dalam situasi kita menghadapi pandemik COVID-19, rakyat hari ini lebih positif dan yakin terhadap Kerajaan Perikatan Nasional jika dibandingkan dengan Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini yang selalu menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat.

Di sini, saya juga sangat percaya untuk menyatakan bahawa rakyat sangat berpuas hati dengan khidmat kerajaan khususnya dalam menangani COVID-19 dan Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah pun diumumkan oleh kerajaan. Selain itu, Kerajaan Perikatan Nasional ini yang terus bekerja dan meletakkan Malaysia seperti sebuah keluarga besar dan juga sentiasa waspada dalam menjaga hal-hal yang melibatkan sensitiviti rakyat tanpa mengabaikan hak majoriti dan minoriti rakyat seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Semuanya seperti peribahasa yang berbunyi, "*serumpun bak serai, sesusun bak sirih*", sentiasa bertoleransi dan saling menjaga antara satu sama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita belajar daripada sejarah. Perikatan Nasional berjaya kerana bersatu dan bekerjasama, sedangkan Pakatan Harapan gagal kerana bertelagah. Memang benar kata pepatah, "*bersatu teguh, bercerai roboh*". Rakyat suka dengan muafakat Perikatan Nasional dan *insya-Allah* Kerajaan Perikatan Nasional ini akan terus memelihara muafakat untuk menjaga kedaulatan negara serta kemakmuran pelbagai kaum, masyarakat majmuk di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin membangkitkan persoalan ataupun isu industri padi iaitu industri yang sangat penting dalam soal keselamatan makanan negara. Padi yang merupakan makanan rutin penduduk Malaysia seharusnya diberi perhatian yang lebih. Justeru saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menyasarkan kadar sara diri (*self-sufficiency level - SSL*) negara dinaikkan antara 75 hingga 80 peratus melalui peningkatan pengeluaran serta pengurangan kebergantungan kepada aktiviti import.

Ini sangat penting dalam memastikan makanan asas rakyat sentiasa terjamin. Purata keperluan beras mengikut individu ialah sebanyak 70 hingga 80 kilogram setahun

per kapita. Keperluan beras dalam negara adalah sebanyak 2.2 juta metrik tan hingga 2.4 juta metrik tan setahun. Pengeluaran beras dalam negara hanya sebanyak 70 peratus daripada 2.2 juta metrik tan setahun di mana kerajaan terpaksa mengimport beras luar sebanyak 30 peratus.

Bagi mengurangkan kebergantungan beras import, pengeluaran beras negara harus dipertingkatkan lagi sehingga 10 peratus. Populasi rakyat Malaysia diramal mencatatkan peningkatan sehingga 51 peratus menjelang tahun 2020 di mana keperluan beras negara akan meningkat sebanyak 17.5 peratus kepada 2.82 juta metrik tan setahun.

Bagaimana hal ini dapat dicapai? Jawapannya antara yang saya lontarkan ialah pengukuhan Jelapang Padi di Kedah yang mana sejak ratusan tahun negeri Kedah menjadikan aktiviti ekonomi utamanya itu penanaman padi. Kedah telah berbakti kepada seluruh rakyat kerana telah menyumbang sumber makanan beras sebanyak 40 peratus dalam negara.

■1220

Apa yang ingin saya kaitkan di sini ialah, Kerajaan Negeri Kedah yang dikehendaki mengekalkan status sebagai negeri jelapang padi demi kestabilan dan pengukuhan sumber makanan negara. Maka, Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh rasa tanggungjawab, akur atas kehendak ini. Namun demikian di atas pengorbanan ini, Kerajaan Negeri Kedah telah kehilangan perolehan dan pendapatan negeri melalui cukai premium tanah sebanyak RM1.7 bilion.

Kawasan tanah untuk pertanian bandar masih dikekalkan dan tidak dimajukan dengan pembangunan yang bernilai komersial oleh kerana Kerajaan Negeri Kedah merasakan betapa pentingnya kestabilan sumber makanan negara, Kerajaan Negeri Kedah sentiasa terhalang daripada menambah pendapatan negeri sebanyak RM1.7 bilion.

Juga saya perlu nyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah pun mempunyai empat empangan air iaitu Empangan Muda, Empangan Pedu, Empangan Ahning dan Empangan Beris. Keluasan kawasan tadahan keempat-empat empangan ini ialah keseluruhannya sebanyak lebih kurang 300,000 hektar. Hasil maklumat dan kajian yang dibuat berdasarkan sumber yang boleh dimanfaatkan daripada kawasan tanah tersebut adalah sebanyak RM150 juta iaitu hasil tahunan daripada pembalakan. Jumlah ini belum lagi termasuk nilai daripada sumber galian dan mineral yang dianggarkan bernilai lebih RM62 bilion.

Justeru itu, berdasarkan pengorbanan kerajaan negeri dan rakyat negeri Kedah ini, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan meneliti dan menilai dengan penuh keprihatinan bagi menyalurkan imbuhan atau sumbangan tetap tahunan sebanyak RM320 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah di atas pengorbanan yang telah diberikan kepada seluruh rakyat. Saya yakin dan percaya bahawa dengan sumbangan tetap ini daripada Kerajaan Persekutuan, khususnya akan dapat membantu Kerajaan Negeri Kedah ke arah pembangunan yang lebih mapan dan maju seiring dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, United Nations telah membentangkan satu agenda besar yang dinamakan *Sustainable Development Goals (SDG) 2030*, dengan izin, yang memaparkan 17 matlamat yang hendak dicapai menjelang 2030. Antaranya adalah tiga matlamat teratas iaitu basmi kemiskinan, bebas kelaparan dan kesihatan baik dan kesejahteraan kehidupan.

Oleh yang demikian, sudah sampai masanya Malaysia memberi fokus kepada pertanian mapan iaitu, dengan izin, *Green Agriculture Approach and Implementation* sebagaimana yang ditegaskan oleh *Food and Agriculture Organization (FAO) of United Nations* selaras dengan SDG 2030. Negara-negara pertanian seluruh dunia telah berusaha mengorak langkah dan melakukan transformasi secara besar-besaran daripada pertanian konvensional kepada *green agriculture development*.

Sehubungan dengan itu, saya menyarankan agar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjadikan perkara tersebut sebagai agenda utama dalam Dasar Agromakanan 2.0, khususnya dalam Rancangan Malaysia Ke-12 serta mempunyai dana khas bagi tahun 2020 hingga 2030 bagi melaksanakan pertanian organik secara intensif dan berskala besar.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan SDG 2030, maka agenda besar ini perlu dimanfaatkan seluruhnya kepada seluruh petani dan pesawah bagi meningkatkan aspek sosioekonomi, kesihatan dan kesejahteraan kehidupan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat semua, pengusaha padi di kawasan Muda MADA negeri Kedah adalah seramai 57,635 orang yang berumur puratanya 60 tahun.

Kebanyakan daripada mereka sedang berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan dan dijangkiti dengan pelbagai penyakit. Kajian menunjukkan bahawa 75 peratus daripada pesawah mengalami sekurang-kurangnya satu simptom pendedahan kepada racun serangga. Data menunjukkan daripada 100 orang petani yang dikaji, 57.4 peratus mengalami masalah mata menjadi merah, 81.6 peratus mengalami penyakit kulit dan 91.7 peratus mengalami simptom gangguan sistem saraf utama.

Oleh itu, agenda *National Green Agriculture* oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya subsidi baja kimia dan racun serangga yang sedia ada secara serius disemak semula dan segera mendapatkan alternatif baja organik dan racun organik keluaran tempatan demi masa depan kesihatan dan kesejahteraan para petani sama ada di kawasan jelapang padi di Kedah khususnya dan di Malaysia amnya.

Di samping itu, saya menyarankan Kerajaan Malaysia mewujudkan dana khas skim insurans takaful kesihatan, khususnya kepada para petani. Sekiranya skim takaful ini diwujudkan...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Sik, boleh? Boleh saya celah?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Oh! Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya ingin mencelah sedikit tentang industri padi kerana saya rasa di masa hadapan, masa depan industri padi bergantung kepada padi organik. Ini kerana dalam perkembangan semasa ini, pemahaman tentang sains dan kesihatan, orang ramai akan semakin kurang di masa depan mengambil beras sebagai sumber makanan, sumber karbohidrat dengan banyak kerana orang makan karbohidrat yang telah diproses, itu yang semakin kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Akan tetapi— Ya, ya dan yang sesuai dengan apa yang berlaku sekarang ini ialah padi organik kerana manusia semakin mementingkan kesihatan. Kita tahu khasiat organik tadi yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Jadi, apakah pendirian Yang Berhormat sebagai Pengerusi MADA tentang padi organik dan apakah persediaan? Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya mengambil perhatian pandangan dan soalan tadi. Sudah pasti di peringkat saya, kajian dan juga pelaksanaannya telah dimulai untuk mengembangkan lagi penanaman padi organik, termasuk inisiatif di pihak saya di Parlimen Sik. Kita telah mewujudkan ladang padi organik di satu kampung di Kampung Belantik yang mana Yang Berhormat Kuala Kedah telah pun pergi melawat.

Baik, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan untuk membangkitkan persoalan hal ehwal kedudukan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan. Pada 5

Disember 2018, Dewan Undangan Negeri Perak telah meminda Enakmen Pentadbiran bagi menubuhkan Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak yang telah pun bersidang buat kali pertama pada 15 Julai lepas. Negeri Perak ketika ini merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai empat hierarki Mahkamah Syariah.

Negeri lain hanya mempunyai tiga hierarki. Saya berharap agar Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain mengikuti langkah ini, bukan sahaja ada empat hierarki Mahkamah Syariah tetapi lima hierarki seperti mana mahkamah sivil. Langkah yang cantik ini hendaklah menjadi langkah pertama untuk memartabatkan Mahkamah Syariah.

Seterusnya, keanggotaan Mahkamah Syariah iaitu hakim-hakimnya mestilah dilantik sama seperti hakim mahkamah sivil. Mereka hendaklah dibebaskan daripada kongkongan menjadi penjawat awam yang menghakis kebebasan mereka membuat keputusan yang adil dan saksama. Panel Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah hendaklah daripada kalangan panel yang tetap. Seterusnya, bagi peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah pula...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sik, boleh sekejap? Sedikit sahaja. Hendak sokong Mahkamah Syariah, boleh? Boleh, ya. Terima kasih. Yang Berhormat Sik, oleh kerana Yang Berhormat Sik bercakap tentang Mahkamah Syariah, sekarang ini parti Yang Berhormat Sik pun dalam kerajaan, adakah bercadang untuk bawa RUU 355 di Parlimen ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, saya hendak bertanya semula. Kalau kerajaan bawa, adakah Yang Berhormat Sepang akan bersetuju? Sila jawab.

Berkaitan dengan peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah, pada tahun 2019, kerajaan yang terdiri daripada Pakatan Harapan ketika itu dengan gahnya mendakwa mereka dapat menyelesaikan masalah peguam syarie dengan kelulusan Akta Profesion Guaman Syarie 2019. Menteri ketika itu mendakwa mereka dapat menggubal akta ini tidak sampai setahun berkuasa, berbanding kerajaan sebelum ini yang mengambil masa puluhan tahun. Namun, usaha kerajaan yang terdiri daripada Pakatan Harapan ini macam, '*hangat-hangat tahi ayam*' sahaja kerana selepas diluluskan sehingga Pakatan Harapan tumbang, akibat persengketaan dalaman sendiri, akta tersebut tidak diwartakan lagi sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Agama Islam, khususnya MAIWP juga memainkan peranan aktif dalam menegakkan syiar Islam. MAIWP perlu bebas daripada bebanan politik dan inilah sepatutnya yang perlu diteruskan oleh pentadbiran MAIWP pada ketika

ini. Satu lagi perkara iaitu mengenai penyebaran agama bukan Islam di kalangan orang Islam. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyebut, undang-undang negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama antara orang yang menganut agama Islam. Buat masa ini, Wilayah Persekutuan tidak lagi mempunyai enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam di kalangan orang Islam. Parlimen perlu membuat undang-undang ini bagi Wilayah Persekutuan.

■1230

Begitu juga saya menyarankan Bahagian Hal Ehwal Agama untuk terus memberi perhatian bekerjasama dengan NGO-NGO Islam untuk bermuafakat menegakkan syiar Islam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya bangkitkan isu di daerah saya daerah Sik iaitu saya tekankan di sini daerah Sik ini masih lagi kekal di antara daerah termiskin di Semenanjung. Ada beberapa perkara yang perlu perhatian daripada Kementerian khususnya yang pertama iaitu berkaitan dengan tanah pertanian yang terbiar.

Pada tahun 2019 seluas 103,563 hektar tanah terbiar di Semenanjung Malaysia termasuklah di negeri Kedah sebanyak 2,655 hektar tanah yang terbiar. Oleh yang demikian saya memohon perhatian yang khusus daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk melihat kawasan tanah terbiar di Daerah Sik sendiri yang keluasanya direkodkan oleh Jabatan Pertanian sebanyak 142.89 hektar untuk dibangunkan dengan penanaman ataupun dimajukan sebagai kawasan pertanian bagi manfaat seluruh rakyat Sik.

Kedua, berkaitan dengan belia desa yang menganggur yang pada ketika ini agak hampa akibat prasarana ekonomi yang tidak seperti di daerah-daerah lain. Statistik kemiskinan sendiri yang berada di Sik ini membuktikan ramai lagi di kalangan belia yang tidak ada pekerjaan dan mereka ini ada kekangan ketika mana mereka ingin berhijrah untuk mencari pekerjaan di bandar-bandar. Saya memohon perhatian juga daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Sumber Manusia untuk melihat belia desa yang menganggur.

Begitu juga saya membangkitkan persoalan isu getah. Penoreh getah hari ini terus merungut akibat harga getah yang terus rendah dan mereka menghadapi kesulitan akibat tidak dapat meneruskan ataupun halangan daripada harga getah itu sehinggakan di antara mereka yang kekurangan pendapatan dan sudah pasti memberi kesan kepada kehidupan mereka. Saya mengharapkan khususnya Kementerian Perusahaan

Perladangan dan Komoditi untuk melihat dengan lebih serius usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan industri getah ini sama ada di Daerah Sik dan di daerah-daerah yang lain.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan soal keadaan rumah penduduk yang uzur. Inilah yang saya telah bangkitkan sebelum ini ramai lagi di kalangan penduduk-penduduk di Daerah Sik yang mempunyai rumah yang uzur, rumah yang tidak sempurna, atap yang bocor, keadaan rumah yang sempit dan keadaan fizikal rumah itu sendiri yang sangat daif yang tidak dapat diduduki dengan sempurna oleh penduduk. Saya menyarankan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membuat satu *taskforce* yang khusus untuk melihat isu ini dan bukan sahaja di Daerah Sik, bahkan di daerah-daerah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ingin saya bangkitkan adalah isu antarabangsa yang melibatkan negara kita. Pertama berkaitan isu Rohingya yang menjadi perhatian besar ketika mana kita menghadapi COVID-19 baru-baru ini. Kita menuntut supaya usaha yang kita lakukan ini bukan hanya dengan tangan kosong atau hampa sebaliknya perkara besar yang dilakukan oleh kerajaan iaitu perlu dengan tegas dan berterusan mendesak Kerajaan Myanmar supaya tidak bertanggung lagi serta mencari pelbagai alasan untuk pihak Kerajaan Myanmar menyelesaikan konflik dalam negaranya yang telah berlarutan hampir sekian lama yang menyebabkan bebannya terpaksa ditanggung oleh kita. Kita telah saksikan ribuan bahkan ratusan ribu pelarian Rohingya ini terpaksa lari meninggalkan negara Myanmar dan di antaranya datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berkenaan isu Palestin iaitu isu kedaulatan sejagat. Saya ingin mengajak sidang Parlimen untuk merenung isu pengilhakan Palestin oleh Israel. Kita harus faham bahawa pengilhakan adalah sesuatu jenayah terhadap sesebuah kedaulatan di mana wilayah tersebut dirampas secara unilateral.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, kira-kira empat minggu lalu terdapat lebih 1,000 penggubal undang-undang daripada Eropah bersuara mengecam rancangan jahat pengilhakan wilayah Tebing Barat dan Lembah Jordan oleh Israel yang kononnya selari dengan rancangan pendamaian Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya bagi seluruh umat Islam sama ada di Malaysia dan seluruh dunia mengharapakan Malaysia memainkan peranan yang lebih besar dalam pertubuhan OIC. Pertubuhan yang diasaskan sejak tahun 1969 ini

mencatat keanggotaan sebanyak 57 buah negara majoriti Muslim. Jika himpungan secara kolektif, jumlah populasi penduduk setakat tahun 2015 mencecah lebih 1.8 bilion di mana nilai angka adalah sebuah angka yang sangat besar, pengaruhnya besar maka tumpuan yang perlu diberikan juga harus besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir sekali sebagai penutupnya saya ingin menyampaikan pantun khususnya kepada sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena.

*Kandar petai hutan diredah,
Pohon terap tempat berteduh,
Kerajaan Pakatan Harapan runtuhlah sudah,
Perikatan Nasional bersatu teguh.*

Sekian, saya memohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sepanggar.

12.36 tgh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah yang Maha Berkuasa, Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Salam dan selawat juga kepada junjungan besar Rasulullah SAW yang menjadi teladan dan membawa rahmat ke seluruh alam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 37(2) tidak ingin membuat celahan disebabkan saya hanya ada masa 20 minit tetapi ada 60 muka surat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada kali ini. Hari ini kita berpeluang membahaskan Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong selepas tertangguh beberapa bulan akibat krisis politik dan wabak COVID-19 yang melanda negara bermula awal Februari yang lalu.

Walaupun tertangguh begitu lama namun kita menerimanya secara positif kerana sekurang-kurangnya kita dapat meluangkan masa bersama dengan rakyat dan memberi fokus kepada usaha untuk membantu rakyat di kawasan masing-masing yang cukup terkesan malah terpaksa berkurung di rumah masing-masing bagi memastikan

usaha memutuskan rantai COVID-19 ini dapat dijayakan. Realitinya pandemik COVID-19 yang tidak pernah berlaku di negara kita ini telah mewujudkan norma baharu kehidupan rakyat Malaysia.

Namun, usaha harus difokuskan dalam memastikan negara kembali pulih dan rakyat dapat dibela kerana ramai yang hilang pekerjaan dan putus mata pencarian. Ini selaras dengan apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong apabila Baginda bertitah jangan heret negara ke kancah politik yang tidak menentu ketika rakyat jelata masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan masa depan yang sukar akibat pandemik COVID-19 ini. Sewajarnya usaha harus difokuskan kepada usaha memulihkan ekonomi dan kehidupan rakyat.

Namun, sebaliknya mutakhir ini ungkapan-ungkapan yang dikeluarkan oleh segelintir pemimpin-pemimpin kerajaan tidak selari dengan tindak-tanduk mereka yang masih cuba mengheret rakyat kepada kancah politik yang tidak menentu malah masih terdapat tekanan-tekanan yang memaksa para pemimpin di negeri Sabah untuk beralih arah. Malah ada ejen-ejen yang dikerahkan untuk memujuk wakil-wakil rakyat di negeri Sabah dengan mengemukakan tawaran-tawaran dengan harapan para wakil rakyat di Sabah melompat dan ini jauh bertentangan dengan apa yang telah dinasihatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar boleh bagi laluan, Yang Berhormat Sepanggar?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar bagi laluan sikit boleh tidak?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Semalam saya...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh sikit bagi?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sekejap saya hendak habiskan. Saya banyak lagi hendak ini.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Bagilah jalan...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Semalam saya menemani sahabat saya, Yang Berhormat Kota Belud untuk membuat satu laporan polis berkenaan dengan seorang individu yang telah berulang kali menghantar mesej WhatsApp kepada Yang Berhormat Kota Belud dengan cubaan untuk menawarkan tawaran-tawaran tertentu agar Yang Berhormat Kota Belud menukar sokongan kepada Perikatan Nasional.

Kalau saya boleh kongsi di sini *screen shot message* yang telah dihantar Tuan Yang di-Pertua. “*I have been instructed by number one to get in touch with you. Can we talk? I have an offer. Let me know when is convenient to talk. Yang Berhormat Sabah is about to change hand. Don't waste a golden opportunity. Take my offer. Meet me today. I am in KL.*”

Apa ini Tuan Yang di-Pertua? Ini lah siapa yang dimaksudkan *number one*? Oleh sebab itulah saya berharap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tolong menyiasat perkara ini dan ini merupakan satu *harassment* dan satu bentuk cubaan untuk membeli dan rasuah yang wajar diambil tindakan tegas oleh pihak yang berkuasa.

Demikian juga yang berlaku kepada rakan-rakan kami yang wakil-wakil rakyat di negeri Sabah. Bukan sahaja gangguan. datang ke rumah empat pagi, tawaran demi tawaran diberikan untuk mengajak mereka berpaling tadah. Sejumlah wang ditawarkan malah rakan-rakan di negeri Sabah memaklumkan kepada saya entah betul ataupun entah tidak Tuan Yang di-Pertua kononnya ada anggota polis juga turut dikerahkan untuk memujuk atau memberi tekanan.

■1240

Saya harap perkara ini tidak benar kerana saya yakin kredibiliti polis adalah agensi yang menjaga keselamatan dan menguatkuasakan undang-undang.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Bukan menjadi jentera parti politik.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Peraturan...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Diharap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengambil tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, Yang Berhormat.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan mesyuarat...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepanggar...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Setegas-tegasnya terhadap laporan-laporan polis yang telah dibuat oleh para wakil rakyat. Jangan hanya...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat tidak faham soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Peraturan mesyuarat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Peraturan Mesyuarat 37(1) telah diluahkan oleh Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, sekejap. Saya jemput, sekejap saya jemput Yang Berhormat Kimanis. Yang Berhormat saya jemput Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Kimanis dulu Yang Berhormat Kimanis dulu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Peraturan mesyuarat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: 36(12)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Berapa?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: 36(12).

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: 37(1) sudah diluahkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kimanis tengah memberi— Saya menjemput Yang Berhormat Kimanis dalam peraturan, tunggulah saya jemput. Terima kasih. Apa dia Yang Berhormat?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan 36(12). Ini lebih kepada kenyataan-kenyataan yang disifatkan *misleading*. Jadi, saya ingat Yang Berhormat Sepanggar kena berhati-hati apabila mengeluarkan apa-apa juga kenyataan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau benda yang tidak sah, tidak *confirm*, jangan disebut kerana ia boleh menyebabkan *misleading* kepada Dewan yang mulia ini. Jadi, banyak kenyataan yang sahabat saya ini banyak yang terlalu mengelirukan Dewan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sudah, sudah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Malahan, tuduhan-tuduhan yang sangat liar. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi saya cakap betul atau tidak saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyiasat laporan polis yang telah kita lakukan. Oleh sebab itu, dalam ucapan saya ini saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, laporan polis telah dibuat oleh pada wakil-wakil rakyat kita kena dibuat laporan ini siasatan sejelas-jelasnya.

Nombor telefon, gambar dan juga nombor kereta telah diserahkan kepada pihak polis dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Minta agar pihak polis menyiasat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sepanggar, betullah biar pihak kerajaan jawab ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, sudah, kita tinggalkan isu itu ya. Boleh cakap isu lain.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Okey. So, sekali ini saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, kejap Yang Berhormat. Apa *point of order* Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Peraturan 37(1). Tadi Yang Berhormat Sepanggar sudah meluahkan peraturan 37(1) iaitu tidak mahu diganggu. Itu saja.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya sambung. Saya ada 13 minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak mengapalah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Suka saya nyatakan di sini, *insya-Allah* Kerajaan Negeri Sabah tidak akan ditumbangkan dengan cara yang tidak demokratik [*Tepuk*] ...kerana tiada Hotel Sheraton di negeri Sabah. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, meneruskan perbahasan saya pada kali ini juga tidak terlewat juga saya mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan negara yang bertungkus-lumus tanpa mengira penat lelah berkorban demi negara tercinta dalam memastikan keselamatan rakyat terjaga sepanjang pandemik *COVID-19* melanda dunia dan Malaysia. Perjuangan masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun, setiap kali persidangan Parlimen isu pembangunan akan menjadi topik wajib. Kawasan Parlimen Sepanggar adalah kawasan benar-benar terletak di pinggir Bandar raya Kota Kinabalu. Namun begitu, percaya atau tidak kawasan Parlimen Sepanggar masih terdapat banyak jalan daif yang memerlukan perhatian Kerajaan Persekutuan. Tadi, saya sebut tentang Bukit Kokol yang merupakan satu kawasan yang cukup indah. Namun begitu, apa yang menyedihkan bahawa jalan-jalan untuk ke Bukit Kokol ini masih lagi dalam keadaan yang daif. Sedangkan Bukit

Kokol merupakan satu kawasan yang boleh dijadikan sebagai produk-produk pelancongan khususnya di negeri Sabah.

Demikian juga di persekitaran Dewan Undangan Negeri Inanam masih banyak lagi jalan-jalan daif jalan seperti Kolonsunan, Tiongson Kecil, Babagon, Bantayan, Pangasan, Keliangau, Togut, Natai dan banyak lagi kampung-kampung yang sebenarnya menarik untuk dijadikan produk pelancongan hari ini memerlukan perhatian daripada kerajaan. Tidak terkecuali juga tempat-tempat lain seperti Kampung Darau Lama, Gudun, Norowot, Numbak, Suang Parai dan Delima. Ini di antara kawasan-kawasan yang saya kira jika dibangunkan *insya-Allah* akan memberi pulangan jangka masa panjang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu pendidikan, saya juga ingin merujuk dan menambah kepada ucapan Yang Berhormat Papar mengenai insiden Jabatan Pelajaran Sabah membatalkan jemputan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah bagi merasmikan Hari Guru Peringkat Negeri Sabah. Ia merupakan satu insiden yang tidak sewajarnya berlaku khususnya bila melibatkan soal kepentingan rakyat dalam hal pendidikan. Sewaktu kemuncak insiden COVID-19 melanda negara, Kerajaan Negeri Sabah telah membuktikan bahawa perbezaan politik tidak menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk memastikan rakyat dapat dibantu malah kerajaan negeri telah berbesar hati membantu sebanyak...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. 36(12).

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: RM1 juta kepada setiap agensi Kerajaan Persekutuan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *[Tidak jelas]* Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar, ada Peraturan Mesyuarat 36(12). Lagi sekali Yang Berhormat Sepanggar ini menyebabkan *misleading* tidak pun dinyatakan sebab kenapa dibatalkan jemputan untuk merasmikan. Kenapa dituduh seolah-olah ada perbezaan politik? Itu tidak betul. *Misleading* Yang Berhormat Sepanggar. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kimanis, saya sudah cakap biarlah kerajaan jawab ya. Kita ini...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Bukan Yang Berhormat Kimanis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Betul. Biar, sebab ini isu kementerian ini biarlah kerajaan jawab. Silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Misleading, misleading* kenyataan dia.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Duduklah Yang Berhormat Kimanis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, *misleading but that is a factual point*. Jadi, biarlah Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri, biar kerajaan yang jawab. Silakan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Dalam usaha membantu, kerajaan negeri telah berbesar hati membantu sebanyak RM1 juta kepada setiap agensi Kerajaan Persekutuan yang bertugas sebagai *frontliner* seperti PDRM, tentera, RELA, hospital termasuklah membantu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Mereka bukan sahaja membantu dari segi membawa balik pelajar-pelajar Sabah yang terkandas di Semenanjung Malaysia malah kerajaan negeri juga membantu dalam menghulurkan bantuan bekalan makanan kepada pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Sabah, UiTM, politeknik yang terpaksa tinggal di asrama kerana tidak dapat balik kampung kerana arahan kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan pada masa itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk rekod, sejumlah RM5.1 juta telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk Jabatan Pendidikan Negeri Sabah manakala sumbangan ke atas IPTA dan IPTS adalah sebanyak RM5.8 juta telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada IPTS dan IPTA.

Terkini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Dan Inovasi yang ingin menghantar bantuan berbentuk keperluan katil dan lain-lain keperluan untuk pelajar SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang. Ini kerana sekolah ini telah terjejas teruk ketika banjir melanda daerah Penampang baru-baru ini. Ini telah mengakibatkan kelengkapan seperti katil dan tilam di asrama pelajar telah rosak.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, pihak sekolah tidak dapat menerima masuk Yang Berhormat Menteri dan kakitangan Kementerian Pelajaran Dan Inovasi ke sekolah ini difahamkan kerana atas arahan kementerian. Jadi, sebab itulah kita minta agar Kementerian Pelajaran untuk menjelaskan tentang perkara ini. Niat dan nawaitu kerajaan negeri untuk membantu mereka ini kerana terjejas disebabkan oleh isu banjir. Akan tetapi, disebabkan oleh ada arahan-arahan tertentu menyebabkan mereka ini tidak dibenarkan masuk.

Kalau kementerian boleh menghantar bantuan sesegera yang mungkin, mungkin kerajaan negeri tidak perlu membantu tetapi disebabkan oleh keterdesakan maka kerajaan negeri berbesar hati menghantar bantuan ini tetapi malangnya ada arahan daripada pihak kementerian yang tidak membenarkan menteri dan kakitangan Kementerian Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah untuk masuk ke tempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan tentang isu pendidikan juga, masih ramai lagi Ahli-ahli Parlimen yang sering menimbulkan dan membangkitkan isu-isu sekolah daif dan tidak terkecuali kawasan saya. Kalau saya boleh sebutkan di sini sebagai rekod SRK Darau, Rampayan, Lok Yuk, SMK Datuk Peter, Telipok, Kebayau, Kionsom. Ini merupakan sebahagian sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai memerlukan perhatian daripada pihak kementerian.

Mengenai isu Perjanjian Malaysia 1963, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya agak terkejut. Apabila mendengar perbahasan Titah Diraja sahabat saya Yang Berhormat Kimanis di sana, di Dewan yang mulia ini. Apabila beliau menyentuh tentang sumber alam semula jadi negeri Sabah. Beliau menyatakan bahawa Sabah adalah sebuah negeri yang kaya. Benar, Sabah adalah negeri yang kaya, dengan alam semula jadinya seperti minyak dan lain-lain.

Beliau malah mengalu-alukan kepada Kerajaan Pusat untuk terus menerokai sumber kekayaan negeri Sabah. Dia beritahu ambillah kekayaan Sabah ini tetapi kembalikan hak kami.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Speaker...*

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Bab kembalikan hak itu saya setuju...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar boleh tak Yang Berhormat Sepanggar? Boleh bagi sikit?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Mengalu-alukan Kerajaan Pusat untuk menerokai...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar bagi saya laluan sekejap boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kimanis?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh, boleh bagi saya laluan atau tidak?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya tidak bagi, saya tidak bagi saya ada masa enam minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kimanis, Peraturan Mesyuarat mana?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tidak. Ini sebab Yang Berhormat sebut nama Kimanis ini. Bagilah saya peluang...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Bab kembalikan hak itu saya sangat setuju mengalu-alukan Kerajaan Persekutuan untuk menerokai sumber kekayaan negeri Sabah dan meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengambil sahajalah kekayaan Sabah merupakan satu pengkhianatan kepada rakyat negeri Sabah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar kena faham,

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Cukuplah isu royalti minyak...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar kena faham apa maksud saya. Yang Berhormat Sepanggar kalau sudah faham maksud saya, Yang Berhormat tidak patutnya begini. Yang Berhormat Sepanggar boleh bagi laluan, boleh bagi laluan saya Yang Berhormat Sepanggar?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Yang sehingga ke hari ini rakyat Sabah masih perjuangkan namun memberikan sumber-sumber lain kepada Kerajaan Persekutuan untuk menerokainya sama sekali kami sebagai rakyat Sabah tidak akan membenarkan. Memberi Sumber – saya tidak bagi, saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepanggar. Kejap, kejap.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Memberikan sumber kekayaan Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Saya tidak bagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar boleh bagi saya laluan Yang Berhormat Sepanggar. Ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *No, I won't* kejap. Dia bangun saya tak tahu *whether* dia...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya tak bagi, saya tak bagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *[Tidak jelas]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, saya hendak tanya dia hendak tanya...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta a *clarification* ataupun *point of order*. Apa dia Yang Berhormat?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya saya minta hendak bagi laluan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya tak bagi, saya tak bagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Beginilah, beginilah. Di bawah berapa?

■1250

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tidak. Saya minta pencelahan. Mohon laluan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Dia minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap. *Under?*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh? Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta *clarification?*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya. Saya minta laluan supaya dia bagi saya laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey. Dia tak bagi laluan, tak bolehlah. Yang Berhormat duduk.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya tak bagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Not fair.* Yang Berhormat Sepanggar, kenapa dia *attacked* saya?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: *No, no. You shouldn't...*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Dia kata– *he attacked me.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak apa, dia tak nak bagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Let me explain,* boleh tidak Yang Berhormat Sepanggar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak boleh. *Under standing orders* Yang Berhormat...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya nak sambung Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sekarang ini, bagi saya laluan sekejap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...
[*Dewan riuh*]

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Apa mahu takut sama saya, saya minta letak dalam ucapan saya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya tak ada masa. Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya kata...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Apa jua kekayaan yang ada di Sabah supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kimanis!

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kekayaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Sit down!* Yang Berhormat, *sit down!*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Not fair!*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *He is attacking me*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, *he is attacking me. Why?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat –tak. Yang Berhormat, nak menjawab, Yang Berhormat boleh jawab di luar. Dalam Dewan ini, ini dia punya *floor*. Dia boleh buat *allegation*. *You not happy, you ask him to repeat* di luar dan *you settle with him*. *You think he is being* –cakap benda yang tak benar, *you then can sue him*. Akan tetapi dalam Dewan, *it is immunity*. Nak jawab, sama ada Menteri jawab ataupun mungkin sahabat-sahabat Yang Berhormat kemudian nak bahas, boleh jawab bagi pihak. *But, not this way*. *Interruption* ialah *clarification*. Dia tak nak bagi *the floor*.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya hormati pandangan Tuan Yang di-Pertua, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak boleh Yang Berhormat. *This is his floor*.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Itu hari dia dapat peluang dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ini hak dia sebagai Ahli Parlimen, bercakap apa dia nak cakap.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, saya faham. Saya faham. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Please, you are lawyer. Please respect the rules.*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Akan tetapi, *be gentleman*. Yang Berhormat Sepanggar, *be gentleman okay*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat selesai di luar dengan Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan. Ada lagi empat minit.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih. Terima kasih. Kalau boleh, ada masa kecemasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, saya tahu *you have the immunity*, tetapi *go on facts*. *If you make allegation*, Yang Berhormat akan *create more provocation*. Silakan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: *Yes, of course*. Tuan Yang di-Pertua, cukuplah isu royalti minyak yang sehingga ke hari ini rakyat Sabah masih perjuangkan. Namun, memberikan sumber-sumber lain kepada Kerajaan Persekutuan untuk menerokainya, tidak sama sekali. Sebagai rakyat Sabah, kita perlu menentang cadangan yang saya rasa kurang bijak ini.

Memberikan sumber kekayaan Sabah kepada Kerajaan Persekutuan seumpama kita bersetuju mengalibabakan sumber kekayaan Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Sabah hanya mengambil komisen terhadap setiap penerokaan Kerajaan Persekutuan. Sumber kekayaan Sabah perlu diusahakan dan diterokai oleh rakyat negeri Sabah sendiri.

Baru tiga hari lepas Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Labuan tentang cadangan tentang pemberian royalti minyak 20 peratus dan 80 peratus diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengusahakannya kerana sudah saban tahun kita mendengar bahawa Petronas memberi alasan bahawa kalau beri 20 peratus kepada Sabah itu, mengakibatkan Petronas akan rugi.

Baik! Kalau Petronas boleh rugi disebabkan memberi royalti minyak 20 peratus kepada Sabah, saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini agar berikan 80 peratus kepada negeri Sabah, biar Sabah menerokai minyak yang ada di negeri Sabah

dan kita akan berikan 20 peratus royalti kepada Kerajaan Persekutuan sebagai membantu rakan sama rata Sabah dan Sarawak yang ada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan Negeri Johor merasakan harga minyak mentah yang dijual pada kadar tiga sen setiap 1,000 galon kepada Singapura tidak lagi relevan pada masa ini kerana ia tidak pernah dikaji atau di-*review* sejak ia ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Johor dengan negara Singapura. Bayangkan perasaan rakyat negeri Sabah bilamana royalti minyak tidak pernah disemak sejak perjanjian petroleum di antara Sabah dan Kerajaan Persekutuan ditandatangani pada sekitar tahun 1970-an. Malah, seumpama meletakkan garam di luka.

Baru-baru ini *viral* pula satu video temu ramah Yang Berhormat Gua Musang bersempena dengan Hari UMNO Ke-74, yang mana di dalam video tersebut, Yang Berhormat Gua Musang menceritakan bagaimana sejarah UMNO mencari dana untuk Tabung UMNO. Saya harap Yang Berhormat Gua Musang bolehlah memberikan penjelasan tentang perkara ini sebab video ini *viral* di negeri Sabah.

Beliau menambah bahawa pada ketika itu, Allahyarham Tun Mustapha tidak setuju dan telah direncanakan untuk dikalahkan dalam pilihan raya bagi memastikan perjanjian petroleum ditandatangani. Saya masih mencari rakaman penuh ini Tuan Yang di-Pertua, kerana temu bual tersebut— kita ingin mengkaji kesahihan video tersebut sebab ya, kita faham kadang-kadang video *viral* ini pun kadang-kadang kita tidak boleh percaya juga.

Oleh sebab itulah *insya-Allah*, kita akan cuba cari rakaman asal kepada video ini. Ini kerana melalui rakaman ini, mungkin kita boleh justifikasikan mengapa tuntutan royalti minyak untuk Sabah itu perlu direalisasikan. Ini kerana jika telaga minyak Sabah telah dijadikan sebagai sumber tabungan UMNO, ia cukup melukakan hati rakyat Sabah pada ketika rakyat Sabah sehingga ke hari ini masih tersenarai sebagai di antara rakyat termiskin di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu keselamatan. Isu keselamatan ini tidak lain dan tidak bukan ia sedikit sebanyak menyentuh tentang isu PTI dan pelarian Filipina adalah di antara isu yang menjadi bualan hangat. Ini merupakan isu yang telah berlarutan sejak sekian lama, puluhan tahun Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang dihadapi oleh negeri Sabah.

Isu PSS contohnya, suka saya katakan di sini bahawa ketika cadangan pelaksanaan PSS, saya hanyalah sebagai Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kimanis. Timbalan Menteri pastinya mematuhi arahan bosnya pada ketika itu, Yang Berhormat Pagoh. Realitinya, Timbalan Menteri tidak punya kuasa pemutus. Perbincangan antara

kerajaan negeri dan Kementerian Dalam Negeri diteruskan walaupun kerajaan telah berubah daripada Barisan Nasional kepada PH pada ketika itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih. Bagilah masa kecederaan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak boleh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Tiada keputusan dibuat secara unilateral. Maknanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kena berlaku adil. Saya ada— ramai yang belum bahas. Kita nak cuba habiskan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Faham, faham Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, apa juga penerangan yang saya kemukakan adalah selari dengan apa yang telah diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri pada ketika itu. Jadi Yang Berhormat Kimanis, baca. Saya ada *Hansard*...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Again, he is calling my name* Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Bagi saya laluan sikit boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Macam inilah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat banyak nak cakap dengan Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat selesailah di luar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: *It is because* dia banyak buat *allegation* kepada saya, sebab itu saya ambil peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, tetapi selesai di luar.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya cakap berdasarkan fakta Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat, betullah Yang Berhormat ada *constitutional rights*, tetapi takkanlah perbahasan Yang Berhormat semua fasal Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Correct. He is kept on calling my name.*
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat bukan – Kecuali kalau Yang Berhormat adalah wakil rakyat kepada Yang Berhormat Kimanis, mungkinlah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ha, baru boleh sebut betul nama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Kimanis, duduk. Biar saya. Saya ini *chair*. Yang Berhormat, fasal kawasan kalau boleh. Silakan. *Can you please*.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Di tangan saya *Hansard* penuh Tuan Yang di-Pertua, penggulungan saya di Dewan Negara di mana penjelasan saya tentang isu PSS apabila Yang di-Pertua Dewan Negara bertanya kepada saya, sama ada adakah pemegang PSS boleh memohon kewarganegaraan. Akan tetapi apa yang berlaku, video telah diedit dan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Point of order*. Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order 36(6)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, terima kasihlah Yang Berhormat. Tak apalah. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ini banyak sangkaan jahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasihlah. Tak apa. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sekejap, saya dah tamatkan perbahasan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan 36(6), saya perhatikan perbahasan sahabat saya dari Sepanggar ini daripada mula sampai sekarang ini, banyak mengandungi sangkaan jahat. Jadi, saya cabar kepada Yang Berhormat, kalau berani, *repeat all the allegations* di luar Dewan. Saya cabar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Okey. Boleh, tidak ada masalah. Saya akan buat.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ulangi segala sangkaan itu di luar Dewan. Saya cabar Yang Berhormat. Jangan hanya berani dalam Dewan, ulang di luar Dewan...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya akan ulang di luar Dewan. Saya akan ulang di luar Dewan, tak ada masalah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya cabar Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey. Silakan, silakan. Semua *take it outside*. Terima kasih Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat Tampin, ada? Okey. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan

sekarang dah jam menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, saya menanggungkan– eh, belum lagi. Minta maaf, lagi tiga minit. *[Ketawa]* Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin. Boleh ya tiga minit? Lepas itu kita sambung selepas 2.30 petang. Silakan. Minta maaf. Tak ada *mike*? SUDR.

12.08 tgh.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ha! Baru ada. *Alhamdulillah. Bismillahir Rahmanir Rahim. [Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang dan peluang untuk saya turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilangsungkan pada 18 Mei yang lepas. Titah yang dilafazkan oleh Yang di-Pertuan Agong penuh pengajaran dan garis panduan yang boleh dijadikan asas kepada sistem pemerintahan yang baik dan berintegriti.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sanjungan yang setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat Malaysia kerana mempunyai disiplin yang cukup tinggi dan dikagumi. Ini kerana mereka sedia bersabar dan tidak menzahirkan kekecewaan mereka dengan kekuatan fizikal sebagaimana di negara lain yang boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak diingini, keberantakan dalam masyarakat apabila berlaku perubahan kerajaan yang di luar daripada jangkaan dan kebiasaan.

Berlakunya perubahan kerajaan yang dipilih mentadbir negara dengan manifesto yang jelas dan terarah sekalipun terdapat kelompangan dan ketidaksampaian untuk dilaksanakan dalam tempoh 22 bulan. Peralihan kuasa yang dilakukan oleh gerombolan ahli politik yang licik dan tidak setia di dalam berorganisasi, tidak demokratik dan di luar batas tatasusila peradaban dan adat istiadat ketimuran. Perungkaian atau pengkhianatan janji yang telah disepakati, perbuatan yang tidak dijangkau oleh minda politik yang luhur dan budiman.

Saya ingin merakamkan rasa bangga saya kepada rakyat negara ini kerana tenang dan santun menerima perubahan itu sekalipun dalam jiwa dan perasaan marah mereka di luar jangkaan. Kita ingin mengingatkan kepada gerombolan politikus yang rakus agar berhati-hati. Putaran roda tidak akan terhenti di situ dan ia akan terus berpusing mengikut putarannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan pukul 1.00

tengah hari, saya menangguhkan mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. Jadi Yang Berhormat, sila sambung ya nanti.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Bentara tolong *check* kuorum ya.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Cukup, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Setiausaha? *[Menghitung bilangan Ahli Parlimen]* Cukup ya? Tidak cukup? Bunyi loceng lagi sekali lah. Cukup, okey. Cukup kuorum, jadi kita boleh teruskan. Saya akan teruskan dengan perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tampin yang mempunyai 17 minit lagi.

2.34 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya pada petang ini yang telah hanya tinggal 17 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Hari ini anda mengkhianati kawan-kawan yang masih berpegang dengan ikatan setia. Anda mengkhianati setia kawan, pasti satu hari nanti anda juga akan dikhianati oleh kawan-kawan anda yang telah sama-sama memutuskan janji. Memetik firman Allah SWT dalam surah al-Anfal, Ayat 58 yang bermaksud:

“Dan jika engkau mengetahui adanya perbuatan khianat dari satu kumpulan kaum yakni yang mengikat perjanjian setia dengan kamu, maka lepaskanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara terus terang dan adil, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berkhianat...”

Saya juga ingin merakamkan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Saya juga ingin merakamkan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak, khususnya mereka yang berada di barisan hadapan yang telah berkorban tenaga, fikiran, harta benda, keselesaan dan masa dalam membendung wabak COVID-19.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Saya hendak meneruskan ucapan saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Semoga Allah membalas segala amalan baik yang dilakukan dengan ganjaran yang setimpal. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja. Mungkin apa yang saya sentuh ini telah disentuh oleh Ahli Dewan yang lain. Namun, rangkulan apa yang hendak saya sentuh ini sebagai memperkukuhkan apa yang telah diungkapkan oleh kawan-kawan.

Sebagai wakil rakyat, kita Ahli Dewan membawa dan memikul tanggungjawab inti sari denyut nadi rakyat yang mesti diambil dan diperkatakan. Antara isu yang saya hendak bangkitkan adalah soal amalan rasuah. Negara tidak akan maju, makmur dan stabil sekiranya amalan rasuah dan salah guna kuasa berleluasa dan menjadi tidak terkawal dan membengkak dalam kehidupan bernegara.

Mundur sesebuah negara berkait rapat dengan amalan rasuah. Sebagai sebuah negara yang mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan, kita tidak mahu melihat amalan rasuah dan salah guna kuasa mendarah daging dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Sebagai warganegara yang prihatin dalam masalah ini, kita amat kecewa apabila melihat ada di kalangan kita melakarkan pemberi dan penerima rasuah disanjung dan diangkat, malah menganggap tidak menjadi kesalahan apa-apa kalau mereka melakukan, sehingga pemberi dan penerima rasuah tidak menjadi kesalahan.

Malah, ada kenyataan yang diungkapkan secara sedar menyatakan bahawa mencuri tidak salah melainkan ditangkap oleh polis. Di mana nilai kewarasan dan juga kekukuhan pegangan agama dengan kenyataan ini? Kita hidup berpegang kepada agama dan kita bertindak bertata nilai dengan adab agama. Sekali pun pada tahun 2019, indeks global yang membabitkan 180 negara di seluruh dunia menyaksikan Malaysia melonjak ke tangga kelima, berbanding berada di kedudukan ke-61 pada tahun 2018. Selain mencatatkan peningkatan skor sebanyak enam mata kepada 53, berbanding 47.

Oleh sebab itu, saya meminta supaya kerajaan mempunyai tekad yang tuntas untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa habis-habisan sehingga ke akar umbi. Kita tidak mahu pembangunan negara terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Saya amat kluatir dengan dapatan satu soal selidik yang dilakukan oleh SPRM, di mana 22 peratus responden sanggup menerima rasuah jika mempunyai kuasa ataupun kedudukan di dalam jawatan yang disandang.

Amat menyedihkan, satu kajian yang dilakukan oleh Bank Dunia menyatakan kira-kira 51.4 peratus daripada prima ataupun syarikat pembuatan di Malaysia bersedia menawarkan hadiah untuk mendapatkan kontrak kerajaan. Demikian juga kajian yang dijalankan oleh SPRM yang membabitkan kira-kira seribu orang pelajar universiti, di mana 16 peratus daripada mereka sanggup menerima rasuah, manakala 18.5 peratus pula sanggup menerima rasuah jika tiada apa-apa tindakan yang diambil terhadap perbuatan mereka.

Sebanyak 18 peratus bukanlah suatu angka telah kecil. Justeru itu, saya mencadangkan supaya ada satu mekanisme yang jelas, tuntas dan menyeluruh agar rasuah dan salah guna kuasa terpasak dalam minda masyarakat kita, suatu yang menjijikkan, kotor, najis malah meloyakan. Sebagaimana masyarakat Melayu Islam tidak akan memakan daging khinzir sekalipun mereka orang Islam yang tidak mengerjakan ibadat yang lain.

■1440

Kerajaan harus mencari jalan yang agresif untuk membanteras perkara ini dan jangan pula kita menjadikan amalan hadiah sebagai nilai tawar-menawar untuk mendapatkan sesuatu. Kita kluatir sekiranya angka 18 peratus ini menjadi penguasa, ahli politik dan memegang jawatan strategik dalam negara, apa akan terjadi kepada negara pada masa akan datang? Inilah persoalan yang perlu ditangani segera. Apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan? Bagaimana mengurus soal agama bertindak? Bagaimana Menteri Dalam Negeri memperkasakan lagi institusi yang bertanggungjawab secara terus dengan amalan rasuah?

Kalaulah mengisytiharkan harta itu salah satu daripada komitmen kita dan kaedah dalam membanteras untuk melakukan rasuah sepenuhnya, janganlah kita berdalih sehingga meletakkan hukum haram atau bertentangan dengan ajaran agama. Kita mahu melihat komitmen kerajaan melaksanakan tanggungjawab ini. Kalau kita mahu melihat negara ini bebas daripada rasuah, lakukanlah apa yang terbaik demi negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan bandar dan luar bandar tidak lekang untuk disentuh kerana kemiskinan melibatkan semua kaum. Walaupun telah banyak usaha dan program-program yang telah dilakukan oleh kerajaan, namun ia masih wujud. Malah, apabila kerajaan mengubah garis kemiskinan yang baharu kepada RM2,208, ini memberi gambaran berlakunya peningkatan jumlah golongan miskin di negara ini.

Kemiskinan bandar merupakan isu yang penting untuk dibangkitkan. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia menunjukkan lebih daripada dua pertiga daripada rakyat Malaysia kini tinggal di bandar. Kemiskinan bandar melibatkan kos sara hidup, harga rumah yang tinggi yang membelenggu pendapatan rendah, sederhana, golongan kategori B40 dan M40, kegagalan memperoleh kemudahan dan barangan terutamanya keperluan asas. Perumahan yang berkualiti rendah, kekurangan, ketidakcukupan dan ketidakstabilan pendapatan isi rumah akan menjurus kepada risiko yang besar dalam masyarakat.

Semua faktor itu akan memudahkan masyarakat terdedah kepada masalah kesihatan, jenayah, diskriminasi dan keperluan-keperluan kemudahan yang lain. Kita berharap masalah ini perlu diselesaikan segera agar kejayaan dan pencapaian negara dapat dinikmati bersama masyarakat. Bukan hanya sekadar slogan yang indah dan muluk hanya difokuskan segelintir manusia yang dekat dan rapat dengan penguasa sedangkan rakyat terbanyak tidak menikmati sumber yang dimiliki oleh negara.

Slogan yang cantik harus diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang konkrit dan mendalam. Kerana itu, perlu ada kerangka yang menyeluruh dan berfokus kepada golongan yang amat memerlukan iaitu golongan miskin bandar, masyarakat luar bandar, kampung, desa dan juga estet yang memerlukan kemudahan yang maksimum. Kerajaan harus ada pelan strategik untuk mengatasi kesenjangan taraf hidup sosial yang sekarang ini semakin melebar dan amat ketara.

Setelah 60 tahun kita merdeka, masih terdapat warganegara yang mempunyai rumah berlantaikan tanah. Sekalipun telah banyak usaha dilakukan tetapi ianya belum mencukupi untuk menangani golongan yang mengemis dan melarat di tanah air sendiri, mencari rezeki di timbunan sampah, tidur dinaungi jambatan. Golongan seperti inilah yang perlu diutamakan, dibela dan direkayasa program pembangunan mereka.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Luar Bandar. Apakah rancangan yang komprehensif dan *roadmap* yang lebih tuntas dalam membanteras kemiskinan di negara ini? Bila dan bagaimana ia boleh dilakukan sehingga soal kemiskinan dapat diselesaikan?

Saya juga ingin bertanya, apakah peranan yang dimainkan oleh institusi zakat, program-program yang konkrit di dalam menyelesaikan masalah kemiskinan di negara ini? Kutipan zakat seluruh negara di mana dianggarkan melebihi RM3 bilion setahun harus digunakan bagaimana ianya untuk menyusun program-program untuk membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran agama Islam mestilah lebih inklusif dan progresif. Pentadbiran agama Islam mestilah mempamerkan pentadbiran yang lebih cekap, tersusun dan komprehensif. Kita tidak mahu mendengar kakitangan di pejabat yang menguruskan urusan keagamaan terlibat dengan perkara-perkara yang negatif, rasuah dan salah guna kuasa. Cerminan tadbir urus yang baik dalam institusi agama mencerminkan keindahan dan kecantikan nilai keagamaan. Keburukan urus tadbirnya akan memberi nilai negatif dan pandangan tidak manis di dalam urusan tadbiran Islam.

Selain daripada itu, institusi Islam dalam semua peringkat harus menjadi orang depan di dalam menangani kebohongan dan kecelaruan dalam beragama. Pentadbiran Islam harus dapat memberi fokus kepada pembangunan insan yang mencakupi pembangunan jiwa, akal dan jasad yang seimbang.

Membangun masyarakat madani adalah satu yang penting diusahakan dan dilaksanakan lebih tuntas. Masyarakat madani adalah masyarakat yang mempunyai jiwa dan akal yang merdeka. Masyarakat yang merdeka dan bebas mengeluarkan pandangan dan pendapat. Rakyat yang tidak terkongkong dengan naratif ketaksuban melulu dan juga kewalakan yang melampau. Gagalnya kita membina insan yang sempurna memberi ruang kepada ketempangan dalam peradaban negara.

Saya juga menyeru semua pihak sama ada pihak kerajaan ataupun pembangkang untuk tidak menimbulkan sikap provokasi agama yang boleh menyebabkan keberantakan antara kaum. Jauhi sikap sinis dan prejudis terhadap kaum dan agama di dalam negara ini. Kita sama-sama tahu dan faham negara kita dihuni oleh pelbagai kaum dan agama. Kita harus menghormati kewujudan dan keberadaan semua bangsa dan agama di negara ini.

Kita telah hidup bersama selama 60 tahun. Adalah tidak wajar untuk kita membangkitkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan sensitiviti dalam mana-mana kaum dan juga agama di negara ini. Malaysia adalah milik kita bersama. Malaysia tanah air kita dan Malaysia adalah tanah tumpah kita. Di sini kita lahir, di sini kita hidup bersama, di sini kita berusaha dan di sini kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Saya yakin dan percaya setiap warganegara sama ada Cina, Melayu, India dan juga peribumi Sabah dan Sarawak pasti mencintai negara ini dengan sepenuhnya.

Justeru itu, saya mencadangkan untuk meningkatkan sifat patriotisme yang unggul dan tinggi di kalangan warganegara dengan menjadikan Rukun Negara yang telah lama dirancang dan dipegang oleh negara dapat difahami secara mendalam dan seterusnya dihayati oleh setiap warganegara.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Tampin, Sungai Petani ya. Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tampin, minta celahan sikit. Sungai Petani.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Setujukah Yang Berhormat Tampin dengan saya kalau saya mencadangkan agar Yang Berhormat Tampin ajukan satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri khususnya Yang Berhormat Menteri Multimedia supaya SKMM memainkan peranan yang lebih sekarang ini kerana di sosial media khususnya di dalam *WhatsApp* ataupun *Facebook* ini, bukan sahaja fitnah tetapi gara-gara mengapi-apikan di antara kaum, di antara agama dengan menggunakan bermacam-macam faktor yang tidak betul akhirnya boleh menghancurkan negara kita.

Jadi, bolehkan SKMM dan juga pihak polis mengambil tindakan serta-merta? Ini kerana dalam undang-undang cukup untuk kita mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan fitnah yang boleh menghancurkan negara kita. Apa pendapat Yang Berhormat Tampin tentang hal ini? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Satu pandangan yang baik dan masukkan di dalam perbahasan saya.

Dapat difahami secara mendalam dan seterusnya dihayati oleh setiap warganegara. Kita boleh mengambil contoh bagaimana Kerajaan Indonesia mampu menjadikan Pancasila melakar satu gagasan warganegara Indonesia yang cukup baik sekalipun mereka mempunyai wilayah yang luas dan warganegara yang ramai. Kita bukan hendak mengambil pendekatan secara melulu. Kerana itu, kerajaan wajar mencari satu formula yang lebih sistematik dan tuntas agar Rukun Negara ini menjadi mekanisme yang lebih konkrit untuk menyatupadukan warganegara di negara ini.

Kita telah merdeka 60 tahun. Namun, masih terdapat elemen-elemen yang disandarkan kepada kaum dan agama yang boleh menggugat keharmonian hidup bermasyarakat majmuk di negara ini.

■1450

Kenyataan Islam terancam, Melayu terancam, Cina terancam, agama Buddha terancam, agama Hindu terancam masih mainan yang boleh menyemarakkan ketidaktentuan hubungan. Putaran hikayat ini bukan sahaja dilontarkan di kalangan

masyarakat bawahan tetapi juga golongan ilmuwan dan cerdik pandai yang berada di institusi pengajian tinggi.

Para agamawan dan juga intelektual yang tidak kurang juga di kalangan para penghayat politik. Persoalannya, mengapa perkara ini masih berlaku. Apakah masalah ini akan sentiasa dimanipulasikan untuk meraih populariti dalam menaikkan dan menjatuhkan mana-mana pihak. Kita amat terkesan dan kecewa apabila ada di kalangan kita mengatakan bahawa kerajaan yang dipilih dan diangkat oleh rakyat hasil daripada gabungan parti-parti politik untuk membentuk kerajaan dan mengurus negara selepas PRU ke-14 boleh difatwakan wajib ditumbangkan dan dijatuhkan tanpa ada alasan yang konkrit dan munasabah. *[Tepuk]*

Saya ingin bertanya kepada mana-mana pihak, apakah hukumnya pula dengan kerajaan yang sedia ada, hasil daripada perkongsian dengan segerombolan kumpulan yang mengkhianati sahabat ataupun kawan-kawan dan merungkai janji setia. Apakah ia wajib juga dijatuhkan?

Oleh kerana itu saya mengajak semua pihak khususnya kementerian yang bertanggungjawab dengan agama dan perpaduan kaum supaya melakar *roadmap* yang menyeluruh membangun sebuah negara bangsa yang unggul dan kukuh. Cukup, cukuplah untuk kita mengatakan berbahas dan juga meningkatkan kebencian di kalangan agama dan kaum. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan sedikit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, seminit.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Membangun modal insan amat penting dan utama dalam pembangunan negara dan ketamadunan sesuatu bangsa bergantung kepada umat yang mengelolaknya. Memetik kata-kata yang dilakar oleh Ibnu Khaldun dalam sebuah *Kitab Muqqadimah* nya. “*Negara yang baik datang daripada warganegara yang baik. Warganegara yang baik datang daripada masyarakat yang baik, masyarakat yang baik datang daripada keluarga yang baik. Keluarga yang baik datang daripada individu yang baik*”

Ini bermakna semua lingkaran masyarakat dari atas sehingga bawah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk memastikan bahawa negara ini akan melahirkan warganegara yang baik.

Justeru itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sentiasa berganding bahu merangka strategi di dalam melaksanakan bersama-sama untuk melahirkan modal

insan yang baik dan modal insan yang bersepadu di negara kita ini untuk menjadi masyarakat madani. Sekian, terima kasih. Saya menjunjung Titah Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sebelum saya mempersilakan pembahas yang berikutnya, izinkan saya mengumumkan senarai pembahas untuk petang ini. Selepas ini saya akan mempersilakan Yang Berhormat Tanjong Manis, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai, disusuli pula oleh Yang Berhormat Muar. Kemudian Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Rasah, seterusnya Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Raub dan Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tanjong Manis.

3.54 ptg.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut berucap bagi membahaskan Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Persidangan Parlimen kali ini.

Sehubungan dengan itu, saya menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang menyentuh pelbagai isu dan permasalahan rakyat di negara kita termasuk di Sabah dan Sarawak. Tuanku dalam Titah Baginda membangkitkan beberapa perkara yang perlu mendapat perhatian kita semua sebagai wakil rakyat yang mewakili suara rakyat di kawasan masing-masing. Keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berfokus kepada membela dan menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa penuh kesyukuran dan rendah diri saya ingin menghulurkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada petugas-petugas barisan hadapan negara atau *frontliners* dengan izin terutamanya perkhidmatan kesihatan, angkatan tentera, polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen, Agensi Pengurusan Bencana, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan dan lain-lain agensi dalam menghadapi serangan wabak ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan CIDB di seluruh Malaysia kerana telah mempertaruhkan keselamatan diri dalam memastikan pematuhan larangan pemberhentian industri pembinaan oleh kerajaan. Kemudian, apabila syarikat-syarikat pembinaan telah

dibenarkan beroperasi oleh kerajaan, kakitangan-kakitangan CIDB telah juga terlibat dalam memastikan syarikat-syarikat tersebut patuh kepada prosedur SOP untuk sektor pembinaan.

Jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan semua dalam usaha negara memerangi COVID-19 adalah suatu yang amat mulia dan dihargai oleh segenap lapisan rakyat Malaysia. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak kepada rakan seperjuangan saya semua Ahli Yang Berhormat serta petugas warga Sarawak di dalam Dewan yang mulia ini dan juga kepada semua rakyat Sarawak yang saya sayangi. Tuan Yang di-Pertua, "*orang berbudi, kita berbahasa, kerajaan memberi, rakyat yang merasa*".

Sebagai wakil kepada rakyat di kawasan Parlimen Tanjong Manis, saya ingin menyampaikan rasa syukur dan terima kasih rakyat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA. Rasa syukur dan terima kasih ini juga dizahirkan kepada Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg kerana melancarkan Bantuan Khas Sarawakku Sayang atau BKSS1, BKSS2 dan BKSS3.

Bantuan-bantuan ini mencerminkan sifat cakna kedua-dua Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kepada seluruh rakyat negeri Sarawak khususnya. Terima kasih Kerajaan Perikatan Nasional dan terima kasih Kerajaan GPS Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya selalu sebutkan dalam ucapan-ucapan bahas saya yang lepas, kami di Parlimen Tanjong Manis tidak pernah meminta bulan dan bintang. Apa yang kami mahukan adalah segala kemudahan-kemudahan asas yang sangat diperlukan demi kesejahteraan kehidupan rakyat di kawasan Tanjong Manis. Ini supaya kehidupan kami setaraf dan sama maju dengan kawasan-kawasan yang lainnya di negara ini. Bak kata pepatah, berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama yang hendak saya sebut adalah berkenaan dengan isu pengangkutan. Kita akui pengangkutan adalah salah satu daripada keperluan asas yang mesti ada untuk kelangsungan hidup yang selesa dan kemajuan ekonomi masyarakat. Dalam kawasan yang meliputi Lembangan Hilir Sungai Rajang masih banyak lagi pembinaan jalan dan jambatan diperlukan.

Rangkaian jalan dan jambatan sememangnya sudah ada atau sedang dalam pembinaan tetapi masih banyak lagi yang diperlukan kerana keperluan kawasan yang

luas dan kedudukan kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang agak berselerak di kawasan ini.

Jalan raya dan jambatan merupakan penghubung di antara kawasan kampung-kampung kecil di luar bandar kepada kawasan bandar berdekatan seperti Bintangor, Sarikei dan Sibul. Ketiadaan rangkaian jalan raya atau peminggiran ini menyebabkan hasil mahsul rakyat dari kampung-kampung di kawasan luar bandar ini sukar untuk dipasarkan ke bandar-bandar untuk menjana ekonomi penduduk yang lebih baik.

Sebagai contoh, Kampung Paloh yang tidak ada perhubungan jalan darat dengan kampung lain seperti Kampung Kedang. Selain Kampung Kedang dan penempatan rumah panjang Kampung Berangan kerana ketiga-tiga kawasan ini terletak di atas sebuah pulau besar yang terpisah daripada kawasan lain oleh Muara Batang Paloh yang sangat lebar.

Ketiga-tiga penempatan ini memerlukan jalan raya serta jambatan untuk menghubungkannya dengan Jalan Tanjong Manis dan rangkaian jalan raya jajaran Pantai Sarawak dalam kadar seberapa segera. Hal yang serupa juga dialami oleh Bukit Kinyau, Kawasan Parit Bugis, Semaring, Mupong dan Telok Gelam.

■1500

Kawasan-kawasan ini juga memerlukan jalan raya penghubung dan jambatan-jambatan untuk dibina baharu dan kalau sudah ada jalan sedia ada, jalan tersebut perlu dinaiktarafkan demi kelangsungan hidup yang lebih selesa dan makmur seperti rakyat lain di negara ini.

Untuk makluman Kementerian Kerja Raya, baru-baru ini terdapat sebuah jalan bertar di antara Kampung Tekajung dan Kampung Penuai di sebelah utara Pulau Bruit di bawah RMKe-11 adalah hampir siap sepenuhnya. Apa yang tinggal adalah *the missing link*, dengan izin iaitu jalan ladang sedia ada sepanjang kira-kira 11 kilometer yang sudah diambil alih oleh Kerajaan Negeri iaitu di antara Kampung Penuai dan Sungai Nai.

Saya ingin memohon kepada Kementerian Kerja Raya untuk memberi dana peruntukan dalam Bajet 2021 atau RMKe-12 untuk menaik taraf jalan ladang ini kepada jalan bertar juga. Ini akan melengkapkan rangkaian jalan bertar antara kampung-kampung di sebelah utara Pulau Bruit dengan kawasan-kawasan lain di pulau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain sistem jalan raya dan jambatan, bekalan air juga amat penting untuk kelangsungan dan keselesaan hidup rakyat di sini. Dengan kesinambungan pembangunan berterusan banyak bergantung kepada pemerintahan kerajaan yang lepas, saya memohon agar peruntukan daripada Kerajaan Perikatan

Nasional untuk pembekalan air terawat diberi untuk kawasan Mupong, Teluk Gelam, Semaring, Sungai Sian, Muara Payang, Sare, Bukit Kinyau dan Stalun.

Untuk kampung-kampung di utara Pulau Bruit khususnya, sistem perparitan bekalan air terawat sudah ada. Namun, bekalan airnya masih lagi terhad kerana kekurangan sumber air untuk menjadi punca bekalan. Adalah kurang wajar sekiranya masih ada rakyat yang masih yang terus bergantung kepada tadahan air hujan untuk bekalan air keperluan harian mereka. Rakyat di kawasan ini akan sangat bersyukur di atas keprihatinan kerajaan sekiranya peruntukan untuk bekalan air diberi untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keperluan asas yang sangat penting yang diperlukan ialah bekalan elektrik. Walaupun kebanyakan kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan Parlimen Tanjong Manis telah mendapat bekalan elektrik selama 24 jam sehari, namun masih ada lagi beberapa rumah-rumah panjang di kawasan Mupong, Teluk Gelam dan Semaring memerlukan bekalan elektrik berterusan dari grid bekalan elektrik utama.

Buat masa ini, tenaga elektrik dibekalkan oleh jana kuasa-jana kuasa kecil persendirian yang membekalkan bekalan elektrik sekerat hari sahaja dan jana kuasa-jana kuasa ini memerlukan bahan api atau petrol untuk beroperasi dan ditambah lagi dengan kos pengangkutan yang tinggi untuk mendapat bekalan bahan api tersebut. Sudah semestinya keadaan ini menyukarkan lagi kehidupan masyarakat di luar bandar dan di rumah-rumah panjang sedia ada. Peruntukan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar sangat-sangat diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era milenium baharu ini, IT merupakan keperluan asas yang semakin penting. COVID-19 telah memberi kesedaran kepada kita bahawa komunikasi penting sangat penting apabila sistem komunikasi lain hampir lumpuh. Hubungan komunikasi amat perlu demi keselamatan, kesihatan, kesejahteraan dan silaturahim dalam komuniti dan masyarakat kita.

Jika seorang pelajar di Sabah perlu memanjat pokok untuk mendapat capaian internet seperti yang dilaporkan dalam media massa, penduduk di beberapa kampung dalam rumah panjang di kawasan Tanjong Manis juga perlu ke hujung jeti atau menggantung *handphone* di hujung jendela sekadar untuk mendapat liputan setiap kali liputan terganggu.

Capaian internet di kawasan saya seperti di kawasan Kampung Paloh Berangan, seluruh Pulau Bruit terutama sekali di kawasan utara pulau kawasan Mupong, Semaring

dan beberapa kawasan di Sare sememangnya ada, tetapi capaian itu sangat lemah dan berkala di banyak tempat. Hampir semua menghadapi gangguan capaian internet apabila bekalan minyak terputus untuk sistem di menara-menara telekomunikasi.

Sekiranya capaian internet meluas dan stabil, pelajaran dan kemenjadian murid akan menjadi lebih baik. Keselesaan hidup dan ekonomi rakyat akan menjadi lebih maju dan aspirasi negara ke arah mencapai Revolusi Industri 4.0 boleh dicapai. Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya menyalurkan lebih banyak peruntukan dalam membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyediakan rangkaian telekomunikasi dan internet yang lebih mampan dan meluas capaian rangkaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat institusi atau sekolah yang memerlukan prasarana baharu atau penambahbaikan kepada prasarana sedia ada, demi peningkatan tahap keselesaan ke aras yang lebih baik dan praktikal. Sebagai contoh, di SMK Semop di Pulau Bruit memerlukan sebuah dewan dengan kadar segera untuk kegunaan harian seperti perhimpunan, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang relevan dan aktiviti kokurikulum unit beruniform atau sukan yang berkaitan.

Sekolah ini juga mengalami masalah kekurangan bilik kelas dan asrama untuk kegunaan muridnya. Penggunaan makmal sains sebagai ganti bilik kelas dan perkongsian kelas masih diamalkan di sekolah ini. Kekurangan bilik asrama telah mengehadikan bilangan pelajar asrama dan ramai yang terpaksa berulang-alik jauh untuk ke sekolah.

Sekolah ini juga tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam dari grid bekalan elektrik berhampiran meskipun sekolah ini terletak hanya kira-kira sejauh 150 meter dari grid bekalan elektrik. Dengan hanya menggunakan set jana kuasa sendiri, sering kali murid-murid berasrama yang tinggal di sekolah ini diarah untuk balik ke rumah masing-masing setiap hujung minggu untuk menjimatkan bahan api set jana kuasa sekolah ini.

Sebuah lagi sekolah iaitu SMK Belawai juga menghadapi kekurangan prasarana seperti dewan perhimpunan tertutup untuk kemudahan murid dan pengajarnya. Dewan sedia ada tidak mempunyai dinding tepi yang boleh melindungi murid dan aktiviti yang dijalankan dari keadaan cuaca buruk seperti hujan dan angin kuat.

Saya memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk memandang serius permasalahan-permasalahan ini demi memastikan prestasi pendidikan dan akademik pelajar di kawasan ini tidak terjejas serta menjamin suasana pelajaran pelajar yang lebih terjamin, demi masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu sekolah-sekolah daif yang disebut-sebut oleh wakil rakyat lain dari Sarawak dan Sabah juga wujud di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Bangunan sekolah yang telah usang, prasarana lainnya yang dalam keadaan tidak baik dan boleh mendatangkan berbahaya jika terus digunakan. Sekolah-sekolah daif ini boleh memberi kesan psikologi negatif kepada murid-murid, guru-guru, pentadbir sekolah mahupun ibu bapa kerana keselamatan serta keselesaan anak-anak didik di sekolah ini tidak terjamin.

Sekolah yang selamat, kelengkapan yang mencukupi dan persekitaran yang kondusif untuk proses PdP boleh memotivasikan para murid untuk meningkatkan pencapaian akademik demi menjamin kesinambungan kemenjadian mereka ke tahap tertinggi potensi mereka.

Saya ingin menyebut beberapa nama sekolah yang ada— yang saya sebutkan tadi. Akan tetapi, jumlahnya sekolah tersebut ada sebanyak 27 buah, jadi saya sebut beberapa sahaja seperti sekolah SK Sebako, SK Bruit, SK Teluk Gelam, SK Sungai Selidap, SK Mupong, SK Sala Kechil, SK Stalun, SK Mandor Aris, SK Bukit Kinyau, SK Bayang dan banyak lagi sekolah yang mengalami masalah yang sama.

Oleh itu, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan boleh menyalurkan sumbangan untuk mengatasi permasalahan sekolah daif ini dengan kadar segera. Saya juga memohon Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan lebih banyak peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti dan pengurusan pihak sekolah. Sering kali kami, wakil rakyat terpaksa menyalurkan sumbangan untuk menampung pengurusan sekolah dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah kekayaan yang sangat penting untuk semua rakyat kita. Badan yang sihat dan otak yang cerdas untuk menjana usaha gigih yang kemudiannya menghasilkan kekayaan materialistik demi memajukan diri, keluarga dan negara. Kawasan Tanjong Manis memerlukan lebih banyak lagi klinik untuk dibina kerana jarak di antara kampung-kampung dan rumah panjangnya agak jauh terutama sekali di kawasan Kampung Semop di Pulau Bruit dan di Kampung Selalang dalam bahagian Sarikei.

Di kedua-dua kampung ini jarak ke pusat perubatan yang berdekatan adalah agak jauh dan ada yang terpaksa menggunakan feri. Kelewatan mendapat rawatan apabila sakit melanda boleh membawa kesengsaraan, kesakitan ataupun kematian. Maut itu ketentuan Allah SWT, namun usaha kita sebagai umatnya adalah satu tuntutanNya juga. Saya memohon kepada Kementerian Kesihatan supaya meneliti dan

mengkaji dengan mendalam tentang keperluan membina klinik di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan perlu diutamakan dalam kehidupan kita sehari-hari. Kejadian jenayah dan penyalahgunaan najis dadah semakin berleluasa dan saling berkait rapat. Kehadiran pihak berkuasa keselamatan seperti pihak polis boleh menjadi pencegah kepada perlakuan jahat atau jenayah di dalam sesebuah komuniti. Saya memohon supaya Kementerian Dalam Negeri dapat membina sebuah balai polis kecil di kawasan strategik di Pulau Brait untuk tujuan pencegahan ini.

Kerajaan Negeri Sarawak sedia berbincang untuk memperuntukkan sebidang tanah di kawasan RGC Semuh untuk tujuan menempatkan balai polis ini. Sementara itu, saya memohon rondaan berkala dari pihak PDRM dijalankan khususnya di Pulau Brait yang tidak mempunyai balai polis dan di seluruh kawasan Tanjung Manis, amnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain keperluan untuk balai polis, saya juga memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina sebuah balai bomba di Pulau Brait memandangkan balai-balai bomba yang terdekat di Bandar Baru Tanjung Manis dan Daro adalah terletak agak jauh dari kawasan pulau. Kebiasaannya rumah-rumah kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan ini dibina dengan menggunakan bahan binaan kayu yang sangat mudah terbakar sekiranya berlaku bencana kebakaran. Kerajaan Negeri Sarawak juga sedia berbincang untuk memperuntukkan sebidang tanah di kawasan RGC Semuh untuk tujuan menempatkan balai bomba ini.

Saya juga memohon kepada KPKT untuk menubuhkan lebih banyak lagi pasukan bomba sukarela atau PBS di peringkat kampung-kampung dan rumah-rumah panjang sebagai langkah awal memadam kebakaran dan mencegah kebakaran dari merebak. Ini memandangkan di kawasan luar bandar Tanjung Manis, masih terdapat lagi penempatan-penempatan yang tidak ada jalan raya dan hanya boleh dihubungi dengan menggunakan jalan air.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP akibat penularan gejala COVID-19 selain mendedahkan kita kepada peningkatan hubungan telefon dan internet dalam masyarakat kita pada hari ini, ia juga mendedahkan masalah pengurusan kewangan di kawasan luar bandar. Penduduk luar bandar tidak dapat mengeluarkan wang mereka dengan mudah daripada bank kerana kekangan perjalanan dan kekurangan institusi perbankan untuk mengeluarkan wang mereka.

Untuk makluman, penduduk dari Pulau Bruit Hulu ke Pekan Daro dengan menaiki feri Moralasa untuk berurusan dengan bank di sana dan penduduk kawasan Tanjung Manis perlu ke Bandar Sibu atau Sarikei untuk tujuan yang sama dengan bank-bank di bandar-bandar tersebut. Dengan masalah jarak yang jauh dan situasi di mana terlalu ramai pelanggan atau *queue* dengan izin yang panjang di Daro, penduduk-penduduk mengalami kesukaran untuk berurusan dengan bank lebih-lebih lagi semasa darurat COVID-19.

Oleh itu saya mencadangkan agar pihak Kementerian Kewangan mengkaji dan mengesyorkan supaya bank menempatkan mesin-mesin pengeluaran wang ataupun ATM dan Mesin Pendeposit Wang ataupun CDM di kawasan-kawasan yang sesuai di Tanjung Manis dan Pulau Bruit dalam masa terdekat demi keselesaan dan kemudahan kepada rakyat di Parlimen Tanjung Manis. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu minit tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Pantai-pantai di kawasan Tanjung Manis adalah terdedah kepada *direct 'weight' action* dengan izin dari Monsun Timur Laut yang melanda setiap tahun. Lazimnya setiap kali monsun, banyakkah kawasan tanah pantai yang terhakis atau dimakan laut. Tanah yang dahulunya tempat rumah atau kebun orang kampung akhirnya musnah dipukul ombak dan hilang selamanya. Kawasan yang terjejas adalah di Paloh, Kedang Sedik, Sebako, Pelibung, Salak Kecil, Penipah dan Tekajong.

Terdapat juga struktur dan ban pertanian yang rosak dan pecah kerana ombak dan menyebabkan kemasukan air masin ke dalam kawasan pertanian orang kampung. Sekali gus memusnahkan hasil tanaman dan merosakkan kandungan tanah pun *soil properties* dengan izin yang tidak memungkinkan tanah tersebut dapat digunakan untuk apa-apa tanaman untuk tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Sudah semestinya kemusnahan dan kerosakan ini merugikan orang kampung yang sedia adanya hidup susah. Saya mohon kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air supaya mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini kerana sudah berlaku sekian lama dan sampai masanya untuk diselesaikan dengan membina struktur penahan ombak. Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga ramai di kawasan Tanjung Manis yang terdiri daripada nelayan yang bergantung hidup semata-mata kepada hasil tangkapan ikan atau hasil-hasil dari laut untuk menyara keluarga mereka. Ramai yang terdiri daripada kumpulan B40 dan memerlukan bantuan atau subsidi untuk memudahkan mereka menjalankan aktiviti masing-masing.

Saya memohon Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk memberi peruntukan kepada warga nelayan dari segi peralatan menangkap ikan seperti bot fiber, enjin sangkut, subsidi minyak dan peralatan perikanan yang lain seperti yang mereka nikmati semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional dahulu. Kementerian juga perlu mengadakan program-program dan kursus-kursus untuk menggalakkan lebih ramai warga belia yang menganggur pasca COVID-19 untuk menceburi kerjaya menangkap ikan atau terlibat dengan industri pondok atau *cottage* industri, memproses hasil laut menjadi hasil makanan secara komersial.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebelum menutup, saya ada serangkap pantun.

*Titah Yang di-Pertuan Agong tetap disanjung,
Keselesaan dan kesenangan rakyat adalah diingini,
Perjuangan untuk rakyat menjadi pegangan ulung,
Parlimen Tanjung Manis mengundur diri.*

Sekian, suara hati dari wakil rakyat Tanjung Manis. Saya memohon jawapan-jawapan yang sewajarnya dari kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi. Akhir sekali, saya mohon menyokong Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Manis. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Padang Serai.

3.16 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysia ku, diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan mahupun pembangkang. Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kerana berkat, rahmat Tuhan, Malaysia kekal aman dan kita mampu bersidang pada hari ini bagi berdiskusi isu-isu yang menjadikan perhatian rakyat jelata. Saya dengan rendah hati ingin membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga.

Kita semua sedar bahawa negara masih mengharungi pandemik COVID-19. Walaupun Malaysia sudah mula dapat mengawal wabak ini, tetapi dunia masih menemui kesukaran dalam memutuskan rantaian wabak ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan hadapan dan rakyat. Dengan sifat tanggungjawab, kita mampu mengawal penularan wabak ini seperti dilaporkan oleh

Kementerian Kesihatan. Barisan hadapan telah berjaya menamatkan kluster terbesar iaitu kluster Seri Petaling yang bermula 11 Mac lalu.

Seterusnya sistem pertahanan perlu ditingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, Laut China Selatan kembali tenang apabila latihan militan China berlangsung pada 4 Julai 2020. Latihan ini telah meningkatkan ketegangan antara Amerika Syarikat dan China. Saya menyokong titah Baginda bagi meningkatkan sistem pertahanan sesuai dengan konflik yang berlaku di antara negara-negara terbesar tetapi pembelian aset ini mestilah bersesuaian dengan keadaan sekarang.

Contoh yang saya boleh bagi adalah apabila Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah membeli 10 buah helikopter tempur ringan MD530G. Menjadi persoalan saya, adakah pembelian ini sesuai dengan keadaan di negara Malaysia. Apakah ini mampu meningkatkan tahap pertahanan Malaysia? Sudah kah diselesaikan atau tidak pembelian dan apakah tindakan seterusnya?

Saya sebagai seorang bekas tentera percaya bahawa setiap pembelian mesti dinilai oleh badan bebas kerana setiap pembelian menggunakan duit rakyat. Kita mesti memastikan pembelian bermanfaat kepada negara dan terutama adalah mengikut kesesuaian askar yang sedang berkhidmat dan menjalankan tugas untuk negara. Saya juga bersetuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat Setiawangsa tentang pembelian peralatan mengikut spesifikasinya.

Tuan Yang di-Pertua, selain mengenai sistem pertahanan, saya juga ingin menyentuh mengenai pencen para veteran yang juga para anggota yang berhenti tanpa pencen seperti 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun dan juga 18 tahun. Untuk pengetahuan semua, pencen yang dibayar kepada anggota yang tamat perkhidmatan sebelum 2013 dengan pencen anggota yang diterima selepas tahun 2013 adalah jauh berbeza. Saya melihat perkara ini sebagai *double standard* dengan izin.

■1520

Ramai pesara yang pencen sebelum tahun 2013, pesara amat kecewa bekas-bekas tentera telah dicantumkan dalam kategori B40. B40 Tuan Yang di-Pertua. Malu kita. *[Tepuk]* Amat menyedihkan. Saya mencadangkan kerajaan perlu menyelaraskan pencen ini sama rata kepada semua veteran dalam negara ini. Bagi anggota yang berhenti tanpa pencen, saya mengesakan kerajaan memberi suguhati atau elaun khas sebanyak RM1,000 setiap enam bulan ini untuk mengingatkan jasa mereka yang telah berkorban masa dan tenaga untuk negara tercinta. *[Tepuk]*

Saya berharap Kementerian Pertahanan Malaysia dapat mengambil serius dalam perkara ini. Saya percaya penghargaan kepada para wira yang telah berkhidmat sepenuh jiwa dalam memastikan kita semua tidur lena di waktu malam pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini saya ingin menyentuh bahawa...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sungai Petani. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Setuju *kah* Yang Berhormat Padang Serai dengan saya, kalau saya katakan di samping memberikan bantuan kewangan kepada perajurit kita yang berhenti tidak cukup pencen dan berhenti awal, tetapi yang pastinya kerajaan harus juga memberikan keutamaan kepada mereka?

Pertama, untuk memberi latihan untuk mereka turun dan terjun dalam masyarakat selepas berhenti tentera. Akan tetapi, yang lebih penting sekali ialah memberikan peluang-peluang perniagaan kepada mereka. Ini kerana bekas-bekas tentera kita ini mempunyai pengalaman yang berbagai-bagai. Jadi, kerajaan mesti memberikan keutamaan kepada mereka kalau sekiranya ada kontrak-kontrak dan sebagainya. Kalau mereka telah pun memberikan nyawa mereka kepada kita untuk mempertahankan negara kita. Setuju *kah* Yang Berhormat Padang Serai dengan saya, supaya kita memberikan keutamaan kepada mereka bila datang kepada kontrak-kontrak peringkat-peringkat di bawah? Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya amat setuju. Inilah jiwa sebagai seorang rakyat Malaysia. Saya masukkan dalam ucapan saya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini saya ingin menyatakan bahawa saya bersetuju dengan titah Baginda mengenai meningkatkan tahap keselamatan dalam negara terutama untuk pencerobohan pendatang tanpa izin (PATI). Prinsip saya dari dahulu hingga kini adalah jelas bahawa keselamatan yang tinggi dalam negara akan menarik banyak pelabur dalam negara.

Ini menyebabkan oleh faktor keyakinan pelabur kepada negara kita. Setiap bulan, kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak RM3.5 juta dan RM42 juta setahun bagi menampung kos makanan PATI di 14 depot pertahanan imigresen di seluruh negara. Kos bagi setiap tahanan adalah sebanyak RM12 sehari. Bayangkan ini adalah duit rakyat. Kita semua patut berfikir cara bersama. Akan tetapi, kita perlu memikir cara yang lebih efektif dalam menyelesaikan isu ini.

Antara insentif yang saya cadangkan adalah untuk mengesakan semua PATI yang terdapat di Malaysia dan menghantar mereka terus ke negara asal. Tidak perlu kita

menyimpan di depot kerana duit rakyat perlu digerakkan secara terus kepada kebajikan rakyat dalam negara ini. *[Tepuk]*

Sijil kelahiran dan kerakyatan. Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah meraikan kemerdekaan selama 63 tahun dan Barisan Nasional telah memerintah hampir 60 tahun. Soalan saya, mengapakah kerajaan tidak menyelesaikan masalah kewarganegaraan dan sijil kelahiran rakyat walaupun mereka ini dilahirkan di negara kita dan disahkan mempunyai suntikan BCG? Ini sudah cukup membuktikan mereka dilahirkan di negara ini. Saya mencadangkan agar kerajaan sekarang menyelesaikan kewarganegaraan ini dan sijil kelahiran bagi semua kaum dalam negara ini dengan segera.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul itu, sokong.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Pada waktu yang sama saya ingin mengesakan kerajaan untuk mengenakan tindakan tegas kepada ibu bapa yang gagal mendaftar anak mereka untuk mohon sijil kelahiran. Tindakan tegas yang boleh diambil ialah penjara selama enam bulan kepada mana-mana ibu bapa yang gagal mendaftar sijil kelahiran dalam masa tiga tahun selepas kelahiran anaknya.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Seterusnya, infrastruktur dalam kemudahan setempat. Tuan Yang di-Pertua, selain perkara mengenai isu di peringkat nasional, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menyuarakan isu infrastruktur dan kemudahan kawasan setempat terutama di Parlimen Padang Serai.

Pertama, saya ingin mengesakan pihak kerajaan untuk membina satu jambatan di Simpang Tiga Keladi, Kulim. Ini menyebabkan kawasan tersebut selalu mengalami kesesakan lalu lintas hampir sepanjang lima kilometer, terutama di waktu puncak. Perkara ini telah diluahkan rakyat sekitar dan menimbulkan ketidakselesaan kepada mereka. Seterusnya, Jalan Paya Besar perlu dinaiktarafkan. Bukan Yang Berhormat Paya Besar, Paya Besar, Kedah. *[Ketawa]* Ini kerana, kerap kali berlaku kemalangan di jalan tersebut.

Kedua, untuk pengetahuan rakan-rakan dalam Dewan ini, populasi di kawasan Parlimen Padang Serai telah meningkat kepada sebanyak 287,000 orang. Untuk pekan Padang Serai, populasinya lebih 70,000 orang. Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menambah lagi dua buah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah di kawasan Padang Serai.

Ketiga, masih lagi berkaitan dengan sekolah, tetapi lebih khusus iaitu mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Terdapat satu SJKT Ladang BMR yang mempunyai bangunan yang usang dan membimbangkan. Keadaan telah memberi ketidakselesaan kepada pelajar dan guru semasa proses pembelajaran. Harap kerajaan sekarang akan mengambil perhatian yang serius.

Pembinaan sekolah perlu dibina dua tingkat sahaja dan sekiranya lebih daripada dua tingkat, saya percaya kemudahan lif perlu disediakan agar mampu memberi keselesaan kepada para guru wanita yang mengandung, yang berumur dan pelajar OKU. Ini adalah kerana kebanyakan guru hari ini adalah guru wanita.

Keempat, penambahan wad khas kebocoran gas perlu juga dilaksanakan. Ini kerana semasa berlaku kes kebocoran gas di Kulim Hi-Tech Park tahun ini pihak petugas menghadapi kesukaran dalam menghadapi kes ini kerana ketiadaan wad khas untuk kes begini. Akan tetapi, terima kasih atas kecekapan barisan bertugas telah dapat mengawal dengan baik sekali. Kulim Hi-Tech Park banyak menggunakan gas racun amat berbahaya. Oleh itu, sediakanlah payung sebelum hujan.

Kelima, pejabat imigresen yang sedia ada perlu dipindah ataupun membina bangunan khas memandangkan banyak aduan dari rakyat mengatakan tidak mempunyai tempat parkir, tandas awam untuk digunakan oleh mereka dan juga mempunyai tempat teduh pada hari hujan apabila ingin membuat urusan dengan pihak imigresen.

Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk datang melawat ke Parlimen Padang Serai dan melawat Stadium Keladi sebab Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan adalah jiran saya. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri mampu menilai, adakah fasiliti dan kemudahan di stadium tersebut berada dalam keadaan baik ataupun tidak. Stadium ini adalah satu-satunya stadium yang terdapat di selatan, negeri Kedah. Perlu dibaiki dengan segera.

Di kesempatan ini, saya ingin mohon kerajaan mengambil perhatian serius terhadap isu merobohkan tempat ibadat. Di negara ini, kita menghormati tempat-tempat ibadat. Namun begitu, baru-baru ini di negeri Kedah, di bawah pemerintahan Perikatan Nasional yang diterajui oleh kerajaan PAS telah merobohkan tempat ibadat yang telah berdiri sejak 100 tahun dahulu. Inilah perkara yang akan mengungkitkan kebencian dan kemarahan kaum Hindu dalam pemerintahan Pakatan Harapan selama 22 bulan. Tuan Yang di-Pertua, 22 bulan tidak ada kes-kes merobohkan tempat ibadat.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul, betul.

■1530

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya berharap Perikatan Nasional akan mencontohi Pakatan Harapan; merobohkan tempat ibadat dianggapkan lebih teruk daripada perangai Israel. Saya berharap jangan roboh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia. Terdapat keperluan untuk semua perkara yang disuarakan oleh saya diambil serius dalam memastikan setiap polisi atau langkah yang dibuat oleh kerajaan akan memberi manfaat secara maksimum kepada rakyat Malaysia. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan sebuah pantun:

*Menghidang padi penuh berisi,
Si dara menghidang sambil berhibur,
Semangat perwira kita warisi,
Musuh mendatang kita menggembur.*

[Tepuk]

Dengan ini saya sokong menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Seterusnya, saya akan mempersilakan Yang Berhormat Muar untuk meneruskan perbahasan ini.

3.31 ptg.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan dedikasikan ucapan saya kepada anak muda di seluruh Malaysia. Saya hendak memulakan ucapan saya dengan isu pengangguran yang saya rasa merupakan isu yang paling mustahak yang harus diberikan perhatian penuh oleh semua dalam kerajaan atau pembangkang.

Kini kita lihat data menunjukkan lebih 826,000 rakyat Malaysia kini menganggur dan lebih mencemaskan ia dianggarkan oleh pihak MIER dan Malaysia Employers Federation (MEF) dengan izin kadar pengangguran ini akan meningkat kepada 2 juta pada akhir tahun ataupun *first quarter* tahun depan. Semua ini adalah angka-angka yang agak mencemaskan. Angka-angka yang luar biasa, di mana perlunya ada campur tangan yang luar biasa juga datang dari pihak kerajaan yang turut disokong oleh pihak pembangkang.

Saya tahu setakat ini ada Program Subsidi Upah dalam Program PENJANA tetapi saya rasa Program Subsidi Upah ini tidak mencukupi. Kalau kita lihat kajian menunjukkan Program Subsidi Upah di Malaysia hanya adalah sekitar purata 26 peratus gaji rakyat Malaysia. Ini jika hendak dibandingkan dengan negara jiran seperti

Singapura, yang di mana ia mencecah 75 peratus ataupun Skim Furlough di United Kingdom yang mencecah 80 peratus.

Walaupun demikian, saya tetap mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana tetap prihatin dalam memperkenalkan Program Subsidi Upah. Akan tetapi ini jelas tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua apabila kita lihat jumlah rakyat Malaysia yang menganggur tidak berkurangan walaupun ekonomi telah pun dibuka semula tetapi jumlah rakyat Malaysia menganggur khususnya anak muda kian meningkat. Saya dengan ini ingin mencadangkan tiga perkara untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Pertama sekali adalah untuk meneruskan Program Malaysia@Work atau lebih dikenali sebagai #MalaysiaKerja yang telah pun diperkenalkan pada Belanjawan 2020 yang lepas di mana kita perkenalkan *job stimulus package* berjumlah RM6.5 bilion yang dapat mencipta 350,000 peluang pekerjaan dalam tempoh masa lima tahun. Program Subsidi Upah memang sudah ada tetapi subsidi upah yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional hanya akan mengekalkan pekerjaan-pekerjaan sedia ada.

Persoalannya bagaimana kita ingin mencipta pekerjaan-pekerjaan baharu apabila ada banyak graduan yang menganggur lebih 12 bulan dan jika mereka dibiarkan untuk terus menganggur, mereka akan terperangkap *in the vicious cycle of unemployment* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Di sini kita telah pun perkenalkan Program Graduate@Work ataupun #MalaysiaKerja di mana majikan yang memberikan pekerjaan baharu kepada graduan muda yang menganggur lebih 12 bulan akan mendapat insentif *top up* RM500 sebulan bagi tempoh masa dua tahun dan majikan itu sendiri juga akan diberikan RM300 bagi tempoh masa 24 bulan. Ini dijangka akan menambah 350,000 peluang pekerjaan baharu. Ini diperlukan kerana kita perlukan *job stimulus package* yang menyeluruh bukan sahaja yang disasarkan untuk mengekalkan pekerjaan sedia ada tetapi juga yang disasarkan untuk mencipta peluang pekerjaan yang baharu bagi rakyat Malaysia.

Cadangan kedua adalah untuk meletakkan prasyarat baharu bagi setiap satu perolehan kontrak kerajaan. Jika mana-mana syarikat yang besar ataupun yang kecil didapati mendapat kontrak kerajaan, saya ingin mencadangkan bahawa kita meletakkan kuota pekerja tempatan yang perlu digajikan. Saya difahamkan ada sedikit tetapi perlu dipertingkatkan lagi. Ini bukan sahaja melibatkan kontrak berjumlah berbilion ringgit tetapi juga kontrak-kontrak yang lain, di mana perlu ada prasyarat di mana majikan akan memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan supaya akhirnya prioriti diberikan kepada mereka.

Kita tidak boleh sekadar melihat di atas kertas bahawa mereka merupakan syarikat Malaysia. Kita perlu lihat berapa ramai rakyat Malaysia yang digajikan. Jika mereka membina stadium baharu tetapi akhirnya hanya segelintir rakyat Malaysia yang dapat menikmati kontrak tersebut tetapi ribuan pekerja-pekerjanya adalah pekerja asing, kita perlu ubah sikap dan strategi. Kita ingin mengagihkan kontrak kerajaan, dengan ini saya mencadangkan kuota pekerja tempatan yang harus digajikan turut perlu diperhalusi dengan lebih mendalam.

Cadangan ketiga adalah bagi setiap kontrak kerajaan ataupun perolehan yang diberikan, gaji minimum yang lebih tinggi harus diletakkan jika syarikat tersebut mendapat kontrak kerajaan. Kita lihat contoh di Amerika Syarikat bawah kerajaan pimpinan Presiden Obama. Walaupun gaji minimum federal di negaranya berjumlah 7.5 US Dollar *per hour*, tetapi bagi syarikat-syarikat yang mendapat kontrak kerajaan mereka diwajibkan untuk membayar 10.1 US Dollar bagi setiap jam pekerjaanya bekerja.

Ini kerana kerajaan perlu meletakkan standard yang lebih tinggi dalam menggerakkan program gaji minima ini. Bawah kerajaan yang terdahulu, kita telah pun berjaya meningkatkan gaji minimum. Daripada RM900 ke RM1,200. Sejujurnya sampai hari ini saya rasa jumlah itu tidak mencukupi tetapi kita boleh daripada mula dengan meningkatkan gaji minima bagi kontrak-kontrak kerajaan bagi membuktikan bahawa kerajaan betul-betul komited untuk memastikan pekerjaan baharu tercipta dan mereka yang mendapatkan pekerjaan tersebut dapat gaji yang bermaruah. Ini tiga perkara yang saya mencadangkan untuk menyelesaikan atau untuk mengurangkan isu pengangguran yang dihadapi oleh kita semua.

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah isu yang baharu. Keperluan pelesenan bagi video dan filem yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi. Di mana bukan sahaja filem yang terkenal tetapi bagi anak-anak muda dalam *TikTok*, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* yang mencipta *creative content* yang tersendiri perlu mendapat pelesenan daripada pihak FINAS. Saya akan beri ruang selepas kepada Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Cadangan ini akan membunuh *content creator* di Malaysia yang majoritinya datang dari golongan anak muda. Lihat sahaja bagaimana Neelofa, Mat Lutfi, JinnyboiTV, Maxman TV berkembang di Malaysia. Ia adalah kerana kebenaran mereka untuk mengeluarkan *creative content* tanpa wujudnya lesen pelesenan yang teramat mahal. Kita lihat saudara Sofian yang

dikenali sebagai "*Zach King Of Malaysia*" dengan video animasinya *creative content* yang begitu baik sampai di iktiraf di peringkat dunia.

Bagaimana saudara Sofian ingin kekal berpengaruh di Malaysia jika kini dengan prasyarat yang baharu dia perlu membayar *paid-up capital* RM50,000 untuk mendapat lesen daripada FINAS. Ini tidak adil, ini akan membunuh *creative content developers* di Malaysia yang majoritinya datang daripada golongan anak muda. Anggaran lebih 250,000 anak muda di Malaysia akan terkesan, pekerjaannya hilang, sumber pendapatan berkurangan. Saya mendesak, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk menarik semula kenyataan beliau untuk pastikan bahawa *there is consistency* dan penjelasan tersebut kita tidak lagi akan menjerat anak muda di seluruh Malaysia. Sebelum saya teruskan, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejurus Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Dato' Saifuddin Abdullah mengeluarkan kenyataan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Muar, saya telah menerima banyak rungutan, keresahan dan juga kegusaran daripada para guru, para pensyarah dan para pendidik.

Ini kerana, sewaktu PKP kita tahu bahawa para guru para pendidik terpaksa mengajar melalui wahana pembelajaran ataupun pengajaran dalam talian jadi mereka terpaksa menghasilkan banyak *content* ataupun kandungan-kandungan video untuk mengajar.

■1540

Begitu juga para pensyarah. Sehingga kini, para pensyarah oleh kerana ramai di antara murid-murid yang belum lagi pulang ke kuliah, mereka terpaksa menghasilkan kandungan-kandungan yang berupa video yang mereka kongsi di pelantar-pelantar umum, *YouTube* antaranya, ada di IG mereka.

Jadi, apabila timbul persoalan permohonan lesen FINAS ini, mereka kata ini satu perkara yang agak mustahil dan juga membebankan. Mereka perlu *deliver*, dengan izin, mereka perlu mengajar dan kalau hendak mohon lesen, bilakah pula akan diluluskan? Seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Muar, jikalau Yang Berhormat Muar lebih peka dan juga lebih risau berkaitan dengan *creative content* ataupun kandungan kreatif oleh anak-anak muda, begitu juga bagi para pendidik. Mereka amat risau dengan keadaan ini. Jikalau apa yang disebutkan oleh Menteri itu akan dilaksanakan, kita lihat pembelajaran pasca pandemik COVID-19 ini akan semakin sukar. Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Simpong Renggam, sebab itu sebagai ahli berkhidmat yang muda dalam Parlimen ini, saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri Komunikasi untuk kaji semula kenyataan beliau dan keluarkan satu garis panduan yang jelas di mana *content creator* khususnya kecil-kecilan ini— ini bukan mereka yang mendapat pendapatan jutaan ringgit setiap tahun tetapi yang kecil— tidak perlu melalui prasyarat pelesenan yang menjerat masa depan mereka dengan pembayaran RM50,000 yang perlu mereka lalui.

Isu ketiga saya hendak bangkitkan adalah isu moratorium tamat tempoh. Kita dimaklumkan pada bulan Oktober, moratorium pinjaman ini akan tamat. Saya tahu isu ini telah pun dibangkitkan oleh ramai ahli yang berkhidmat tetapi saya perlu tekankan lagi sekali pentingnya untuk moratorium ini dipanjangkan. Jika situasi ekonomi negara telah pun bertambah baik, mungkin tidak perlulah perkara ini dipanjangkan lagi.

Akan tetapi, jika kita lihat daripada segi jumlah pengangguran di Malaysia yang meningkat— bulan April dalam seramai 720,000 orang. Pada bulan ini, perbezaan satu bulan meningkat kepada lebih 150,000 orang. Jumlah ini agak menggusarkan dan ia dianggarkan oleh dua firma yang terkenal di Malaysia akan terus meningkat sampai 1.7 ke 2 juta orang pekerja-pekerja yang akan menganggur.

Persoalannya, apabila ada jumlah rakyat Malaysia menganggur sangat tinggi atau mereka yang bekerja terpaksa dipotong gajinya, adakah rakyat Malaysia telah pun bersedia untuk moratorium ini ditamatkan pada bulan Oktober?

Saya mohon dan merayu kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan pemanjangan moratorium tamat tempoh bagi tempoh masa tiga ke enam bulan lagi supaya kita boleh lihat dan memperhalus keperluan dan memastikan bahawa kerajaan mengambil inisiatif yang tersendiri untuk mendesak bank-bank untuk melanjutkan.

Kita tidak boleh hanya mengharapkan *case by case analysis* di mana kita ingin mengharapkan salah seorang individu yang kecil, tidak berpengaruh untuk berunding dengan pihak bank yang modalnya berbilion ringgit. Sepatutnya kerajaan perlu bertegas dan berani untuk campur tangan dan tidak hanya membiarkan rakyat Malaysia berdiri berseorangan untuk mempertahankan masa depannya dan pekerja-pekerjanya.

Saya juga ingin melihat isu mahasiswa yang ingin pulang ke IPT. Seperti kita semua maklum bahawa pada dua bulan yang lepas, Kementerian Pengajian Tinggi telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa mahasiswa di Malaysia akan melalui *open and distance learning* (ODL) hingga bulan Disember. Akan tetapi, dengan tidak ada pemakluman awal, secara tiba-tiba ada perubahan daripada bulan Disember ke bulan Oktober.

Perkara ini agak menyusahkan kebanyakan mahasiswa di Malaysia khususnya mereka yang berada di Sabah dan Sarawak kerana mereka telah pun membeli tiket penerbangan yang kita tahu pada musim COVID ini dua tiga kali ganda harganya. Bukan itu sahaja, ramai mahasiswa yang tidak duduk di dalam universiti tetapi duduk di luar kampus telah pun membayar harga sewa rumah dan deposit. Apabila mereka terpaksa menamatkan sewa rumah itu awal kerana kenyataan awal Kementerian Pengajian Tinggi, mereka tidak dapat semula deposit yang telah pun dibayar. Dengan ini, kerisauan mereka adalah kerisauan yang *legitimate*.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan tiga perkara untuk menyelesaikan isu ini. Pertama adalah untuk meringankan beban para pelajar adalah untuk kita memberikan fleksibiliti kepada mahasiswa tersebut untuk memilih pada bulan Oktober, November, Disember bila masa yang terbaik atau jika mereka ingin ikut ODL iaitu *online open and distance learning*.

Kita lihat medium ini telah pun diguna pakai di banyak negara. Universiti-universiti di Amerika Syarikat juga telah pun memberikan fleksibiliti seperti ini supaya akhirnya mereka yang mampu pulang ke universiti boleh pulang dan mereka yang kos agak membebankan boleh diberikan pilihan yang kedua.

Jalan penyelesaian kedua adalah untuk pihak KPT dan juga Kementerian Kewangan mempertimbangkan proses untuk meringankan kos penerbangan para pelajar terutamanya dari Sabah dan Sarawak. Pada soal jawab tambahan saya kepada pihak Menteri, Menteri telah pun menjawab perkara ini sedang dibincangkan. Saya berharap ia tidak sekadar dibincangkan tetapi berjaya untuk dilaksanakan supaya kita memberi subsidi kepada pelajar-pelajar di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak supaya akhirnya kos penerbangan mereka dapat diturunkan khususnya pada musim COVID ini.

Bayangkan bagaimana seorang anak muda yang gaji ibu bapa yang pendapatan rumahnya bawah RM1,500 boleh membeli tiket penerbangan berjumlah RM500 ke RM1,000 untuk pulang semula belajar ke universiti. Bukan kerana salah dan silapnya tetapi kerana perubahan dasar kerajaan pada minit yang terakhir.

Ketiga, supaya pihak kerajaan berbesar hati untuk menyediakan sebarang jenis insentif tunai kepada para mahasiswa. Sebelum ini melalui pakej rangsangan ekonomi yang pertama telah pun diperkenalkan Insentif Tunai tetapi itu empat bulan yang lepas. Kini persediaan untuk masuk ke universiti pada bulan Oktober, saya cadangkan insentif yang sama diberikan juga.

Saya juga ingin melihat isu anak muda dalam kepimpinan negara. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan dan juga mereka di kerusi pembangkang. Mengapa dahulu begitu ramai anak muda diberikan tempat untuk memimpin kerajaan tidak kira dalam Kabinet di peringkat negeri ataupun dalam GLC?

Kita lihat saja dalam dunia politik. Dahulu Dato' Seri Anwar Ibrahim memimpin Kementerian Pendidikan pada umur 39 tahun. Dato' Seri Najib Razak, Menteri Besar pada usia yang sangat muda. Tan Sri Sanusi Junid pada umur 38 tahun menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Bukan sahaja dalam sektor kementerian itu sendiri tetapi kita lihat dalam tokoh-tokoh korporat negara. Menteri Kewangan kini, Yang Berhormat Tengku Dato' Sri Zafrul bermula pada umur 37 tahun telah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank Berhad. Datuk Shahril Ridza, *Managing Director* bagi Khazanah kini bermula pada pertengahan umur 30 tahun di mana diberikan kepercayaan untuk menyelamatkan syarikat GLC besar semasa Malaysia melalui kemelut ekonomi tahun 1997. Kita ada banyak contoh-contoh yang lain. KSN yang berumur 30 tahun yang agak muda, Panglima Angkatan Tentera yang muda.

Persoalannya, kenapa wujudnya keberanian yang tinggi untuk Kerajaan Malaysia lakukan perkara ini sekitar tahun 1970, 1980, 1990 tetapi kini trend itu dimatikan? Walhal di negara-negara lain, perkara ini berjaya diketengahkan.

Saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan dengan serius khususnya apabila kita melihat individu yang berkeelayakan, berwawasan seperti Saudara Jalil ditamatkan kontraknya awal walaupun terbukti kebolehannya dalam mengepalai PNB.

Saya juga ingin melihat isu Undi 18.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Ini agak rapat dengan hati saya kerana dalam Dewan ini jugalah kita telah pun berjaya mencipta sejarah yang baharu di mana *by partisanship* berjaya menang membuktikan bahawa tembok politik tidak boleh memisahkan kita dari mengetengahkan agenda negara yang berjaya menyatupadukan kita semua iaitu agenda anak muda.

Kita telah pun dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini juga bahawa pelaksanaan Undi 18 paling lewat pada bulan Julai 2018. Akan tetapi, saya dimaklumkan di peringkat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), penyediaan awal telah pun dilakukan dan mungkin pelaksanaannya boleh dilakukan pada tempoh yang lebih awal.

Saya berharap bahawa kerajaan pegang kepada komitmen ini. Jangan kerana politik dan takut kepada anak muda, kita tidak berani melaksanakan perkara ini. Saya katakan perkara ini kerana dalam kerajaan dahulu pun, banyak pihak di kerusi kerajaan juga mempersoalkan kenapa kita lakukan perkara ini kerana anak muda ini *has that rebel spirit*, dengan izin. Akan tetapi, kita tetap lakukan kerana ini bukan soal politik atau untuk meraih undi tetapi untuk memastikan bahawa suara anak muda itu kuat dan tidak akan dilenyapkan dan isu anak muda itu akan jadi isu nasional dan bukan lagi isu sampingan di pentas politik negara.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Muar, Lembah Pantai.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Muar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Kita dengar mungkin di sebelah sana ada pihak yang mahukan, dengan izin, *snap polls* ataupun PRU tergepar.

■1550

Memandangkan kita tahu had umur 18 tahun ini cuma akan diguna pakai menjelang Julai 2021, adakah Yang Berhormat setuju sekiranya kita membaca senario ini sebagai satu langkah yang tidak begitu prihatin terhadap suara anak muda? Kita sudah dengar ramai anak muda 18 tahun yang bertanya kepada saya, bila saya boleh daftar sebagai pengundi? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa seeloknya kita bawa ke depan daripada Julai, kita awalkan? Kedua, adakah dengan mengadakan PRU tergepar ini bermaksud mereka takut dengan anak muda?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya berharap perkara ini dapat dipercepatkan dalam apa pun cara kita dapat membantu SPR dengan suntikan dana tambahan, kita wajib bantu kerana ini bukan soal politik semata-mata tetapi pemerkasaan 7.8 juta pengundi muda di Malaysia adalah tanggungjawab kita semua tidak kira ideologi politik. Dengan izin, saya minta masa tambahan seminit sahaja daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih. Perkara terakhir saya hendak bangkitkan adalah bantuan belia berisiko dapat peluang kedua. Isu ini sangat dekat dengan hati saya di mana dahulu di KBS kita telah pun melancarkan

Program Riben Kuning di mana kita berjaya membantu lebih 1,583 belia berisiko dan pesalah muda mendapat peluang kedua dalam kehidupan, menempatkan mereka dalam GLCs, syarikat-syarikat swasta besar, berikan mereka pekerjaan dan latihan secara percuma.

Jika kita lihat pada hari ini, Agensi Antidadah Kebangsaan menunjukkan bahawa lebih 80 peratus pesalah dadah itu datang dari kalangan orang Melayu berumur 19 tahun hingga 39 tahun. Kita ingin memastikan sudah tibanya masa untuk kita menyahjenayahkan penagihan dadah itu sendiri. Khususnya apabila kita lihat bahawa kebanyakan mereka yang dimasukkan ke dalam penjara adalah kerana kes salah laku dadah buat kali pertama dan majoriti mereka adalah golongan anak muda.

Malangnya apabila kerana kesilapan sekali mereka lakukan, apabila mereka muda, mereka sudah ada rekod jenayah yang akan kekal bersama dengan mereka sampai bila-bila. Dengan itu, susah untuk mereka dapat kerja. Stigma masyarakat begitu teruk. Keluarga meninggalkannya. Akhirnya, individu tersebut terperangkap dan mengambil dadah lagi sekali.

Oleh sebab itu, sudah tiba masanya Malaysia, kerajaan dan pembangkang untuk bersatu *to use* dengan izin, *a scientific medical approach, rehabilitation, show compassion* untuk kita menyelesaikan masalah ini. Kita lihat di Portugal pada tahun 2001 apabila mereka menyahjenayahkan dadah, penurunan pengambilan dadah itu lebih lima kali ganda dengan kadar purata pengambilan dadah di negara Eropah. Saya percaya kita mampu melakukan perkara ini. Dahulu KDN di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia berjaya bersatu dalam mengusahakan perkara ini.

Saya berharap kini apabila Yang Berhormat Menteri KDN telah pun dinaikkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, inisiatif ini tidak akan dikebelakangkan kerana ini soal anak muda di Malaysia, *use compassion* untuk membantu mereka. Ini kerana akhirnya *a scientific medical approach* jauh lebih baik daripada polisi menghukum semata-mata.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan masa tambahan seminit, terima kasih. Saya berharap isu-isu yang saya bangkitkan dapat dijawab oleh kerajaan dengan cara terbaik, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Cameron Highlands untuk meneruskan hujah usul ini.

3.54 ptg.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, Cameron Highlands ingin mengucapkan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan rasmi Dewan ini. Sebagai anak Orang Asli yang pertama diangkat menjadi wakil rakyat. Cameron Highlands amat prihatin kepada isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Dalam konteks Orang Asli Semenanjung Malaysia, mereka sehingga kini adalah tergolong di kalangan mereka yang termiskin di negara ini. Dengan sedemikian, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk melaksanakan pembangunan sosial ekonomi mereka.

Dalam menjayakan agenda ini, Cameron Highlands ingin mencadangkan tujuh hala tuju. Pertama, dari aspek infrastruktur dan keperluan asas. Pihak kerajaan haruslah menyediakan jalan-jalan baharu dan membaik pulih jalan-jalan yang sedia ada yang telah hampir lebih 10 tahun tidak dibaik pulih di dalam kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli yang mana jalan ini dapat menyambungkan masyarakat Orang Asli kepada grid-grid utama jalan di dalam negara ini. Dengan izin, *connectivity* adalah komponen penting dalam apa sekalipun pembangunan masyarakat termasuklah masyarakat Orang Asli.

Selain daripada itu, pada masa ini didapati keadaan perumahan masyarakat Orang Asli adalah amat daif. Kebanyakan struktur hampir 100 peratus hampir runtuh dan berupa buruk sangat. Perumahan dibina hendaklah mengikut yang akan datang ini spesifikasi tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi dan bukan lagi 650 kaki persegi ataupun 850 kaki persegi. Jika dilihat pada masa ini struktur bangunan ini adalah amat teruk dan juga tidak dilupa kemudahan air bersih dan juga bekalan elektrik. Ini juga perlu disediakan mencukupi, menjangkau kesemua perkampungan Orang Asli.

Poin yang kedua, fakta yang kedua. Pertumbuhan ekonomi yang rancak hanya dapat dicapai bagi sesuatu masyarakat melalui pelaburan wang dan material yang boleh memberi impak tinggi kepada pembangunan mampan yang berpanjangan. Pembangunan ekonomi merupakan entiti paling penting dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat negara ini khususnya masyarakat Orang Asli.

Aset pertama semula jadi yang sedia ada adalah tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri tanpa mengeluarkan sebarang modal. Dicadangkan program-program projek seperti yang dijalankan oleh FELDA, RISDA, FELCRA diperkasakan dengan modifikasi, seliaan ketat dan bantuan secara total oleh agensi yang akan diamanahkan untuk mentadbir urus projek-projek ini sebelum diserahkan kepada peserta.

Selain itu, dicadangkan juga tanaman kontan jangka pendek di*introduce* dengan izin, kepada masyarakat Orang Asli bagi meninggikan pendapatan mereka. Aset kedua yang ada pada masyarakat Orang Asli yang dapat membantu pertumbuhan ekonomi mereka adalah tenaga mahir yang sedia ada di lokasi yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan. Ini dapat dicapai melalui pendedahan dan latihan kepada masyarakat Orang Asli setempat agar mereka memperoleh kemahiran dan kebolehan dalam bidang-bidang dikenal pasti terutama pertanian disokong dengan memberi latihan vokasional atau TVET kepada belia-belia Orang Asli yang kurang menyerlah di dalam aspek akademik.

Di sini satu cadangan yang amat saya pohon kerajaan mempertimbangkan dan melaksanakan adalah Cameron Highlands mencadangkan sebuah badan berkanun atau perbadanan yang dikenali sebagai 'Lembaga Kemajuan Orang Asli' atau seumpamanya khusus bagi urusan pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli. Ini adalah perlu kerana ia tidak terikat dengan birokrasi pentadbiran seharian kerajaan dan boleh fokus pada objektif membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli. Ia terpisah daripada urusan tadbir. Jadi boleh *concentrate* membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli seperti MARA dan sebagainya tetapi ini fokus kepada Orang Asli sahaja.

Badan berkanun ini hendaklah ditubuhkan melalui Akta Parlimen dan dimulai dengan peruntukan geran wang pusat *one-off* dan boleh menjana kewangan sendiri bagi mencapai objektif ditetapkan tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan Pusat. Dalam melaksanakan agenda ini, dicadangkan juga lembaganya terdiri daripada cerdik pandai Orang Asli dan mereka yang profesional dalam menjayakan agenda-agenda ekonomi. Dengan sedemikian, JAKOA bolehlah menumpu sepenuh masa kepada menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli sahaja.

Poin ketiga Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah komponen yang amat penting bagi pembangunan menyeluruh bagi sesuatu masyarakat. Merujuk kepada laporan oleh SUHAKAM, mereka mendapati masyarakat Orang Asli menghadapi masalah mendapat pendidikan yang berkualiti. Di sesetengah tempat, SUHAKAM mendapati kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah langsung. Malah ramai di antara mereka yang tidak menamatkan persekolahan.

■1600

Terdapat pelbagai faktor dan sebab yang menyumbang kepada masalah pendidikan ini. Antaranya adalah penempatan mereka yang jauh di pedalaman, tiada kemudahan persekolahan, kemiskinan tegar, sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan tidak keprihatinan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu pendidikan kanak-kanak yang tidak bersekolah ini.

Di sini, Cameron Highlands ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memberi bantuan menyeluruh atau total yang berterusan kepada pelajar-pelajar Orang Asli di prasekolah, sekolah rendah, menengah dan penuntut IPTA, secara percuma di dalam semua aspek, sebagaimana yang telah dilaksanakan masa zaman pemerintahan BN dulu.

Antara bantuan yang boleh dipertimbangkan adalah seperti makanan, pengangkutan, biasiswa, kelengkapan persekolahan, kemasukan ke pusat pengajian tinggi dan lain-lain tanpa meletak syarat khusus sebelum sesuatu bantuan itu diberi. Seumpamanya, pada masa yang lalu, pihak JAKOA meletakkan ibu bapa yang berpendapatan sebanyak RM2,000 ke bawah, baru diberi bantuan. *I think*, bagi masyarakat Orang Asli ini adalah tidak logik. Sepatutnya secara total. Nama sahaja anak Orang Asli, *FOC*. Ini dibenarkan, lihat Perkara 8(5)(c) dalam Perlembagaan. Apa yang dinyatakan? Itu boleh menjadi sebagai panduan kepada Kerajaan Pusat.

Point keempat. Salah satu objektif pembangunan mapan adalah memastikan kesejahteraan kehidupan yang sihat untuk semua peringkat umur. Cameron Highlands ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, bahawa segala perbelanjaan, caj kemasukan, pakar dan perubatan diberi percuma secara total kepada pesakit masyarakat Orang Asli di seluruh pusat kesihatan, hospital-hospital pakar dan klinik-klinik kerajaan, percuma tanpa sebarang caj dari segi konsultasi, perubatan dan pendaftaran. Selain itu, Hospital Orang Asli, Batu 12, Gombak, Selangor diperkasakan di bawah Kementerian Kesihatan dengan pengkhususan bagi pesakit Orang Asli terutama yang perlu mendapat rawatan kes-kes yang lebih serius.

Point kelima. Ini, sehingga kini menjadi duri dalam daging bagi masyarakat Orang Asli, iaitu, isu tanah. Mengikut Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak-hak Orang Asli, setiap Orang Asli di dunia ini mempunyai hak yang sama rata terhadap kehidupan mereka yang terdiri daripada hak pendidikan, sosial dan juga hak terhadap tanah. Perkara (5)(c) Perlembagaan Persekutuan memberikan laluan yang amat mudah dan ini perlu dipergunakan. Isu hak tanah dan tuntutan tanah adat Orang Asli telah menjadi topik hangat di kalangan masyarakat Orang Asli.

Bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang penyelesaian atau hala tuju jalan penyelesaian. Kemelut utama dalam menyelesaikan perkara ini, berlegar di dalam isu-isu perundangan. Ini kerana, dilihat tiada langsung klausa di dalam peruntukan perundangan, akta dan peraturan yang memberi kuasa mutlak mewujudkan hak milik tanah adat kepada masyarakat Orang Asli. Walhal, di dalam Perlembagaan menyebut secara spesifik. Bila bab-bab tanah ini, boleh memberi laluan istimewa kepada masyarakat Orang Asli. Sila rujuk kepada Perkara 8(5)(c). Kenapa selama ini tidak dilaksanakan?

Dicadangkan jalan penyelesaian bagi isu ini ialah dengan cara melakukan pindaan dalam tiga perkara. Pertama, Kanun Tanah Negara [Akta 53] tahun 1965 perlu dipinda dan dimasukkan klausa yang memberi hak kepada Orang Asli dan perspektif hak milik dan tanah adat. Kedua, Akta Orang Asli itu sendiri, Akta 134.

Peruntukan-peruntukan di dalam akta itu perlu dipinda supaya benda ini dengan izin *diaccommodatekan in line with the Constitution*, Perkara 8(5)(c). Ketiga, mewujudkan enakmen tanah Orang Asli di peringkat negeri. Terutama sekali negeri-negeri yang ramai Orang Asli. Di situ, dicadangkan pihak kerajaan negeri mewujudkan satu enakmen khusus bagi penyelesaian isu tanah Orang Asli. Cameron Highlands juga menyarankan agar menyenangkan urusan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: ...tetapi...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Cameron Highlands, sikit. Yang Berhormat Bayan Baru. saya hendak sokong sikit. Hendak sokong.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya guna klausa 37(1), *let me finish. After...*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, nanti saya hendak sokong ya.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Agar menyenangkan urusan tetapi dalam masa yang sama mempunyai klausa *saving*. Dalam tiap-tiap pindaan ini perlu ada klausa *saving* di dalam pindaan perundangan ini bagi menyelamatkan masyarakat Orang Asli ini dari dimanipulasikan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Dengan izin, *there are clauses* menyelamatkan mereka di dalam isu-isu tanah ini bila pindaan undang-undang tanah dibuat.

Dicadangkan juga tanah-tanah kawasan di mana Orang Asli menetap diwartakan sebagai mana kehendak oleh undang-undang dalam Akta Orang Asli secepat mungkin iaitu bawah seksyen 6 dan seksyen 7 dan menyediakan peruntukan yang secukupnya

bagi sebarang kos melibatkan ukur tanah bagi kawasan yang diukur secara halus. Premium dan pewartaan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Selain itu, Penasihat Undang-undang Negeri, kementerian dan Jabatan Peguam Negara perlulah mengkaji pindaan undang-undang bagi menyelesaikan masalah ini. Satu jawatankuasa pindaan perlu diwujudkan khusus bagi penyelesaian masalah tanah Orang Asli ini. Cameron Highlands berharap agar kerajaan pada hari ini dapat menyelesaikan isu hak milik tanah masyarakat Orang Asli secepat mungkin. Lulu telah ada, jalan telah ada, dengan izin, *the will* untuk melaksanakannya.

Perkara keenam, penyelesaian gejala sosial. Gejala sosial merupakan masalah yang sering wujud dan dibicarakan di dalam semua komuniti tidak terkecuali kepada masyarakat Orang Asli. Ini timbul berpunca daripada pendedahan kepada faktor-faktor negatif luaran secara langsung memberi impak yang buruk kepada kehidupan masyarakat Orang Asli. Baik secara *contact* berterusan dengan masyarakat luar ataupun melalui media sosial. Isu sosial terutama di kalangan masyarakat Orang Asli adalah, pengambilan alkohol berlebihan dan permasalahan kahwin dengan warga asing yang tidak berdaftar.

Saya berpendapat bahawa kuasa permasalahan ini boleh selesai atau dimitigasikan dengan pendekatan efektif. Antaranya ialah dengan mendidik dan memberi penerangan pada masyarakat Orang Asli tentang buruknya gejala-gejala ini. Selain itu, bagi memperkuatkan jati diri serta pegangan, dicadangkan juga bagi Jabatan Kemajuan Islam dan Majlis Agama Islam negeri bergerak aktif menyebarkan syaria Islam.

Perkara ketujuh, *point* ketujuh. Pengukuhan tadbir urus, kepimpinan dan jabatan-jabatan agensi pelaksana. Seperti Ahli Dewan sedia maklum, Jabatan Kemajuan Orang Asli merupakan agensi atau jabatan utama yang diamanahkan bagi melaksanakan apa-apa rancangan dan program untuk memajukan masyarakat Orang Asli.

Bagi memastikan kejayaan ini, agensi dan jabatan ini perlu dipimpin oleh seorang ketua yang berkemahiran dan berpengalaman di dalam tadbir urus dan birokrasi pentadbiran kerajaan serta bersikap tidak memihak (*non-partisan*) kepada mana-mana parti politik, NGO, kefahaman, puak-puak tertentu atau anti-Islam, dalam melaksana sebarang perancangan atau program bagi memajukan masyarakat Orang Asli.

Beliau juga perlu bersikap berintegriti dan bermoral, dipandang oleh masyarakat secara umum, bersesuaian dengan norma-norma semasa yang diterima pakai sebagai seorang ketua. Manakala JAKOA perlu diperkukuhkan struktur organisasi dengan mengisi sebarang kekosongan perjawatan dengan mereka yang berdedikasi serta mahir

di dalam penugasan secepat mungkin. JAKOA juga bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam janganlah dijadikan tempat buangan kakitangan-kakitangan awam yang tidak efektif yang akhirnya merugikan masyarakat Orang Asli.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Cameron Highlands sikit ya. Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: *Hold on, hold on. I still got a few, a bit. I will give, I will let.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, baik.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Segala bantuan kepakaran pengurusan teknikal kewangan wajib diberi kepada JAKOA bagi menjayakan rancangan dan program memajukan masyarakat Orang Asli. Disarankan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan JPA di Jabatan Perdana Menteri membuat kajian memberi bantuan sewajarnya dalam menyelesaikan isu-isu yang Cameron Highlands bangkitkan di dalam perspektif tadbir urus JAKOA. Saya sekarang berpindah kepada isu lain, dua isu yang dekat di hati saya.

■1610

Pertama, pohon Rang Undang-undang IPCMC diketepikan daripada Aturan Urusan Majlis kerana RUU tersebut berbentuk tidak berperlembagaan, bercanggah dengan Perkara 132, Perkara 135, Perkara 140 Perlembagaan Malaysia.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Cameron Highlands saya hendak...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: ...Jika RUU tersebut hendak terus diperlukan, dilaksanakan, ia perlu pindaan kepada Perlembagaan pada Perkara 132, Perkara 135 dan Perkara 140.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Cameron Highlands tentang masyarakat Orang Asli. Boleh saya mencelah sedikit? Terima kasih...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Beri laluan kepada?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bayan Baru. Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya bangkit untuk menyokong Yang Berhormat Cameron Highlands kerana kita tahu bahawa masyarakat Orang Asli ini terlalu lama dipinggirkan dalam masyarakat Malaysia. Semasa saya menjadi Timbalan Menteri Pertanian, saya ke merata tempat di kawasan kampung Orang Asli, ya memang tanah pun tidak ada. Itu Orang Asli tetapi tanah tidak ada.

Atas usaha kami, saya telah melaksanakan beberapa program. Antaranya, kita membantu program pertanian secara kontan dan juga fertigasi dengan teknologi yang lebih tinggi kepada masyarakat Orang Asli dan saya telah melancarkan pada tahun lepas. Tahun ini kita hendak lancarkan di lima tempat sebenarnya hendak membantu Orang Asli meningkatkan hasil pertanian. Saya berharap kerajaan sekarang tidak akan membatalkan program tersebut iaitu di bawah Jabatan Pertanian, di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Secara personel, saya juga tertarik hati tentang pendidikan. Pendidikan itu penting apabila kita pergi ke kawasan Orang Asli, anak-anak Orang Asli tidak pergi ke *preschool*, jadi sekolah tadika dan sebagainya, kena lengkap. Saya pun sendiri di bawah kementerian, saya memberi peruntukan untuk membantu tadika-tadika. Saya harap bahawa Yang Berhormat melalui Tadika KEMAS dan sebagainya, meningkatkan fasiliti kepada masyarakat Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akhir sekali adalah tentang tanah. Saya nampak bahawa tanah itu adalah isu yang sangat besar. Walaupun di Cameron Highlands sendiri, saya pergi kepada masyarakat Orang Asli, dia tidak mengerjakan tanah sendiri. Orang Asli pergi kerja untuk kebun-kebun yang lain. Jadi adalah perlu baru-baru ini saya difahamkan bahawa kerajaan negeri telah memberi tanah kepada Pahang Corp. untuk diagihkan kepada petani-petani. Ada isu juga yang saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Cameron Highlands di mana sewa meningkat 500 peratus, sewa tanah daripada RM800 satu ekar sekarang menjadi RM4500 satu ekar, satu tahun. Ini membebankan petani. Jadi isu ini, saya harap bahawa Yang Berhormat boleh bangkitkan kepada Menteri Besar Pahang, menyelesaikan isu ini.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri kalau dia boleh bagi kepada Pahang Corp, tanah itu pun boleh bagi kepada Orang Asli.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, saya rasa...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...itu adalah sesuatu yang perlu Yang Berhormat usahakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, hendak mencelah.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya hendak teruskan....

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Satu minit.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa terhad sudah.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Peraturan Mesyuarat 37(1).

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Satu sahaja. Yang Berhormat, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya tidak benarkan, saya hendak habiskan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Fasal Orang Asli juga. Tuan Yang di-Pertua boleh tambah dua minit, tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Cameron Highlands, rumuskan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Hendak mencelah.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu pohon dipercepatkan apa-apa projek dan perancangan di Cameron Highlands bagi menyelesaikan isu kerap jalan *jammed* pada hujung minggu di Cameron Highlands.

Akhir, saya menggulung apa yang telah saya nyatakan. Masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bukanlah sesuatu yang baharu. Masalah-masalah ini telah lama wujud dan berpanjangan. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta ringgit pada setiap tahun kepada agensi yang terlibat untuk kesejahteraan masyarakat Orang Asli tetapi masih wujud jurang yang besar dari segi pencapaian sosioekonomi jika dibandingkan dengan masyarakat yang lain. Cameron Highlands sedar bahawa pihak berkuasa dan agensi-agensi yang berkenaan arif mengenai perkara-perkara ini dan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Cameron Highlands berharap usaha dan langkah yang komprehensif dan sistematik dapat diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang sering dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli terutama sekali pembentukan perbadanan ekonomi itu. Akhir sekali, Cameron Highlands berhasrat agar hak asasi masyarakat Orang Asli terjamin dan masyarakat Orang Asli dapat menikmati hidup setaraf dengan rakyat Malaysia yang lain. Dengan sedemikian, saya pohon apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru sekali dimasukkan dalam ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Rasah.

4.15 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pertama, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Diraja pada petang ini dan saya juga hendak mengucapkan terima kasih kali kedua kepada Timbalan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menggunakan tempat ini sementara untuk perbahasan kerana banyak dokumen, kalau tidak ada meja mungkin dokumen itu terjatuh dan sebagainya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya dalam 20 minit yang diberikan kepada saya banyak merujuk kepada pandemik COVID-19 yang melanda negara kita dan bukan setakat negara kita, tetapi seluruh dunia. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada semua *frontliners* khususnya daripada KKM yang diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan kita yang berjaya – bagi saya, saya anggap ia berjaya memutuskan rantai penyebaran penularan di peringkat tempatan walaupun sejak beberapa hari yang lepas kita nampak ada peningkatan sedikit tetapi saya berharap sama-sama kita mematuhi semua SOP supaya ia tidak menjadi kali kedua melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac iaitu pada awal pelaksanaan PKP. Memang kita setuju Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut penting apabila berlaku PKP dan diikuti dengan PKPB dan sekarang ini PKPP.

Apa yang lebih penting yang saya hendak fokuskan pada petang ini adalah moratorium. Umum tahu moratorium akan berakhir pada 30 September selepas dilaksanakan enam bulan. Saya pada petang ini, saya tahu ramai rakan-rakan telah

mencadangkan supaya tempoh pelaksanaannya dilanjutkan untuk sekurang-kurangnya enam bulan lagi. Saya menyokong cadangan tersebut dan saya hendak memberikan satu alternatif yang berbeza untuk pelaksanaan fasa kedua jika dibenarkan oleh pihak kerajaan iaitu pelaksanaan moratorium ini secara bersasar, hanya merujuk kepada golongan rakyat tertentu sahaja.

Isunya sebegini, untuk pelaksanaan moratorium fasa pertama sebanyak RM100 bilion, dikatakan RM100 bilion bukan dana terus daripada kerajaan, tetapi ia adalah kerjasama daripada pihak bank, arahan kerajaan kepada bank supaya tidak mengutip pinjaman ataupun pinjaman rumah atau pun kereta, mengutip semula pinjaman daripada peminjam.

Saya memohon satu jawapan apabila kerajaan menggulung, hendak tanya daripada unjuran asal RM100 bilion tersebut, berapa banyak kah ataupun berapa ramai kah peminjam yang tidak mengambil pakej ini? Maknanya mereka masih meneruskan pembayaran semula, pembayaran bulanan pinjaman kereta ataupun rumah mereka kepada bank. Saya hendak tanya daripada RM100 bilion tersebut.

Kedua, kenapa saya kata untuk fasa kedua moratorium ini sepatutnya dilaksanakan secara bersasar, sebabnya bukan semua rakyat walaupun kita tahu kebanyakan rakyat Malaysia khususnya golongan B40 dan M40 terkesan dengan pelaksanaan PKP kerana COVID-19, walaupun mungkin ada rakyat kita yang masih ada pekerjaan, masih dapat kerja dan sudah tentu yang paling teruk adalah kena buang kerja. Kita tahu indeks pengangguran kita meningkat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari pertama persidangan, ketika menjawab soalan telah menyatakan dengan jelas bahawa unjuran pengangguran di Malaysia akan meningkat sehingga hujung tahun ini. Ketika itu saya masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, dijangkakan 860,000 rakyat Malaysia akan hilang kerja menjelang akhir tahun ini.

Ada laporan luar yang mengatakan bahawa lebih sejuta rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan mereka menjelang hujung tahun ini. Ini bermakna apa, walaupun banyak bidang telah dibuka semula tetapi pemulihan ekonomi mengambil masa yang jauh lebih lama daripada pandemik COVID-19 itu sendiri.

■1620

Walaupun kita tengok banyak kedai telah dibuka, tetapi semakin hari semakin ramai rakyat Malaysia yang kehilangan kerja. Ini menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi belum lagi berkesan pada ketika ini dan ia dijangka akan berterusan sehingga tahun hadapan.

Oleh sebab itulah, moratorium ini sepatutnya dilanjutkan tempoh untuk sekurang-kurangnya enam bulan lagi. Saya bagi tiga contoh secara ringkas di sini, tiga orang sahabat saya di kawasan saya yang mereka masih bekerja. Pertama Encik Muthu yang jual muruku di Bandar Seremban, baru hujung minggu lepas saya jumpa dengan beliau, beliau kata ya tiga bulan sebagai penjaja beliau tidak berniaga dari bulan Mac hingga bulan Jun, baru *start* kembali berniaga semula dengan pendapatan lebih kurang separuh sahaja, pelanggan beliau lebih kurang separuh sahaja, walaupun berniaga di lokasi yang sama.

Contoh kedua, kawan saya Pak Wan yang bekerja sebagai – ini bukan Menteri ini Pak Wan yang bekerja sebagai penyelia kilang di Senawang. Beliau kata memang beliau dapat kerja, gaji pokok jalan macam biasa, tetapi elaun separuh kena potong, OT jangan harap. Gaji beliau yang biasa dapat dalam RM5,000 lebih sekarang ini sebanyak RM3,000 disebabkan gaji pokok, itu sahaja ada dengan sedikit elaun.

Contoh ketiga, Miss Hyu seorang wartawan di Seremban, tetap dapat kerja, gaji pokok jalan tetapi tidak ada OT sebab banyak majlis dan sebagainya tidak dapat dilaksanakan, berlangsung menyebabkan wartawan walaupun gaji ada tetapi pendapatan berkurangan. Jadi, mereka ini adalah golongan yang kita perlu berikan perhatian. Mereka ini terkesan walaupun belum sampai ke tahap menganggur ataupun hilang kerja. Jadi, saya mohon kerajaan supaya untuk fasa kedua moratorium ini hanya diberikan kepada mereka yang pendapatan asal terjejas.

Saya bagi contoh, kalau wakil rakyat semua, tidak kira yang Menteri atau Timbalan Menteri, Ahli-ahli Parlimen ataupun Exco-exco, ADUN semua yang elaun tetap terkecuali daripada moratorium fasa kedua ini. Oleh sebab kita tidak mahu sesiapa yang tidak terjejas ambil kesempatan, ambil kelebihan. Kita kena fokus kepada rakyat yang terjejas. Kenapa saya cadangkan perkara ini, sebab kalau kita berterusan minta pihak bank supaya tidak mengutip semula pinjaman yang telah dikeluarkan akhirnya apa yang akan terjadi?

Bank akan kata tidak cukup wang, walaupun kita tahu bank ini besar, berbilion, kaya, mempunyai dana yang besar tetapi bank akan memberikan alasan. Bahawa tidak cukup sebab lama saya tidak kutip, dijangkakan sebanyak RM100 bilion saya tidak kutip, saya tidak ada wang untuk memberikan pinjaman baru khasnya kepada *House Ownership Campaign* (HOC) yang telah dilancarkan, telah diumumkan oleh kerajaan untuk tempoh 12 bulan bermula 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021.

Kejayaan kempen HOC tersebut sedikit sebanyak bergantung kepada faktor bank, bukan setakat pemaju, bukan setakat insentif yang kita bagikan tetapi bank juga

memainkan peranan yang penting supaya HOC itu berjaya dan HOC itu sangat penting untuk membolehkan sektor pembinaan, sektor pembinaan tersebut akan menjaga ekonomi negara, membolehkan pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan dan berada di landasan yang betul dalam masa yang singkat. Sekiranya sektor pembinaan kita tidak membantu akhirnya ekonomi kita akan kekal lembap dan tidak akan ke mana-mana dalam tempoh yang tersebut.

Jadi saya mohon supaya kerajaan gunakan kuasa yang ada. Jangan setakat bincang, nasihatkan bank. Pihak Kementerian Kewangan, pihak Bank Negara Malaysia perlu lakukan sesuatu, bantu rakyat lebih daripada bank untuk mengelakkan slogan '*banker jaga banker*', kita hendak kerajaan jaga rakyat. Jadi saya berharap cadangan ini akan mendapat satu *respond* yang baik daripada pihak kerajaan.

Perkara kedua yang hendak saya bangkitkan pada petang ini Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan Bakul Makanan yang sepatutnya diedarkan mengikut garis panduan daripada Kementerian Kewangan melalui- saya mohon merujuk pada satu pekeliling daripada kementerian dengan surat rujukan KK/BPB/(26.00) 202/2/2-3 JD.6(3) bertarikh 27 Mac 2020 yang menyatakan bahawa Kementerian Kewangan telah meluluskan pemberian Bakul Makanan bernilai sebanyak RM100 setiap satu kepada 1,000 orang ketua keluarga B40 secara *one-off* di kesemua 222 buah kawasan Parlimen.

Saya telah diminta oleh pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Seremban untuk menghantar senarai nama pada 3 April 2020 dan senarai nama telah dihantar dan diterima oleh Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban pada 8 April 2020 iaitu selang beberapa hari untuk tujuan yang dimaksudkan ini. Pada 21 April 2020, pejabat saya telah menerima panggilan bahawa sebanyak 150 set makanan telah disediakan dan minta pergi ambil, kami pergi ambil. Apa yang mengecewakan saya adalah yang pertamanya hanya 150 set dan selepas itu tidak ada lagi. Itu yang pertama.

Keduanya, Bakul Makanan yang dijanjikan mengikut pekeliling yang dikeluarkan oleh MOF RM100 setiap satu tetapi barangan yang kami terima hanya bernilai tidak melebihi RM35 sahaja. Saya hendak sebutkan secara jelas, secara *detail* barangan yang diterima. Beras lima kilogram harganya lebih kurang RM13, gula satu kilogram berharga RM2.85, minyak satu kilogram dalam bungkusan berharga RM2.50, biskut dalam RM4 hingga RM5, bihun satu bungkus berharga RM3.00, teh bungkusan kecil itu pun dalam RM3 hingga RM4, kopi pun dalam bungkusan kecil berharga dalam RM3 hingga RM4. Jumlahnya tidak lebih daripada RM35.

Saya hendak tanya, apa jadi dengan pekeliling yang dinyatakan ini? Saya tidak mahu buat tuduhan, saya tidak mahu menuduh mana-mana pihak. Pekeliling ini jelas menyatakan bahawa perolehan dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi saya tidak tuduh, ini fakta dia dan dikatakan bahawa Pejabat Ahli Parlimen terlibat dalam penyerahan. Disebut dengan jelas di sini bahawa pejabat Ahli Parlimen perlu melaksanakan agihan dari rumah ke rumah dengan kerjasama APM dan RELA. Selepas itu pejabat Ahli Parlimen bertanggungjawab mengemukakan senarai nama penerima Bakul Makanan berserta dengan tandatangan penerimaan dan sebagainya.

Saya mengiktiraf pekeling ini, dia tidak sebut Ahli Parlimen Kerajaan, Ahli Parlimen Pembangkang dan sebagainya sebab yang terima itu bukan Ahli Parlimen, yang untung itu bukan Ahli Parlimen, yang untungnya penerimanya adalah Ketua Keluarga B40 dalam kawasan Parlimen tersebut. Saya sendiri tidak layak jadi penerima sebab B40 tetapi apa yang mengecewakan saya adalah jawapan yang diberikan oleh kementerian yang dipertanggungjawab iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menjawab soalan saya dua hari lepas. Dia jawab Bakul Makanan ini adalah bagi setiap ketua isi rumah kawasan bukan khas kepada YB Ahli Parlimen.

Saya tidak minta pun, kenapa jawapannya tersasar daripada pekeling asal. Jadi saya mohon ini peluang sekali lagi saya berikan pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya jelaskan perkara ini. Walaupun Menteri Kanan Keselamatan pernah satu ketika pada bulan April apabila isu ini timbul mengatakan bahawa barangan 150 set Bakul Makanan yang saya terima tersebut adalah sumbangan daripada NGO. Itu bukan daripada NGO, kalau daripada NGO dia tidak melalui Pejabat Ahli Parlimen. Yang hantar ataupun melalui Pejabat Ahli Parlimen adalah mengikut pekeling yang diluluskan oleh MOF, pada 27 Mac 2020.

Jadi saya mohon supaya kementerian yang terlibat supaya memberikan penjelasan. Saya tidak mahu membuat tuduhan, saya hendak penjelasan. Kalau berlaku kesilapan, ketirisan dan sebagainya, betulkan, mengakui dan betulkan. Kita sama-sama boleh terima sekiranya penjelasan yang baik diberikan.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan COVID-19 juga iaitu berkenaan dengan pembukaan sekolah. Kita tahu sejak semalam 22 Julai 2020, semua sekolah rendah telah kembali, semua murid telah kembali ke sekolah, telah dalam *full capacity*. Manakala sekolah menengah pada 15 Julai 2020 yang lepas semua pelajar telah kembali. Apa yang mengecewakan saya adalah, walaupun cukup baik SOP yang digariskan dan sekolah-sekolah memberikan

kerjasama yang cukup baik, tetapi yang mengecewakan saya adalah di Daerah Seremban sebab Parlimen Rasah ini sebahagian daripada Daerah Seremban adalah banyak sekolah tidak menerima penyukat suhu *infra-red* yang dijanjikan.

■1630

KKM— Ini Yang Berhormat Menteri KKM ada di sini pernah mengatakan bahawa setiap seramai 50 orang murid ataupun pelajar akan mendapat satu unit penyukat suhu. Suhu badan *infra-red* untuk memudahkan pihak sekolah melaksanakan SOP. Saya hendak bagi satu contoh. Sebuah sekolah di daerah Seremban dibawa Parlimen Rasah. Muridnya sejumlah lebih 500 orang. Setakat semalam, hanya terima satu unit sahaja daripada Pejabat Pendidikan Daerah.

Tinjauan saya, saya sudah tanya banyak sekolah maklumat yang saya dapat atau *info* yang saya dapat serta maklum balas yang saya dapat adalah hampir sejumlah 80 peratus sekolah di daerah Seremban tidak mendapat penyukat suhu yang sepatutnya. Ikut nisbah satu penyukat suhu untuk lima orang murid.

Jadi, saya hendak tanya. Kenapa? Perkara ini bukan mahal sangat. Kalau ikut pekeliling ataupun surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah ataupun Jabatan Pelajaran Negeri, ia hanya setakat sebanyak RM300. Kita tahu mungkin sebanyak RM200 itu dapat di *market*. Letak sebanyak RM300, okey kita terima. Jadi, saya hendak tanya. Pihak Kementerian Pendidikan, kenapa perkara ini benda yang asas untuk pematuhan SOP tidak dibekalkan kepada sekolah?

Kalau sekolah di bandar yang PIBG nya orang kaya, orang kuat dan ramai, tidak apalah. Mungkin dia boleh bagi derma atau bagi sumbangan. Akan tetapi, macam mana dengan sekolah di luar bandar? Yakni yang PIBG nya tidak mempunyai dana yang banyak. Macam mana mereka hendak mematuhi SOP ini? Bayangkan kalau jangka suhunya hanya dua hingga tiga biji tetapi murid dia sebanyak empat hingga 500 orang. Macam mana hendak mematuhi? Takkan kita hendak anak-anak kita berdiri lama. Guru-guru dibebani dengan kerja sebegini. Saya mohon supaya pihak KPM dengan segera, kalau boleh dalam minggu depan sebelum hujung bulan ini membekalkan semua penyukat suhu *infra-red* mengikut nisbah satu lawan 50 orang murid kepada semua sekolah di Malaysia.

Sebab ini perkara asas. Ini adalah untuk kepentingan, keselamatan dan kesihatan anak-anak kita. Sebab ini perkara asas yang kalau kita gagal patuhi macam mana kita hendak meminta rakyat Malaysia supaya mematuhi sepenuhnya SOP yang digariskan oleh pihak berkuasa. Macam mana kita minta kerjasama daripada rakyat kalau benda-benda asas pun kita gagal bekalkan kepada pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya. Ini kebetulan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada di sini. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri. Dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada Oktober tahun lepas, pernah disebutkan bahawa sejumlah RM60 juta telah di peruntukan untuk suntikan percuma vaksin pneumokokal untuk bayi yang baru lahir. Saya difahamkan dan saya bukan doktor.

Yang Berhormat Menteri boleh betulkan saya atau kenyataan saya, kalau saya buat silap. Suntikan vaksin ini dia berkaitan dengan untuk memastikan bahawa bayi yang baru lahir supaya tidak menghadapi apa-apa penyakit khususnya berkaitan dengan penyakit paru-paru atau radang paru-paru dan sebagainya. Ia perlu diambil tiga dos, ketika bayi itu dalam empat, lapan ataupun 15 bulan. Ikut perancangan asal, program ini akan bermula pada pertengahan tahun ini.

Saya ada dengar khabar angin. Saya tidak pasti khabar angin ini betul. Saya mohon pengesahan daripada pihak kerajaan bahawa program ini telah ditangguhkan. Kalau betul kita hendak tahu apa sebab. Sebab bagi saya, perkara sebegini walaupun daripada Kerajaan Pakatan Harapan dahulu, sekarang ini Kerajaan Perikatan Nasional tetapi perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan, kepentingan anak-anak kita sewajarnya diteruskan.

Malahan, sepatutnya diperkasakan untuk kepentingan anak-anak kita. Sebab saya tahu ramai bayi yang lahir tidak ada, tidak terima suntikan ini. Setakat ini, suntikan hanya dibuat di hospital swasta dan sebagainya yang membelanjakan kos yang tinggi. Jadi, khas untuk golongan B40 dan M40 tidak ramai. Anak saya ada lah tetapi saya bukan minta untuk anak saya. Saya minta untuk golongan khasnya B40 dan M40 berkenaan dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat rumuskan. Ada sebanyak 30 saat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya. Ada dua poin singkat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seringkasnya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ni berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Sebelum ini, apabila Kerajaan Pakatan Harapan telah melancarkan kerusi keselamatan untuk kanak-kanak. Satu langkah yang baik untuk jaga keselamatan anak-anak kecil kita, saya sejak kerajaan baharu ambil alih sudah empat bulan lebih tidak dengar apa-apa.

Saya hendak mohon pihak khasnya MOT memberikan pengesahan sama ada program ini masih diteruskan ataupun telah dibatalkan ataupun apakah statusnya? Saya memohon supaya ia dapat diteruskan sebab ia berkaitan dengan kepentingan anak-

anak kecil kita. Sebab sebelum ini, dikatakan bahawa kanak-kanak di bawah 135 sentimeter ataupun berat badan di bawah 36 kilogram diwajibkan untuk memakai kerusi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir berkaitan dengan KPM benda yang ringkas sahaja. Saya hendak tanya berkenaan dengan sejumlah RM20 juta dalam Belanjawan 2020 yang diumumkan sebelum ini khas untuk pembinaan bangunan baharu SJK(C). Sama ada peruntukan itu masih ada ataupun telah digunakan untuk tujuan lain.

Sekiranya ada saya mohon satu peruntukan khas diberikan kepada sebuah SJK(C) iaitu SJK(C) Hillside di kawasan Parlimen Rasah yang mana pegawai daripada kementerian sebenarnya telah hadir membuat tinjauan, pemantauan dan pemeriksaan di sekolah tersebut pada 17 Februari ketika kerajaan lama.

Jadi, saya mohon dan untuk makluman semua, pembinaan sekolah itu telah memasuki sejumlah 60 *percent* pembinaan dan masih kekurangan dana dan bangunan baru itu perlu digunakan kerana penambahan murid yang cukup banyak sejak dua hingga tiga tahun ini sebab sekolah itu terletak di kawasan yang pesat membangun iaitu *S2 Heights*.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan— saya ambil sebanyak 30 saat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pengiktirafan UEC. Sebelum ini di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, satu jawatankuasa seramai tiga orang telah ditubuhkan pada pertengahan tahun lepas. Laporan kaji selidik yang dilakukan oleh jawatankuasa seramai tiga orang tersebut sepatutnya telah dihantar kepada pihak kerajaan untuk Kabinet membuat keputusan.

Saya hendak tanya sama ada kerajaan khususnya KPM telah menerima laporan daripada jawatankuasa tersebut ataupun belum? Sekiranya telah terima, apakah status laporan tersebut? Sama ada KPM telah mengambil apa-apa keputusan atau pun telah dirujuk kepada Kabinet untuk membuat keputusan. Sebab, perkara ini perlu disegerakan. Dia telah tertangguh sekian lama dan ia patut ditangani dengan secara ilmiah atau akademik dan kita tahu UEC telah diiktiraf oleh sejumlah lebih 100 IPTA di seluruh negara.

Jadi, sekian sahaja perbahasan saya pada petang ini. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan masa tambahan dua hingga tiga minit dan membenarkan saya guna tempat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau dan diikuti oleh Yang Berhormat Raub. Sila Yang Berhormat Tebrau. Sebanyak 20 minit.

4.38 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Hello. Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahar Titah Tuanku. Ahli-ahli Yang Berhormat, marilah kita sama-sama memberi penghargaan kepada pihak kerajaan khususnya petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan agensi-agensi lain yang turut terlibat untuk menghadapi serangan wabak COVID-19 dengan dedikasi dan komitmen yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, penularan wabak virus COVID-19 yang melanda dunia dan negara kita telah turut memberi kesan kepada ekonomi, kesihatan serta kehidupan rakyat jelata. Negara kita tidak pernah berhadapan dengan wabak yang sebegini serius sebelum ini dalam sejarah Malaysia.

■1640

Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi termasuk memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang berjumlah RM260 bilion yang masih belum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Bagi melindungi kebajikan rakyat dan menyokong industri serta perusahaan kecil dan sederhana. Namun banyak industri dan perniagaan masih terjejas akibat wabak ini.

Ramai pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana sudah dipaksa untuk menamatkan perniagaan mereka. Ramai pekerja pun telah hilang pekerjaan tanpa ada dalam keadaan yang susah serta ketidaktentuan masa hadapan mereka. Penanda menunjukkan bahawa impak wabak COVID-19 mungkin akan bertambah teruk selepas bulan Oktober tahun ini.

Industri-industri serta aktiviti seperti industri hiburan, pusat tuisyen, gimnasium, sekolah menari yang masih belum diberi kebenaran beroperasi. Terdapat beberapa majikan masih belum menerima subsidi gaji sebanyak RM600 sehingga RM1,200 bagi setiap pekerja mereka setiap bulan. Moratorium bayaran balik pinjaman bank-bank juga akan tamat pada bulan Oktober tahun ini. Kebanyakan kilang telah hilang ataupun putus

kontrak bagi pengeluaran produk masing-masing untuk dieksport ke luar negara bagi memenuhi kehendak para pembeli.

Kini, dengan pertambahan kes harian COVID-19 sekali lagi seperti mana Perdana Menteri telah menyuarakan kebimbangan terhadap kewujudan 13 kluster jangkitan COVID-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Kemungkinan besar negara kita akan dilanda dengan COVID-19 gelombang kedua jika rakyat tidak mengendahkan arahan untuk memakai pelitup muka setiap kali mereka berada di khalayak ramai atau di tempat sesak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon jawapan daripada kerajaan bahawa bilakah industri hiburan, pusat tuisyen, gimnasium dan sekolah menari akan diberi kebenaran untuk beroperasi kerana mereka sudah dalam keadaan yang teruk kerana gaji dan juga sewa terpaksa di bayar setiap bulan tapi tanpa apa-apa pendapatan. Berapa banyak subsidi gaji RM600 sehingga RM1,200 sebulan yang masih tertunggak dan belum di bayar kepada majikan? Bila ini akan disalurkan oleh kerajaan kepada mereka yang berkenaan?

Seterusnya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha khususnya daripada perusahaan kecil dan sederhana untuk meneruskan perniagaan mereka. Begitu juga dengan pekerja-pekerja yang sudah hilang pekerjaan, apakah langkah-langkah yang telah atau akan disediakan oleh kerajaan untuk menempatkan mereka dalam pekerjaan baharu. Ini walaupun sudah ada pakej untuk membantu mereka dalam mencari kerja masa mereka mencari kerja tapi adakah langkah-langkah yang keseluruhan dapat dirangka untuk membantu mereka.

Terutamanya apakah nasib seramai 400,000 pekerja Malaysia di Singapura yang ramai sudah pun mula diberhentikan kerja baru-baru ini dengan alasan rakyat Singapura diberikan keutamaan dahulu. Oleh itu, ini menyebabkan nasib warga Malaysia yang bekerja di sana kini semakin tidak menentu. Apakah bantuan yang kerajaan akan memberikan untuk membantu syarikat dan perniagaan yang berkait dengan industri pelancongan?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia tidak ada masalah untuk mempertahankan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuanku berhasrat bahawa Kerajaan Perikatan Nasional mewujudkan pentadbiran agama Islam yang inklusif, progresif, membentuk hubungan etnik dan agama yang harmoni, menyantuni kemanusiaan dan peradaban ke arah kesejahteraan sejagat. Pada masa yang sama, Tuanku mahu Kerajaan Perikatan

Nasional agar terus mempertahankan hak-hak pegangan agama lain untuk terus bebas mengamalkan agama mereka secara berhemah dan aman.

Atas dasar ini saya ingin bertanya kepada kerajaan untuk menyatakan bilakah kerajaan akan menggubal satu dasar yang wajib diguna pakai di semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan yang memerlukan semua projek perumahan atau pembangunan bercampur menyediakan tapak yang mencukupi untuk pembinaan bangunan ibadat agama-agama lain bagi tujuan untuk membolehkan tempat ibadat yang kini menggunakan bangunan komersial atau kediaman ditempatkan di tapak yang sesuai. Walaupun kini ada rancangan, memang ada dasar tapi tapak-tapak yang disediakan tidak mencukupi. Jadi saya berharap ini akan dapat perhatian dari kerajaan yang baharu ini.

Pada masa yang sama saya juga memohon kepada kerajaan untuk menyatakan bilangan bangunan komersial dan rumah yang salah digunakan sebagai tempat ibadat. Tiada sesiapa ingin menunaikan ibadat agama di dalam bangunan yang tidak mempunyai kebenaran dari pihak berkuasa. Namun kerajaan kini dan yang lepas tidak ada satu dasar yang jelas bagi penyediaan tapak-tapak tempat ibadat yang cukup untuk menyelesaikan isu yang berbangkit ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita diurus tadbir selama ini dengan salah satu tujuan untuk meningkatkan status ekonomi masyarakat bumiputera. Ini adalah satu dasar yang harus dilaksanakan. Namun selepas ini, inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru dan juga Wawasan 2020, kita masih gagal meningkatkan status ekonomi bumiputera secara amnya. Walaupun ada segelintirnya yang bermanfaat dari dasar-dasar ini untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Saya ingin bertanya Kerajaan Perikatan Nasional adakah punca-punca utama yang telah gagal meningkatkan status ekonomi bumiputera dikenal pasti serta kaedah-kaedah pendekatan yang dijangka mampu berkesan telah dirangka supaya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 akan berjaya meningkatkan status ekonomi bumiputera tanpa menyingkirkan hak-hak kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, elemen-elemen untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara harus dikenal pasti khususnya suntikan pelaburan daripada pihak kerajaan dan pihak swasta. Transformasi ke tahap Revolusi Industri Keempat dengan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan urusan perniagaan, keperluan pengemaskinian undang-undang, proses kelulusan dan insentif sedia ada.

Proses kelulusan terutamanya projek berimpak tinggi hendaklah ditambah baik agar ia cekap dan pantas bagi menarik perhatian pelaburan berkualiti. Saya juga mahu

Kerajaan Perikatan Nasional menyatakan sejauh manakah elemen-elemen penting yang tersebut di atas telah disediakan atau dirangka setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya kepada Kerajaan Perikatan Nasional untuk menyatakan usaha-usaha akan dilakukan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata terutamanya kanak-kanak, wanita, warga emas yang rendah, orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan panduan.

■1650

Dalam hal perlindungan dan hak kanak-kanak, saya juga minta Kerajaan PN menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk menghapuskan eksploitasi terhadap golongan tersebut dalam mana-mana bentuk dan pada masa yang sama, potensi penuh mereka dapat direalisasikan.

Saya menyambut baik atas jawapan Menteri Dalam Negeri mengenai isu kanak-kanak yang tanpa dokumen identiti atau yang bukan warganegara. Menteri berkata bahawa mereka adalah warga dunia dan harus dijaga. Di samping itu, saya mahu bertanya kepada Menteri Dalam Negeri untuk memberi penjelasan yang lebih teliti apa yang beliau maksudkan dan bagaimana nasib mereka dapat dibela? Ini kerana kanak-kanak ini adalah sasaran eksploitasi utama sekiranya mereka tanpa dokumen identiti atau bukan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Kesihatan mengambil berat tentang isu-isu terutamanya dalam hal infrastruktur di Hospital Sultanah Aminah di Parlimen Johor Bahru dan Hospital Sultan Iskandar di Parlimen Tebrau seperti pengurangan katil, lot parkir dan kerusi untuk pelawat-pelawat serta banyak alat yang sudah rosak dan masih belum diganti atau diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan PN komited untuk memulihara sungai, hutan dan hidupan liar serta berhasrat menghentikan kemerosotan alam sekitar, saya bercadang Kerajaan PN merangka satu pelan tindakan secara menyeluruh dengan menyenaraikan data set bagi hutan, sungai dan hidupan liar yang akan diberi tumpuan pada jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Kaedah-kaedah pendekatan yang berkesan juga harus dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat setinggan merupakan punca utama pencemaran sungai dan banjir kilat. Malah, kerajaan selama ini telah membenarkan kewujudan tempat setinggan di sebelah sungai dengan memberikan pembekalan elektrik dan air. Akan tetapi, itu sahaja yang dinikmati oleh penduduk-penduduk setinggan. Di situ tiada kutipan sampah dan tiada sistem pembersihan.

Dua faktor ini yang menyebabkan sampah-sampah dibuang dan air kumbahan dilepaskan ke dalam sungai. Air bertakung di sini dan sana dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes oleh kerana tiada sistem perparitan yang terancang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan. Tempat setingan ini di sebelah sungai selalunya dilanda dengan banjir kilat juga. Setiap kali banjir kilat berlaku, banyak duit dan tenaga harus disalurkan untuk menjaga mangsa-mangsa banjir.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah sama ada Kerajaan PN akan membiarkan tempat-tempat setingan tidak terurus atau akan mengambil langkah-langkah yang efektif bagi menyelesaikan isu-isu yang berkait dengan tempat-tempat setingan?

Tuan Yang di-Pertua, satu penyakit yang terbesar dan sukar ditangani adalah rasuah. Penyakit ini telah mengekang pertumbuhan ekonomi negara serta menyebabkan projek gajah putih atau *sub standard*, dengan izin. Penyakit rasuah ini berlaku di semua peringkat pentadbiran kerajaan dan agensi-agensi kerajaan.

Setiap kali Kerajaan Persekutuan, negeri atau tempatan memperkenalkan undang-undang baharu, ini memberikan peluang kepada pegawai-pegawai penguat kuasa untuk disuap. Isu ini nampaknya sukar dibanteras kerana langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan sehingga sekarang masih gagal untuk menghapuskan rasuah.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah rundingan secara langsung akan diteruskan bagi projek-projek yang bukan bertaraf strategik? Ini kerana perundingan secara langsung berpotensi untuk disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan peribadi masing-masing.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon perkara-perkara yang Tebrau bangkitkan dalam ucapan tadi akan dapat pertimbangan kerajaan yang baharu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Raub. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Selangor. Silakan Yang Berhormat Raub. Masa 20 minit.

4.56 ptg.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama

membahaskan Titah Diraja pada petang ini. Dalam tempoh masa 20 minit yang terhad ini, saya ingin menyentuh berkenaan pertanian, alam sekitar, hidupan liar dan Orang Asli secara umum serta juga jenayah penyalahgunaan dadah dan penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin suarakan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dasar kerjasama serta tindakan segera yang perlu difikirkan bersama-sama sementara penambahbaikan Rang Undang-undang Perhutanan [Akta 313], Rang Undang-undang PERHILITAN [Akta 716] yang akan dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan pada masa akan datang.

Tidak dinafikan bahawa air, tanah, hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun begitu, dalam tempoh Februari hingga Julai 2020 ini, masalah-masalah air bersih, kemusnahan kebun, tanah runtuh, gangguan habitat kehidupan liar, flora dan fauna dan juga ekonomi setempat masih lagi berlaku. Justeru itu, mestilah ada satu mekanisme ataupun kaedah jangka masa pendek untuk negeri mahupun pusat untuk bekerjasama bagi mengurangkan masalah ini sebelum penambahbaikan rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya mewujudkan aktiviti-aktiviti pertanian ke arah pertanian lestari dengan menjaga alam sekitar, habitat hidupan liar, flora dan fauna, ekosistem serta memberikan peluang kepada penduduk setempat untuk memajukan pertanian ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya membawa satu contoh di kawasan saya di Parlimen Raub. Kalau di Temerloh terkenal dengan ikan patin, di Bukit Tinggi, Bentong terkenal dengan halianya, Bandar Raub dikenali sebagai bandar Durian Musang King. Buah Durian Musang King ini telah mengharumkan nama Malaysia di pasaran antarabangsa, khasnya negara China, Singapura dan seluruh Asia Tenggara. Kita bangga nama Malaysia serta produk Malaysia memasuki pasaran antarabangsa.

Akan tetapi, tahukah kita anggaran di antara 70 hingga 80 peratus daripada eksport buah Durian Musang King dari Raub ini datangnya daripada tanah yang diterokai berstatus tidak sah? Dalam bahasa lain, tanah haram.

Tujuan saya membawa isu ini untuk pengetahuan semua bukan untuk mempertikaikan salah siapa, siapa betul, peneroka salah ataupun kerajaan negeri salah tetapi untuk mencari penyelesaian menang-menang supaya ia dapat membantu ekonomi setempat mahupun juga menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri Pahang.

■1700

Dalam semakan saya terdapat 11,000 ekar penerokaan tanah haram ini. Anggaran kebanyakan pokok besar durian yang berumur melebihi 10 tahun di kawasan

11,000 ekar ini adalah sebanyak 70 peratus. Manakala 90 peratus pokok-pokok yang berumur dari tujuh tahun sehingga 40 tahun ini boleh menghasilkan buah. Hanya 10 peratus pokok-pokok yang berumur bawah tujuh tahun.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kuasa pemilikan tanah adalah kuasa kerajaan negeri. Akan tetapi lesen eksport dan pertanian *ecotourism* adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Masalah yang timbul di sini adalah ketidakpuasan hati peneroka-peneroka yang dianggap tidak sah, tawaran yang ditawarkan oleh syarikat swasta yang telah dipajak oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk berunding dengan peneroka-peneroka tersebut. Tiada inisiatif Kerajaan Negeri Pahang itu sendiri turun padang dan membuat perbincangan secara terus dengan golongan peneroka-peneroka ini tetapi terus melalui perantaraan syarikat swasta.

Di sini saya mencadangkan supaya satu mekanisme besar yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat dibuat ataupun dibina hab makanan dan hab pelancongan di kawasan yang besar ini. Kawasan 11,000 ekar yang telah sedia ada pokok-pokok supaya dapat membantu kerajaan negeri, ekonomi Malaysia dan ia akan menjadikan situasi ataupun suasana menang-menang di antara peneroka-peneroka ini dengan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua adalah isu air bersih di Parlimen Raub. Terima kasih kepada PAIP Pahang dan kerajaan Pahang kerana telah meluluskan peruntukan pinjaman RM18 juta daripada Kerajaan Pusat semasa era zaman saya dahulu untuk membina infrastruktur loji baru di Parlimen Raub. Saya difahamkan kini di peringkat akhir tender.

Walaupun isu air bersih ini adalah isu kerajaan negeri, akan tetapi saya ingin membawa beberapa pengetahuan untuk semua Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini berkenaan salah satu punca-punca masalah air bersih ini mungkin bersamaan dengan kawasan-kawasan Ahli Yang Berhormat yang lain sepertimana soalan Ahli Parlimen Simpang Renggam pagi tadi. Semoga dengan ini ada satu mekanisme besar yang dapat diwujudkan, kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kerajaan Negeri Pahang bagi menyelesaikan masalah ini.

Permasalahan isu air bersih di Parlimen Raub boleh dipecahkan kepada tiga sebab utama. Pertama, saluran paip yang lama *asbestos cement* (AC) yang mudah pecah akibat tekanan ataupun faktor umur. Kedua, pembangunan setempat yang pesat

tanpa mengambil kira kemampuan loji-loji yang sedia ada dan juga masalah NRW. Ketiga, pencemaran air sungai untuk sumber air minuman di loji-loji.

Di sini saya hanya ingin menyentuh sebab yang ketiga iaitu sumber air tercemar sebagai contoh masalah yang berlaku di Loji Air Sungai Bilut. Reka bentuk di Loji Air Sungai Bilut mempunyai 19.05 juta liter sehari dan pengeluaran sebanyak 16.55 juta liter sehari manakala NRW 46.41 peratus yang membekalkan sebahagian besar air ke bandar Raub. Setiap kali hujan lebat Loji Air Sungai Bilut serta Loji Sungai Semantan terpaksa ditutup dua hari sehingga tiga hari sebelum ianya dapat beroperasi semula.

Biasanya loji-loji ini hanya boleh memproses sehingga 1,000 NTU iaitu unit yang digunakan tetapi apabila hujan lebat, kekeruhan air yang berlaku melebihi 10,000 NTU. Punca pencemaran air ini adalah disebabkan oleh lumpur yang turun daripada aktiviti-aktiviti pertanian di kawasan hulu sungai.

Untuk masa yang akan datang, saya mencadangkan satu kajian hidrologi berkenaan sumber air dan perubahan iklim disertai semua keluasan tanah yang digunakan untuk pertanian dan pembangunan khas di Parlimen Raub dan amnya di seluruh Malaysia. Ini bertujuan bagi menempatkan penggunaan air sungai yang lebih efisien, pertanian lestari, air sungai tidak kering dan tercemar oleh aktiviti-aktiviti pertanian serta persediaan menghadapi musim tengkujuh, tanah runtuh, banjir kilat dan sebagainya.

Semenjak kebelakangan ini, hujan yang turun di luar kebiasaan banyaknya berlaku dan mengakibatkan banjir kilat dan juga kepala air yang telah merosakkan harta benda, tanam-tanaman penduduk setempat. Hujan yang lebat dan kuantiti air yang banyak ini adalah berkait rapat dengan perubahan iklim.

Walaupun dengan adanya agensi JPS yang menggunakan *National Water Balance Management System* (NAWABS) dan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) tetapi banjir kilat, pencemaran air sungai tidak dapat dibendung tanpa ada satu kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), semoga kajian hidrologi dan kerjasama antara kementerian ini dapat mengurangkan kebarangkalian berlakunya bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga adalah berkenaan dengan habitat kehidupan liar flora dan fauna serta Orang Asli yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seharian mereka yang ada di bahagian pedalaman. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini semua kementerian seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar mestilah mengadakan satu pasukan khas ataupun *taskforce* yang baru bagi menyelesaikan permasalahan ini.

Dalam tempoh Februari sehingga Julai 2020 tidak kurang tiga kes berkaitan dengan gangguan serangan gajah yang menyebabkan kemusnahan tanaman Orang Asli. Pada bulan Mei 2020 terdapat tanaman di lima buah kampung di kawasan Pos Lenjang di Parlimen Cameron Highlands ya, telah dirosakkan. Bulan Jun 2020, Kampung Segera, Chini, Pekan, gajah telah merosakkan kebun yang tanaman Orang Asli merupakan getah, ubi dan pisang. Manakala pada 19 Jun 2020 seorang tentera berpangkat sarjan telah dilaporkan kritikal diserang oleh gajah liar semasa menjalankan tugas rondaan di kawasan Hutan Royal Belum Gerik, Perak.

Tuan Yang di-Pertua, gajah mempunyai habitatnya tersendiri, gajah akan mengekalkan laluan jalan mereka. Sekiranya kawasan laluan tempat gajah-gajah ini mencari makan dicerobohi dengan pembalakan mahupun pertanian maka tidak hairanlah gajah-gajah ini memasuki kampung-kampung mahupun kawasan yang berhampiran.

Salah satu daripada penambahbaikan dalam rang undang-undang PERHILITAN supaya kawasan-kawasan hutan yang akan dibangunkan ataupun diterokai perlu mendapat komen terlebih dahulu daripada pihak PERHILITAN dan juga alam sekitar. Sementara menunggu rang undang-undang ini dibentangkan mestilah ada satu penyelesaian jangka masa pendek dan kerjasama antara kementerian bagi menghalang dan mengurangkan serangan gajah ini dari terus berlaku.

Saya bersetuju apa yang daripada Yang Berhormat Cameron Highlands tadi dalam ucapan beliau berkenaan dengan Orang Asli. Sebenarnya pada 8 September 2019 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa lawatan baginda di perkampungan Orang Asli di Sungai Ruai, Baginda telah bertitah memohon konsep FELDA untuk Orang Asli seperti mana yang Cameron Highlands nyatakan sebentar tadi.

■1710

Saya juga ingin menyentuh isu dalam menangani pelbagai jenayah penyalahgunaan dadah dan penyeludupan. Sebelum itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan ucapan terima kasih kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador kerana di bawah penyeliaan beliau terdapat dua kes besar kejayaan PDRM dan agensi yang berkaitan melumpuhkan penyeludupan dadah yang besar. Pada September 2019, rampasan dadah terbesar kokain bernilai sejumlah RM2.4 bilion ditemui di Pulau Pinang, di mana Malaysia dijadikan sebagai pusat transit dan dadah ini dibungkus bersama arang-arang batu yang datangnya daripada negara Latin Amerika.

Pada Ogos 2019 telah menumpaskan kartel dadah tempatan, Ketamin dan Kokain yang bernilai hampir RM700 juta di Seksyen U5, Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, anggaran seorang penagih dadah membelanjakan wang di antara sebanyak RM3,000 hingga RM5,000 sebulan. Manakala kos pemulihan untuk seorang penagih dadah sebulan di antara sejumlah RM1,200 hingga RM1,500 sebulan. Daripada data tahun 2017 statistik yang saya ada menyatakan, seramai 470,308 orang penagih dadah dengan nisbah setiap seramai 1,000 orang sejumlah 14.5 orang yang terlibat dengan dadah.

Anggaran keseluruhan penagihan dadah ini membelanjakan duit sebulan sekitar antara sebanyak RM1.4 bilion sehingga RM2.4 bilion. Jika setahun, lebih kurang sejumlah RM16.8 bilion hingga RM28.8 bilion setahun. Manakala, kos pemulihan penagih-penagih ini untuk rawatan adalah antara setahun sebanyak RM6.7 bilion hingga RM8.6 bilion. Manakala, bajet untuk AADK pada tahun 2018 hanya sejumlah RM780 juta. Diharap pihak kerajaan dapat mengadakan banyak kerjasama program-program kesedaran dan pencegahan dengan badan-badan kesukarelawan serta NGO-NGO.

Selain itu, dimohon supaya kerajaan mengambil kira atau dapat juga memberi sumbangan kepada badan-badan NGO swasta yang menjalankan proses rawatan yang mana penagih ini datang secara sukarela tanpa peruntukan sendiri. Peruntukan APD 1983, memang mewajibkan seseorang penagih untuk menjalani rawatan serta pemulihan sama ada secara sukarelawan atau melalui undang-undang.

Ketirisan ekonomi gelap— Malaysia mewakili sejumlah 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) dan dianggarkan berjumlah RM300 bilion setahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub]: Diharap pihak kerajaan dapat membuat satu kajian yang mendalam dengan semua kementerian bagaimana ketirisan ekonomi gelap ini dapat ditandatangani dan pendapatan hasil negara akan bertambah serta meningkat. Kita tidak payah pening kepala sebenarnya untuk memikirkan hasil lain sekiranya komitmen kerajaan ingin mengurangkan ketirisan ini mungkin akan menambahkan lagi pendapatan untuk negara.

Sebagai kesimpulan apa yang saya ingin nyata di sini adalah, kerjasama dengan semua kementerian maknanya pengalaman saya sebelum ini sebagai Timbalan Menteri bukan hanya satu Yang Berhormat Menteri sahaja boleh menyelesaikan satu masalah

ya berkaitan gajah ataupun air. Semua terlibat dengan kementerian lain. Maknanya, kena duduk sekali.

Akhir kata terima kasih kepada semua *frontliners* dan juga kepada Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dalam menangani isu COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Raub.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Bukan untuk dia, untuk Tuan Yang di-Pertua ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Iaitu 36(12) dan juga 36(9C). Tadi, Yang Berhormat Padang Serai telah mengeluarkan kenyataan, iaitu yang menyamakan kerajaan Kedah lebih jahat daripada Israel berhubung dengan perobohan kuil di Kedah. Kemudian, sebelum ini Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Jelutong telah mengeluarkan kenyataan bahawa Kerajaan PAS Kedah telah merobohkan kuil-kuil. Ini ialah— bukan sahaja perkara ini mengelirukan Dewan tetapi perkara yang paling penting adalah 36(9)(c) iaitu menimbulkan perasaan bersakit-sakit hati. Seolah-olahnya dia sebut perkataan 'Kerajaan PAS Kedah'.

Jadi, padahal kerajaan ini ialah Kerajaan Perikatan Nasional bukan Kerajaan PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia seolah-olah meletakkan soalnya macam orang-orang Islam yang memerintah ini, cuba merobohkan kuil. Padahal fakta-fakta menunjukkan bahawa kuil yang sebenarnya yang berpindah— kerana kita buat *double track* kereta api. Maka ia telah dipindahkan telah diganti tempat baharu. Akan tetapi, bila tempat itu ada kosong maka ada usaha pihak tertentu pergi membuat kuil kecil 12 darab lapan lebih kurang begitu, kemudian telah dikeluarkan empat kali notis supaya keluar daripada kawasan rizab yang berkenaan. Akan tetapi, cara yang disebut itu seolah-olahnya merobohkan kuil-kuil— kerajaan PAS lepas dia hari ini menyamakan kerajaan Kedah itu lebih jahat daripada Israel, yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Padang Serai.

Saya minta supaya pihak kerajaan mengambil tindakan untuk merujuk Ahli Parlimen yang berkenaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan pihak Tuan Yang di-Pertua saya minta tolong supaya mereka ini menghentikan ucapan mereka

kalau menyentuh perkara-perkara berhubung dengan 36(9)(c) iaitu perasaan bersakit-sakit hati sesama kaum ataupun sesama rakyat Malaysia. Keduanya, ialah dia telah mengelirukan Dewan.

Dewan ini belum lagi mendapat fakta sebenarnya daripada kerajaan Kedah untuk menceritakan bahawa perkara tersebut adalah tidak benar. Kita hanya menunggu Yang Berhormat Menteri untuk menjawab tetapi sementara Yang Berhormat Menteri hendak jawab benda ini telah pun dihebohkan dalam sosial-sosial media yang tidak bagus dari segi perkauman.

Seorang ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up* Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, baik saya— terima kasih Yang Berhormat Arau saya ambil maklum saya minta supaya Yang Berhormat Arau dapat menulis kepada pihak kami dan kedua-dua Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Saya ingin teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor, selama 20 minit Yang Berhormat.

5.18 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat, Hulu Selangor bangkit untuk pembahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

Pembahasan saya pada hari ini berkisar dengan kebajikan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, Hulu Selangor ingin menzahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas segala jasa dan pengorbanan para perwira di barisan hadapan sepanjang memerangi wabak COVID-19 di negara kita. Pengorbanan ini amat— tanpa mengenal erti penat dan lelah malahan mempertaruhkan nyawa sendiri demi melindungi masyarakat. Sekalung tahniah buat anda semua. Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih dalam fasa pemulihan dari wabak COVID-19. Pelbagai pembangunan telah tergendala semasa tempoh PKP dilaksanakan.

Oleh itu, apakah pertimbangan Kementerian Kerja Raya dalam meneruskan pembangunan yang telah tergendala di Hulu Selangor yang mana rakyat masih menanti tindakan daripada pihak kerajaan untuk menyiapkan Projek Jambatan Batang Kali.

■1720

Penambahan kos yang tidak dikaji secara komprehensif telah menyebabkan pembinaan ini tergendala. Selain itu, cadangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan

FT01 juga masih belum ada kepastian. Hulu Selangor mohon agar isu ini dapat diselesaikan secara berhemah. Telah lama permohonan ini dibuat, telah acap kali dengan izin, *follow-up* dilakukan. Diharapkan pihak kementerian mengambil serius permasalahan ini. Kita tidak mahu melihat lebih ramai nyawa yang tidak berdosa terkorban kerana gagal membeli infrastruktur terbaik buat masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pagi ini baru sahaja berlaku satu kemalangan maut di Jalan Persekutuan FT01. Maka, permohonan ini amat kritikal untuk diutamakan dan mohon pihak kementerian menyusun pembangunan ini di dalam RMKe-12. Kerancangan pembangunan di bandar perlulah dilimpahkan juga ke luar bandar supaya seimbang dan inklusif seluruh negara. Ini bagi memastikan agar kesejahteraan rakyat luar bandar juga dapat dinikmati secara adil dan saksama seperti di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi aspek fasiliti kesihatan, adalah amat wajar bilangannya dipertingkatkan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang mana kepadatan penduduknya semakin meningkat seperti di Hulu Selangor. Hulu Selangor ingin memohon agar permohonan naik taraf klinik kesihatan terutamanya di kawasan yang kritikal dapat diutamakan.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, apakah perkembangan terkini mengenai permohonan diwujudkan sebuah Klinik Kesihatan di Bukit Sentosa, Hulu Selangor bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan? Selain itu, proses untuk menaik taraf Hospital Kuala Kubu Bharu juga wajar diberikan perhatian. Bilangan pesakit dialisis kian meningkat, namun fasiliti sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan semasa. Selain itu, perkhidmatan pakar di hospital ini perlu ditingkatkan lagi agar masyarakat setempat dapat akses yang sewajarnya.

Sering kali juga kedengaran rungutan dari warga emas yang sukar untuk ke hospital pakar seperti Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh. Situasi ini amat mendukacitakan dan meruntun jiwa apabila melihat warga tua terpaksa pergi ke kawasan yang jauh untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Hulu Selangor mohon agar pihak kerajaan membantu rakyat di sini untuk mengangkat dua permohonan ini ke dalam RMKe-12. Ini bagi memastikan akses kesihatan di Hulu Selangor dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Perkhidmatan kesihatan negara adalah hak setiap warganegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, belia di negara kita sedang mengalami fasa yang kritikal apabila wabak COVID-19 melanda negara. Belia yang masih belajar di institusi pengajian tinggi ada yang terpaksa menanggung pengajian untuk menampung,

menyara keluarga. Ada belia yang terpaksa menarik diri dari meneruskan pengajian kerana keluarga tidak lagi mampu untuk menanggung kos pembelajarannya.

Lain pula cerita bagi belia yang telah bekerja. Mereka yang baru ditawarkan kerja, belum sempat melaporkan diri, telah menerima pula notis pembatalan tawaran kerja. Belia yang baru setahun pengalaman kerja menjadi mangsa pertama dengan izin, *retrenchment process* yang dijalankan oleh syarikat berdasarkan '*last in, first out*'. Sedih mengenangkan nasib anak muda kita yang kini kian tersepit dengan kehidupan.

Kadar pengangguran telah mencecah 860,000 dan tidak mustahil dijangka akan meningkat sehingga ke angka dua juta. Kerajaan perlu agresif untuk menangani isu pengangguran ini. Apakah inisiatif Kementerian Belia dan Sukan bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 terutamanya isu pekerjaan dan pengangguran ini? Apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan kadar ketidakdapatan pekerjaan dalam kalangan belia?

Semasa di bawah Perintah Kawalan Pergerakan, sektor keusahawanan menjadi rancak melalui perniagaan atas talian atau dengan izin, *online businesses*. Apakah strategi kerajaan untuk mentransformasikan belia menganggur untuk menceburi keusahawanan ini? Hulu Selangor ingin mencadangkan bantuan seperti geran khas PRIHATIN dapat diperluaskan khususnya kepada golongan belia dan dibuka semula untuk permohonan. Berilah kelonggaran kepada belia yang dibuang kerja dan ingin cuba di bidang keusahawanan. Bimbinglah mereka dan berikanlah galakan untuk mereka kembali membina kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh disebabkan negara mengalami pandemik COVID-19, kempen 'Tahun Melawat Malaysia 2020' telah dibatalkan dan ekonomi sektor pelancongan mengalami penurunan mendadak. Hulu Selangor mencadangkan kepada kerajaan agar dana yang diperuntukkan untuk 'Tahun Melawat Malaysia 2020' disalurkan kepada pengusaha-pengusaha sektor pelancongan.

Sebagai contoh, operator inap desa di negara kita begitu terjejas terutamanya semasa PKP berlangsung. Operasi tidak dapat dilaksanakan, tetapi pengurusan tetap berjalan. Oleh itu, sebarang bantuan amat mereka hargai. Malah, dicadangkan juga geran khas PRIHATIN dapat dipanjangkan kepada pengusaha inap desa. Sebagai daerah yang masih mengekalkan keindahan ekosistem alam sekitar dan mempunyai banyak kawasan tumpuan pelancongan, Hulu Selangor memohon kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk membantu membangunkan Hulu Selangor sebagai hab ekopelancongan.

Hulu Selangor mempunyai prospek yang tinggi dalam sektor pelancongan. Dengan adanya pembangunan ini, ia dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan buat masyarakat setempat di samping memberikan satu pengalaman yang baik buat para pelancong mengenai keindahan alam semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan perkhidmatan bas awam amat kritikal di Hulu Selangor. Kebergantungan penduduk tempatan terhadap perkhidmatan ini amatlah tinggi. Sering kali terdengar rungutan masyarakat tempatan mengenai kekerapan bas awam ini. Sering timbul juga isu bas awam yang tidak selesa kerana dimonopoli oleh golongan pendatang asing.

Saya mohon pihak Kementerian Pengangkutan untuk turun padang meninjau mutu perkhidmatan bas awam di kawasan Hulu Selangor. Selain itu, apakah tindakan yang akan diambil pihak kementerian dalam menyelesaikan isu ini? Bagaimanakah untuk memastikan pengusaha-pengusaha bas awam memberikan perkhidmatan seperti yang dijadualkan?

Hulu Selangor ingin menyentuh sedikit mengenai isu pemandu mabuk. Kita menyambut baik inisiatif yang diambil Kementerian Pengangkutan dalam meneruskan usaha yang dibawa Pakatan Harapan sebelum ini bagi meminda Akta 1987 [Akta 333] berkenaan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah. Hulu Selangor ingin memberikan fokus khususnya kepada kebajikan keluarga mangsa kemalangan.

Dicadangkan agar pihak kerajaan dapat mengkaji semula mekanisme penetapan pampasan ataupun ganti rugi yang akan diberikan kepada keluarga mangsa. Kadar penetapan tersebut seharusnya ditambah baik untuk menjamin kelangsungan hidup masa depan keluarga mangsa. Ia perlulah mengambil kira kemungkinan kehilangan punca pendapatan keluarga mangsa, yang dirasai oleh keluarga mangsa dan masa depan waris mangsa. Selain itu, prosedur ganti rugi juga harus ditambah baik agar lebih efektif dan tidak membebankan keluarga ataupun waris mangsa. Mohon pihak kerajaan dapat melihat juga akan isu ini dengan lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa industri asas tani turut memainkan peranan penting di dalam negara kita, terutamanya di kawasan luar bandar. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan harus melihat kembali dasar-dasar, program serta inisiatif yang telah digarapkan untuk membantu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dalam negara kita.

Kita perlu mencari jalan penyelesaian pantas untuk mengurangkan kebergantungan sayuran import. Mohon juga pihak kerajaan membantu para petani kita untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian yang berteknologi tinggi. Ini memberi

peluang besar kepada pengusaha untuk meningkatkan had pengeluaran semasa di samping dapat membantu negara secara tidak langsung mengurangkan kadar kebergantungan mengimport sayur-sayuran.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada membangkitkan mengenai kejatuhan harga komoditi kebelakangan ini memberikan kesan kepada pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Apakah perkembangan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dalam menerokai pasaran-pasaran baharu dan bekerjasama dengan negara-negara pengeluaran lain bagi menstabilkan harga komoditi berkenaan di pasaran antarabangsa. Kerajaan perlu membantu pekerja kecil mempelbagaikan tanaman dan meneroka tanaman baharu bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran komoditi terutamanya penanaman kelapa sawit.

Pekebun-pekebun harus berani menceburkan diri dalam aktiviti penanaman tanaman baharu yang mampu memberi pulangan yang lebih lumayan. Selain itu kementerian perlu membantu para pekebun agar tidak hanya bergantung kepada pemasaran produk mentah. Mereka perlu dibimbing untuk menginovasi dengan izin, *end product* berasaskan komoditi kita. Secara tidak langsung peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan di samping menambah baik nilai produk tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan, walaupun negara mengalami kemunduran ekonomi dapat kita lihat ia telah membuka satu peluang luas kepada rakyat menceburi diri dalam bidang keusahawanan terutamanya secara atas talian atau dengan izin, *online business*. Maka amatlah elok jika pemerksaan wanita dapat kita galakkan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Tidak dilupakan juga golongan OKU dan ibu tunggal yang berminat untuk menceburkan diri dalam keusahawanan perlulah kita tuntut. Dengan memberikan galakan kepada mereka diharapkan dengan inisiatif yang ini dapat kita bantu golongan OKU dan ibu tunggal untuk mereka mencipta sumber pendapatan yang tetap mahupun sampingan.

Oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu usahawan, ibu tunggal dan OKU terutamanya di kawasan luar bandar seperti Hulu Selangor. Dicadangkan agar kursus pendedahan terhadap keusahawanan, strategi promosi, digital perniagaan dapat

dijalankan untuk membantu OKU, ibu tunggal dan wanita yang ingin menceburkan diri dalam keusahawanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor kini dilihat sebagai satu kawasan yang strategik bagi menarik lebih banyak pembangunan perindustrian aeroangkasa. Justeru itu Hulu Selangor ingin bertanya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, adakah badan-badan kerajaan mahupun swasta yang terlibat dapat turut sama membangunkan sektor aeroangkasa di kawasan Hulu Selangor?

Apakah usaha sama yang dapat kita laksanakan untuk merealisasikan cadangan ini? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh daerah luar bandar bagi membangunkan kawasan ini untuk menarik lebih ramai pelabur dalam sektor aeroangkasa?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu pendatang asing tanpa izin masih lagi menghantui negara kita. Kita tidak nafikan usaha pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dalam menangani isu ini. Namun di sini saya ingin suarakan kegusaran masyarakat terutamanya di sekitar Bukit Beruntung, Hulu Selangor ketenteraman awam diganggu gugat oleh kehadiran pendatang asing tanpa izin yang bebas ke mana-mana dan keluarga juga berasa tidak selamat apabila berada di luar rumah. Oleh yang demikian, pertanyaan buat Kementerian Dalam Negeri berapakah ramai sehingga kini PATI yang ditangkap di sekitar Hulu Selangor dan berapakah orang yang telah dihantar balik ke negara asal mereka?

Adakah sebarang tindakan diambil terhadap majikan yang menggaji PATI ini? Apakah langkah kerajaan bagi mengawal selia kemasukan PATI selain daripada penguatkuasaan? Sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup Hulu Selangor berharap semoga barisan kerajaan dapat mempertimbangkan segala permasalahan yang dibangkitkan dan usul yang dicadangkan dalam perbincangan Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih. Hulu Selangor dengan ini menyokong titah diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan 5.35 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 27 Julai 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]